

24 JULAI 2017 (ISNIN)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2017

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 24 JULAI 2017 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. Datuk Halimatun Saadiah Binti Bohan
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

24 JULAI 2017 (ISNIN)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Teepah a/p Athimoolam
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

Pelapor Perbincangan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

24 JULAI 2017 (ISNIN)

SETIAUSAHA: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas pada 24 Julai 2017 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PROKLAMASI

SETIAUSAHA DEWAN: Proklamasi Oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

Bahawasanya Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

Maka Oleh Yang Demikian, Beta, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 24 Julai hingga 28 Julai 2017 dan 31 Julai hingga 04 Ogos 2017 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

Diperbuat di Istana Alam Shah Klang pada 6hb Jun 2017 dengan titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Salam sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor, pegawai-pegawai kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu lagi dalam Mesyuarat Kedua Dewan yang mulia ini bagi Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas. Sebelum Aturan Urusan Mesyuarat diteruskan saya ingin memaklumkan perjalanan persidangan kali ini Dewan menggunakan sistem E-Sidang buat pertama kali. Sistem

E-Sidang akan memudahkan Ahli Dewan Negeri dan Ketua Jabatan bertugas untuk mendapatkan maklumat mengenai Pertanyaan, Aturan Urusan Mesyuarat dan Minit Mesyuarat. Selain boleh berhubung dan menghantar pesanan Ahli Dewan Negeri dan ketua jabatan juga boleh berkongsi fail dan penggunaan berkaitan penggunaan persidangan sepanjang mesyuarat berlangsung. E-sidang juga dapat mengurangkan penggunaan kertas. Saya juga ingin memaklumkan bahawa terdapat satu taklimat oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang akan diadakan pada hari ini bertempat di Bilik Gerakan, Tingkat 2, Bangunan Annex pada jam 1 hingga 2 petang. Semua Ahli Dewan Negeri adalah dijemput untuk hadir. Di atas meja semua Ahli Dewan Negeri juga terdapat satu senaskah Peraturan Tetap edisi baru yang telah dicetak untuk kegunaan semua Ahli Dewan Negeri. Sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

III. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat:

- i) Kertas mesyuarat Bilangan 9 tahun 2017
 - Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Tahun 2015.
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2017
 - Laporan Tahunan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Tahun 2015.
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2017
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP-ABAS Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Pelaksanaan Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) Dari Segi Tadbir Urus Dan Kewangan.
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2017
 - Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam *Public Accounts Committee* PAC bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu pemberian tender oleh Jabatan Pengairan dan Saliran JPS bagi Projek Pintu Air di Sungai Keramat pada tahun 2016.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2017
Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor *Special Select Committee on Water Resource Management in Selangor* (JPK-SAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Kualiti Post-Mortem Pencemaran Air Di Sungai Air Semenyih.
- vi) Kertas Mesyuarat Bilangan 14 tahun 2017
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JP-PBT Berhubung Bebas Plastik Polistirena Di Negeri Selangor.

Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Baiklah Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, Soalan Nombor 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(NO4 SEKINCHAN)**

TAJUK: SKIM PEDULI SIHAT

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila nyatakan bagaimanakah sambutan rakyat terhadap skim tersebut.
 - b) Sila kemukakan jumlah kelulusan terkini Kad Peduli Sihat mengikut pecahan DUN dan kaum.
 - c) Sila nyatakan apakah kelemahan yang dikenal pasti dalam proses mempercepatkan kelulusan setiap permohonan.

Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Sekinchan, Tuan Speaker, Soalan 1 daripada Y.B. Sekinchan adalah berkaitan Skim Peduli Sihat (SPS) yang akan dijawab bersekali dengan soalan-soalan seperti berikut:

- i) Soalan 31 daripada Yang Berhormat Seri Andalas
- ii) Soalan 103 daripada Yang Berhormat Jeram
- iii) Soalan 172 daripada Yang Berhormat Hulu Kelang

24 JULAI 2017 (ISNIN)

- iv) Soalan 206 daripada Yang Berhormat Kota Anggerik
- v) Soalan 215 daripada Yang Berhormat Kajang

Seperti yang kita sedia maklum, Skim Peduli Sihat yang telah dilancarkan pada 24 Januari 2017, membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap bebanan kos rawatan kesihatan rakyat yang semakin tinggi. Program yang terunggul di Malaysia dan hanya terdapat di Negeri Selangor ini merupakan satu program yang berimpak tinggi selari dengan peruntukan yang telah dikhususkan untuk pelaksanaannya, iaitu RM125 juta setahun.

Tuan Speaker,

Yang Berhormat Kajang, Yang Berhormat Kota Anggerik, Yang Berhormat Seri Andalas, Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Jeram dan Yang Berhormat Hulu Kelang bertanyakan berkaitan jumlah keahlian Skim Peduli Sihat serta pecahan mengikut Dewan Negeri. Untuk makluman Ahli Dewan, jumlah permohonan keahlian Skim Peduli Sihat yang telah berdaftar sehingga 12 Julai 2017 adalah sebanyak 216,051 orang ahli. Jumlah ahli mengikut Dewan Negeri mungkin saya tidak boleh nyatakan setiap satu saya hanya jawapan kepada yang bertanya iaitu N04 Sekinchan 2,486, N12 Jeram 5,602, N18 Hulu Kelang 2,319, N25 Kajang 1,963, N40 Kota Anggerik 3,852, N49 Seri Andalas 4,262. Yang Berhormat Sekinchan bertanyakan berkaitan keahlian Skim Peduli Sihat mengikut kaum, berikut adalah pecahan mengikut kaum sehingga 12 Julai 2017. Daripada kaum Melayu berjumlah 142,558 iaitu 66%, kaum Cina berjumlah 31,451 iaitu 14%, kaum India berjumlah 40,367 iaitu 19% dan lain-lain kaum berjumlah 1,675 iaitu 1%. Yang Berhormat Jeram bertanyakan jumlah permohonan SPS yang ditolak dan sebab penolakan. Jumlah permohonan yang ditolak adalah sebanyak 5,235 permohonan. Antara sebab permohonan yang ditolak adalah yang pertama dokumen sokongan yang tidak lengkap, kedua gaji melebihi had yang ditetapkan, ketiga tempoh pemastautin tidak mencukupi dan yang keempat dokumen sokongan yang mencurigakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Kajang, Yang Berhormat Kota Anggerik, Yang Berhormat Seri Andalas dan Yang Berhormat Jeram turut bertanyakan berkaitan peruntukan yang telah dibelanjakan untuk SPS serta pecahan mengikut Dewan Negeri. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 12 Julai 2017, bagi pelaksanaan Skim Peduli Sihat adalah sebanyak RM1,621,950.27. Jumlah tersebut merupakan amaun tuntutan ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh klinik panel SPS bagi menampung kos rawatan peserta SPS yang telah pun berjumlah 36,225 orang. Berikut adalah jumlah amaun tuntutan mengikut Dewan Negeri dan saya akan menjawab mengikut soalan daripada Adun-adun yang bertanya N49 Seri Andalas

24 JULAI 2017 (ISNIN)

949 orang bernilai RM43,286.75, N12 Jeram 961 orang iaitu RM43,093.60 seterusnya N40 Kota Anggerik 538 berjumlah RM24,381.90, N18 Hulu Kelang 540 orang iaitu RM22,202.80, N25 Kajang 387 orang iaitu RM17,632.60 dan N04 Sekinchan 319 orang dengan nilai RM14,533.50 dan jumlah keseluruhan 36,225 orang dengan nilai RM1,621,950.27. Yang Berhormat Jeram bertanyakan berkenaan klinik panel bagi Skim Peduli Sihat, pada masa ini sebanyak 624 klinik panel yang telah berdaftar dengan SPS. Berikut adalah pecahan klinik panel mengikut Dewan Negeri dan saya hanya akan menjawab daripada yang bertanya iaitu N04 Sekinchan 1 buah klinik sahaja,

TUAN SPEAKER: Sementa, boleh bagi secara bertulis nanti.

Y.B. TUAN DR DAROYAH BINTI ALWI: Baik Tuan Speaker, lima soalan Tuan Speaker, mungkin sedikit masa.

TUAN SPEAKER: Ringkaskan.

YB PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI: Mungkin yang paling tinggi adalah Kajang N25, 27 klinik, Kota Anggerik 48 klinik, dan Seri Andalas, 7 klinik sahaja. Permohonan keahlian Peduli Sihat boleh dibuat melalui 2 kaedah dengan membuat permohonan secara dalam talian *online*, atau melalui Pusat Khidmat Masyarakat yang berhampiran bagi memudahkan permohonan petugas PKM akan membantu menguruskan pendaftaran Skim Peduli Sihat terutama kepada golongan yang kurang upaya dan golongan yang kurang dan golongan berpengetahuan penggunaan menggunakan capaian Internet proses ini dapat mempercepatkan kelulusan setiap permohonan yang diterima.

Bagi memperkasakan Program Peduli Sihat demi kepentingan dan kebajikan rakyat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan beberapa kategori khas yang akan didaftarkan dan diluluskan oleh pihak *Selgate Corporation Sdn. Bhd.* Selaku pihak yang telah dilantik bagi menguruskan pelaksanaan SPS kategori khas ini dilaksanakan kerjasama agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri yang mempunyai rekod penerima yang layak untuk menerima manfaat di bawah program ini. Senarai penerima manfaat SPS di bawah kategori khas yang ditetapkan adalah untuk orang kelainan upaya anak-anak yatim, guru-guru KAFA, imam masjid dan surau, fakir miskin dan asnaf, ketua kampung dan ketua komuniti kaum India, serta warga emas yang berusia 60 tahun ke atas. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan tambahan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana Skim Peduli Sihat ini telah mendapat sambutan 216,000 dalam masa yang begitu singkat ini merupakan kejayaan yang besar dan terdapat juga aduan yang mengatakan daripada panel-panel doktor yang mereka menerima kad Peduli Sihat tetapi oleh kerana *access internet* ada masalah dan tidak dapat mencapai maklumat tersebut akhirnya pemegang kad Peduli Sihat itu dikenakan bayaran jadi pemegang-pemegang kad Peduli Sihat mereka mengadu tidak dapat menggunakan kad tersebut bukan kerana mereka tak ada jadi ada apakah cara Kerajaan Negeri untuk mengatasi sedemikian supaya pemegang kad dapat menggunakan kad tersebut tanpa bayaran. Sekian, terima kasih.

YB PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI: Terima kasih Sekinchan, Tuan Speaker untuk masalah yang dihadapi tentang perkara yang disebutkan oleh Sekinchan pihak *Selgate* telah pun memberikan maklumat kepada pihak klinik agar ada dua *option* yang pertama mengambil *cash* daripada *patient* tetapi akan dibayar semula kepada *patient* apabila *line internet* ataupun pengurusan tersebut kembali normal semula. Itu yang pertama atau pun kad mereka ini mereka akan diberikan *option* untuk membayar kemudian dan pihak *Selgate* akan memastikan kedua-dua bayaran sama ada *invest* daripada *patient* kepada klinik atau pun klinik bayar balik kepada *patient* akan dipantau oleh *Selgate* jadi bukan lah hanya *patient* membayar kemudian pihak klinik tidak dapat tidak mengembalikan semua mereka kedua-duanya akan mendapat maklumat tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sabak

YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih, Tuan Speaker saya bila dengar DUN-DUN lain ada 20, 30 klinik apa semua, rasa gembira juga tapi bila balik ke Sabak hanya ada satu klinik sahaja yang diterima. Jadi pertanyaan saya boleh kepada Kerajaan Negeri kalau kita mohon untuk menambah lagi klinik-klinik panel terima kasih.

YB PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI: Terima kasih Sabak, Tuan Speaker untuk penambahan klinik-klinik panel pihak Kerajaan Negeri memang kita membuka ruang yang seluas-luasnya kepada semua klinik-klinik yang ada di kawasan masing-masing sekiranya contoh di Sabak hanya ada dua klinik sahaja boleh maknanya memaklumkan kepada klinik yang ada di sana untuk memohon kepada untuk memohon sebagai panel Skim Peduli Sihat ini. Dan setengah kawasan juga setengah DUN tidak banyak klinik-klinik swasta ini contohnya di Sungai Air Tawar juga tiada masih kosong jadi kita meminta kepada pihak-pihak di kawasan seperti ADN atau pun pemimpin kawasan untuk memaklumkan kepada klinik-klinik tersebut jadi ini untuk memudahkan kepada

24 JULAI 2017 (ISNIN)

pesakit-pesakit di kawasan kita untuk mendapat rawatan terdekat di tempat mereka.
Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

YB TUAN NG SUEE LIM: Soalan tambahan oleh sebab YB EXCO ada tempat-tempat tak ada panel doktor kalau rawatan tradisional seperti momok boleh dikategorikan atau tidak dalam panel itu sebab tak ada klinik.

YB PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI: Terima kasih Sekinchan, Tuan Speaker rawatan kepada momok kita tidak benarkan kerana tiada dukun ataupun bomoh atau pun yang tidak ada tauliah, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya bertanya kepada EXCO ada negeri luar Selangor dia rasa *jealous* kepada program ini, ada Menteri Besar di luar Selangor respons kepada program ini apa dengan Yang Berhormat.

YB PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI: Terima kasih Kota Anggerik, kita juga ada mendengar beberapa seorang Menteri pada luar Selangor seorang Menteri Besar luar Selangor yang melihat Skim Peduli Sihat yang kita laksanakan di Negeri Selangor ini seperti tidak mereka lihat satu kejayaan besar kepada kita jadi saya ingin menasihatkan kepada Menteri Besar tersebut agar melihat kejayaan yang kita buat ini cubalah dilaksanakan di negeri mereka juga kerana mereka juga mempunyai simpanan juga yang besar seperti Negeri Selangor jadi manfaatkanlah untuk rakyat masing-masing seperti yang kita buat di Negeri Selangor, sekian.

TUAN SPEAKER: Sabak

YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Tuan Speaker, soalan saya No.2

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PROGRAM PENGHANTARAN PELAJAR BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN
DI UNIVERSITI ISLAM MADINAH (UIM)**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Apakah program ini masih diteruskan?
 - b) Apakah Kerajaan bercadang mengadakan perbincangan dengan pihak UIM bagi menambah kuota pelajar?
 - c) Apakah kaedah pemantauan bagi memastikan pelajar ini kembali dengan ajaran dan pemikiran yang betul dan wadi'ie?

YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera Tuan Speaker, Sabak bertanyakan berkaitan tentang program penghantaran pelajar bagi mengikuti pengajian di Universiti Islam Madinah. Untuk makluman bahawa melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang Ke-6 2017 yang diadakan pada 15 Februari 2017, yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke7 2017 pada 22 Februari 2017 bahawa Kerajaan Negeri tidak meluluskan penghantaran pelajar-pelajar untuk Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Al-Quran dan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Islam Madinah Arab Saudi dengan mengambil kira pelajar-pelajar yang kita hantar ini adalah pelajar-pelajar yang muda yang mengikuti kursus Ijazah yang pertama dan dikhuatiri kalau mereka ini mungkin akan terlibat dalam ajaran-ajaran yang bertentangan dengan apa yang diamalkan di Selangor dan pemikiran yang mungkin tidak bertepatan dengan apa yang diamalkan di Negeri Selangor ekoran daripada itu Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengadakan atau pun pertambahan kuota seperti mana MOU yang telah diadakan dengan Kerajaan dengan Universiti Islam Madinah sebelum ini pun begitu Kerajaan Negeri masih lagi akan meletakkan penghantaran pelajar-pelajar yang lebih khusus dalam peringkat Ijazah dan Doktor Falsafah dalam bidang pengurusan yang terpilih beberapa kaedah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memantau pelajar-pelajar di sana melalui pemantauan berkala yang dilaksanakan seperti pertama pemantauan pegawai Hal Ehwal Pelajar Selangor yang pusat di Mesir, kedua pemantauan daripada Kedutaan Besar di Arab Saudi dan yang ketiga pemantauan melalui Persatuan Pelajar di Madinah serta hubungan langsung secara maya dengan pegawai daripada Jabatan Agama Islam Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sabak

YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih, Tuan Speaker saya menerima dan memaklumkan tentang masalah yang besar yang akan timbul dengan menghantar pelajar sebagaimana yang disebut oleh EXCO sebentar tadi tentang berlakunya

24 JULAI 2017 (ISNIN)

kemungkinan akan berlakunya pengaruh-pengaruh ajaran-ajaran yang asing dan tapi waktu yang sama kita sedia maklum bahawa sebelum ini pun telah ramai pelajar-pelajar Selangor yang pergi secara persendirian dan mereka kembali dan ada di antara mereka yang memang berdisiplin terhadap ilmu dan mereka tidak terpengaruh bah kan ramai juga yang telah mengisi dalam beberapa

TUAN SPEAKER: Soalannya Sabak

YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Nak bagi senario sikit, jadi persoalannya yang soalan yang saya nak kemukakan apakah untuk persediaan awal yang kita perlu untuk adakan sebelum daripada penghantaran pelajar ini bagi memastikan bahawa mereka tidak akan terlibat dalam membawa fahaman-fahaman yang asing sedangkan fahaman yang kita amalkan di Malaysia adalah fahaman memang fahaman yang telah selari dengan kehendak dan yang selari dengan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah itu sendiri. Terima kasih.

YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya kira sehingga ada satu kaedah yang terbaik yang kita lihat maknanya daripada peringkat awalnya pemantapan kepada pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran di sana kita telah lebih rasa selesa dan juga pemantapan dari segi pemantauan pelajar-pelajar yang berada di sana kerana buat masa ini memang kita tidak ada satu pemantauan yang khusus seperti mana yang saya katakan ikutan daripada pegawai Hal Ehwal Pelajar Selangor yang ditempatkan di Mesir itu juga saya kira tidak mampu untuk memantau secara lebih dekat pelajar-pelajar yang berada di Universiti Islam Madinah ini kerana mereka ini juga pegawai ini juga diberikan amanah untuk memantau setiap pelajar yang berada di Mesir, Jordan, Morocco dan juga di Yaman dan saya kira mungkin apabila ada satu kaedah yang terbaik daripada segi persediaan pelajar-pelajar kita untuk kita hantar ke sana dan pemantauan yang kita boleh pantau dengan lebih rapi lagi mungkin kita akan menyambung semula penghantaran ke sana, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kajang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPDA
YB DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK: WIFI SMART SELANGOR

3. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

24 JULAI 2017 (ISNIN)

- a) Apakah sasaran pencapaian *Wifi Smart* Selangor hingga Disember 2017?
- b) Apakah tahap liputan *Wifi Smart* Selangor mengikut pecahan perbandaran dan luar bandar?
- c) Apakah rancangan Negeri dalam pengaktifan semula *Wifi* percuma di balai raya JKKK?

YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, mengambil 24(2) saya ingin mengambil soalan daripada Kajang.

TUAN SPEAKER: Saya benarkan.

YB PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, tentang soalan No.3 bahagian (a) tentang sasaran pencapaian *Wifi Smart* Selangor sehingga Disember 2017 sehingga kita terdapat 3,239 lokasi *hotspot Wifi Smart* Selangor di Negeri Selangor iaitu peningkatan daripada 2,981 *hotspot* pada tahun lepas, pemasangan *Wifi Smart* Selangor disasarkan mencapai jumlah sebanyak 4100 lokasi *hotspot* di seluruh Negeri Selangor menjelang Disember 2017. Pemasangan semula *hotspot* yang sedia ada ke lokasi baru terutamanya di kawasan luar bandar juga sedang giat dalam pelaksanaan bagi memastikan pemasangan *Wifi Smart* Selangor tidak hanya tertumpu kepada kawasan bandar. Bagi (b) iaitu tahap liputan *Wifi Smart* Selangor mengikut pecahan perbandaran dan luar bandar 76 peratus pemasangan *hotspot Wifi Smart* Selangor yang sedia ada adalah tertumpu di kawasan yang terletak di bawah Majlis Bandar Raya Petaling Jaya, Majlis Bandar Raya Shah Alam, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Klang. Pemasangan *hotspot* disasarkan kepada kawasan yang berkepadatan tinggi para belia dan tempat tumpuan ramai. Oleh itu peratusan yang lebih tinggi di kawasan perbandaran adalah sejajar dengan perangkaan taburan penduduk di Negeri Selangor iaitu 93 peratus daripada penduduk berada di kawasan bandar. Termasuklah kawasan berpendapatan rendah di dalam bandar dan 7 peratus di kawasan luar bandar di mana penebusan jalur lebar adalah 79 peratus di Negeri Selangor. Bagi memastikan jurang digital atau pun *digital gap* dengan izin di kawasan luar bandar dapat dikurangkan pemasangan semula *hotspot* yang sedia ada ke lokasi baru sedang dilaksanakan bagi memastikan kawasan berpendapatan rendah dan luar bandar dapat mengambil manfaat daripada projek *Wifi Smart* Selangor ini. Tentang (c) Rancangan Negeri dalam pengaktifan semula *Wifi* percuma di balai raya JKKK tempat tumpuan orang ramai seperti balai raya, dewan dan pusat komuniti yang terletak di

kawasan luar bandar dan didiami oleh golongan berpendapatan rendah adalah merupakan tempat pemilihan atau pun tempat pilihan utama bagi pemasangan *hotspot WiFi Smart* Selangor setakat ini bagi kategori balai raya, dewan dan pusat komuniti terdapat 117 lokasi *hotspot WiFi Smart* Selangor di mana 50 daripadanya dipasang di balai raya, JKKK.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Nyatakan secara terperinci pelaksanaan program tersebut.
 - b) Apakah garis pendapatan kemiskinan yang diguna pakai dan berapakah jumlah bilangan keluarga isi rumah miskin yang telah dikenalpasti?
 - c) Nyatakan jumlah dan peratus yang telah terkeluar dari kelompok miskin selepas mengikuti program tersebut.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan komited dalam mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam pelbagai dimensi. Pelbagai inisiatif terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan *distributive justice* kepada rakyat. Inisiatif dan usaha kerajaan negeri ini dapat dilihat melalui pelaksanaan pelbagai program bantuan oleh pelbagai jawatankuasa tetap dan jabatan dan agensi untuk meningkatkan taraf sosial ekonomi golongan berpendapatan rendah di samping mengurangkan bebanan kos sara hidup dari pelbagai aspek. Antara langkah-langkah dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi adalah seperti berikut. Program bantuan perumahan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam memenuhi keperluan rakyat untuk memiliki rumah pada harga yang mampu dimiliki dan selesa untuk diduduki adalah rumah Selangorku. Manakala bantuan skim pembiayaan perumahan adalah melalui Skim DanaSel dan Skim Selangor *Smart Home Buyer*. Skim *Smart Saver* pula diwujudkan bertujuan bagi membantu golongan berpendapatan sederhana untuk

menyewa dan akhirnya berupaya memiliki rumah di Negeri Selangor. Selain itu, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin disasarkan khusus kepada golongan miskin yang menetap di rumah yang serba daif di mana rumah akan dibina dan diberikan secara percuma kepada yang layak. Program Bantuan Pengupayaan Ekonomi, Program-program Bantuan Ekonomi pula adalah seperti Hijrah, Dana Usahawan Mikro, Program Bantuan Makanan Asas (*Food Stamp*), Program Bantuan Nelayan atau Akuakultur, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Pemberian Bantuan Secara Baucar Untuk Rakyat Miskin sempena perayaan serta pelbagai lagi Program Inisiatif Peduli Rakyat seperti Program Air Percuma Sebanyak 20 Meter Padu Sebulan. Program Skim Mesra Usia Emas, Skim Tabung Warisan Anak Selangor, Hadiah Anak Masuk Universiti, Insentif Perkahwinan Belia dan lain-lain. Melalui program-program tersebut ia dijangka berupaya melonjakkan dan meningkatkan pendapatan golongan miskin yang akhirnya dapat mengeluarkan mereka dari kitaran kemiskinan. Ini secara tidak langsung akan menghasilkan impak positif terhadap taraf dan kesejahteraan hidup rakyat secara berterusan. Program-program bantuan peningkatan tahap kesihatan seperti Skim Peduli Sihat, Program Dialisis Rakyat, Skim Pemeriksaan Memogram Dan Program Bantuan Kesihatan Selangor merangkumi bantuan seperti katarak mata, pembedahan kecil, lain-lain rawatan dan kaki palsu pula dilihat sebagai inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengurangkan bebanan kos hidup rakyat melalui bantuan kesihatan ke arah melahirkan rakyat yang sihat dan cergas. Terdapat pelbagai program bantuan pengupayaan pendidikan yang bukan sahaja berupaya memperkukuhkan daya saing graduan malahan dapat mempertingkatkan kebolehpasaran mereka antaranya adalah seperti program latihan teknikal dan vokasional di Kolej Antarabangsa INPENS, Selangor Business School dan Program Bootcamp Akademi. Manakala program yang dapat membantu meringankan bebanan rakyat melalui penajaan ataupun pembiayaan pendidikan pula adalah seperti program peduli siswa. Biasiswa dan pinjaman negeri Selangor. Biasiswa Selangor untuk pelajar KUIS dan Unisel. Program bantuan sara diri pelajar untuk pelajar KUIS, UNISEL dan INPENS. Program kemahiran teknikal untuk pelajar INPENS. Program Tuisyen Rakyat, program bantuan subsidi tambang bas sekolah untuk anak pekerja ladang, program bantuan yuran pengajian untuk IPTA dan IPTS untuk anak pekerja ladang dan program kecemerlangan UPSR untuk anak pekerja ladang. Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri Selangor amat prihatin dan komited dalam usaha membantu meringankan bebanan rakyat dalam pelbagai aspek dengan memberi manfaat kepada semua rakyat terutama golongan berpendapatan rendah tanpa mengira gender dan etnik di samping memastikan rakyat terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan. Usaha pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat terus menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dengan mempertingkatkan tahap pendapatan kadar sosial ekonomi serta menganjak paradigma rakyat untuk berhijrah keluar daripada kitaran kemiskinan. Untuk

24 JULAI 2017 (ISNIN)

itu pendapatan garis kemiskinan Negeri Selangor terkini yang diguna pakai oleh semua jabatan atau agensi di Negeri Selangor...

TUAN SPEAKER: Kota Alam Shah boleh ringkaskan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Ya. Saya perlu habiskan Tuan Speaker. Pohon 5 minit.

TUAN SPEAKER: Tak boleh 5 minit.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Ok bagi 2 minit.

TUAN SPEAKER: Ringkaskan dua tiga ayat.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Saya ingin menyatakan paras garis kemiskinan yang diguna pakai sehingga hari ini adalah RM1500 seisi rumah dan juga ia telah ditetapkan oleh MMKN pada tarikh 7 Disember 2016 dan dalam pada itu juga kita juga perlu dilihat bagaimana peratus pengurangan kemiskinan. Kalau mengikut laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas tahun 2014 yang telah disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan penurunan insiden kemiskinan daripada 0.4% pada tahun 2012 kepada 0.2% pada tahun 2014. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini bukan soalan tambahan sebab dia tak jawab lagi soalan. Walaupun program secara terperinci tapi kita nak tahu daripada RM1500 kadar kemiskinan pendapatan yang digunakan berapa jumlah yang dikenal pasti di Negeri Selangor dan berapa selepas pelaksanaan program ini telah keluar jumlah dan peratus sebab kita nak lihat keberkesanan program yang telah diperincikan tadi.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Sungai Burong. Soalannya seperti yang telah dinyatakan yang telah diminta adalah sebenarnya apakah garis pendapatan kemiskinan yang diguna pakai dan berapakah jumlah bilangan keluarga isi rumah miskin yang telah dikenal pasti. Dalam pada itu kami telah nyatakan mengikut keputusan Kerajaan Negeri pada tahun 2014 melalui MMKN. 2016 melalui MMKN telah memutuskan bahawa RM1500 sebagai satu paras garis kemiskinan yang paling tertinggi dalam Malaysia walaupun negeri-negeri yang lebih kaya seperti negeri Sarawak gagal menetapkan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kita nak tahu dari 0.4% tu berapa jumlah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Ia saya nak jawab ni. Biar saya jawab. Kita telah menetapkan satu paras garis kemiskinan yang tinggi dan dalam pada itu juga saya telah menyatakan bahawa Jabatan Perangkaan telah menunjukkan satu kadar kemiskinan yang diturunkan pada tahun 2012 pada kadar paras kemiskinan dicatat sebagai 0.4%. Namun begitu pada tahun 2014 ia telah diturunkan kepada 0.2% itu telah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalan kita senang sahaja. Pada garis panduan RM1500 itu berapa jumlah yang dikenal pasti kemudian lepas itu kerajaan Selangor melaksanakan program jadi kita hendak lihat setakat ini bukan keseluruhanlah walaupun tujuan nak sifarkan itu setakat ini berapa yang telah dicapai. Kalau tak dapat jawapan sekarang pun boleh tangguh sebab kita perlukan angka ini untuk melihat sejauh mana keberkesanan begitu banyak yang dilaksanakan di Selangor ini dapat ditumpukan pada kumpulan sasaran yang sebenar. Itu yang kita nak tahu.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker tadi sebenarnya saya telah nyatakan paras garis kemiskinan dengan itu dan kita telah membantu dengan pelbagai program. Nanti dulu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tahu RM1500

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Duduk dulu.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, saya dah dengar statistik yang Kota Alam Shah berikan 0.2% dan 0.4% itu yang Kota Alam Shah ada. Itu dia.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Masa menetapkan RM1500 itu berapa kumpulan yang telah ada 60000 atau 200000 ke di negeri Selangor kemudian barulah kita melihat penurunannya berapa persen sehingga kini. Kalau tak ada maklumat itu sekarang tak apa. Kita minta tangguh kita nak jawapan itu.

TUAN SPEAKER: Kota Alam Shah ada tak sekarang nombor itu kalau tak berikan secara bertulis.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Sebenarnya daripada soalan yang asal tidak menyatakan dengan jelas perkara tersebut. Namun begitu saya rasa saya perlu jawab dulu. Perkara ini sebenarnya melibatkan pelbagai *STANDCO* dan juga pelbagai agensi.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, saya pun nak dengar. Kota Alam Shah ada atau tidak soalan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Bagi saya tiada sebarang khusus kepada jawapan kerana tiada kajian menyeluruh bagaimana ia telah mencapai. Itu

24 JULAI 2017 (ISNIN)

benar tapi perlu di sini saya menyatakan bahawa segala program telah mencapai sasaran mengikut jawatankuasa-jawatankuasa masing-masing. Di sini apabila dinyatakan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Macam mana nak tahu sasaran kalau *target* nya tak ditentukan. Macam kita nak menembak kita kena ada *target* nya.

TUAN SPEAKER: Baiklah Kota Alam Shah. Ya Sungai Burong saya faham isu Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tadi saya nyatakan kita ada segala program-program yang kita buat dan terlalu banyak jawatankuasa dan bila nyatakan kemiskinan ia melibatkan program IPR yang melibatkan terlalu banyak jawatankuasa. Kami perlu...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Benda ni *simple* saja. Kerajaan Negeri dah tetapkan RM1500 dia punya pendapatan

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, semua dah faham soalan Sungai Burong tak payah jelaskan lagi. Kota Alam Shah saya bagi satu minit lagi untuk jelaskan. Jangan tanya perkara yang sama kita dah dengar dah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, saya dah nyatakan dengan jelas tadi bukan dari Kerajaan Negeri tapi Jabatan Perangkaan Negara telah menyatakan. Insiden kemiskinan telah turun di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Baiklah, Tanjung Sepat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, soalan tambahan. Yang tadi tu belum lagi...

TUAN SPEAKER: Soalan asal Yang Berhormat tak dapat jawapan, nak tanya soalan tambahan lagi. Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada EXCO yang telah menjawab.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat bukan soalan tambahan ya, soalan seterusnya.

Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Tak puas hati. Jawapan tak puas hati. Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: PENEROKAAN HUTAN SIMPAN TANJUNG DUA BELAS

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah status permohonan lesen menduduki sementara hutan simpan Tanjung Dua Belas oleh peneroka-peneroka?
 - b) Berapakah jumlah permohonan yang diterima dan berapakah jumlah yang diluluskan oleh pihak jabatan?
 - c) Berapakah jumlah keluasan yang diluluskan kepada setiap permohonan dan berapakah kadar premium yang dikenakan?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, minta celah. Sepatutnya soalan no. 5.

TUAN SPEAKER: Oh maaf sepatutnya soalan no.5 tapi Tanjung Sepat tak hadir jadi saya skip soalan no.5.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tanjung Sepat dan Tuan Speaker. Tanjung Sepat tanya tentang status Hutan Simpan Tanjung Dua Belas untuk maklumat Tanjung Sepat dan juga Dewan yang mulia ini, kita tidak ada rekod satu hutan Simpanan Kekal yang dipanggil Hutan Simpan Tanjung Dua Belas di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, soalan no. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : INFRASTUKTUR LEBUH RAYA

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah konsesi lebuhraya yang telah diluluskan di Negeri Selangor?
- b) Apakah konsesi lebuhraya yang masih dalam perancangan di Negeri Selangor?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* Tuan Speaker dan terima kasih kepada Seri Andalas yang bertanya berkenaan dengan Infrastruktur Lebuhraya. Sehingga kini terdapat lima konsesi lebuhraya yang telah diluluskan di Negeri Selangor. Yang pertama Lebuhraya Pantai Barat (WCE) kelulusan pada November 2005, Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH) kelulusan pada Mei 2012, Lebuhraya Sungai Besi Hulu Kelang (SUKE) kelulusan pada Mei 2012 dan yang keempat East Klang Valley Expressway (EKVE) Kelulusan pada Mei 2012 dan yang kelima lebuhraya Putrajaya KLIA (MAX2) kelulusan pada April 2000. Manakala lebuhraya Paroi Senawang KLIA Salak Tinggi masih dalam proses di bawah Seksyen 4 untuk tujuan Kajian Lanjutan ukur dan siasatan tanah. Dan Kerajaan Negeri pada masa ini tidak mempunyai sebarang perancangan untuk meneruskan pembinaan lebuhraya baru di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tuan Speaker, soalan no. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: SUKAN SEA 2017

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk menjayakan Sukan Sea 2017?
- b) Senaraikan lokasi pertandingan yang terletak di Negeri Selangor?
- c) Nyatakan secara terperinci perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk Sukan Sea?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Speaker dan sungai Panjang yang bertanyakan soalan. Untuk jawapan A Kerajaan Negeri tidak terlibat secara

langsung dalam penganjuran Sukan SEA yang bakal berlangsung di Kuala Lumpur pada Ogos ini. Manakala kita hanya membantu dalam penyediaan *venue-venue* ataupun tempat-tempat pertandingan yang melibatkan dengan *venue* yang telah ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk penganjuran sukan tersebut dan penyelenggaraan serta pengurusan naik taraf semua tempat tersebut diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan yang di bawah kawal selia Kerajaan Negeri. Saya senaraikan 9 aktiviti sukan yang akan menggunakan kemudahan-kemudahan awam dan kemudahan *private* di Negeri Selangor.

Yang pertama ragbi akan dilaksanakan di Stadium MBPJ, Petaling Jaya. Yang kedua sukan golf daripada The Mines Resort City Golf Club, Sri Kembangan ini bukan milik kerajaan. Yang ke-tiga Ice Skating Empire City, Mutiara Damansara, Petaling Jaya, ini juga bukan milik kerajaan. Yang ke-empat Tenpin Bowling Megalanes, Sunway Pyramid, Bandar Sunway, Petaling Jaya. Yang ke-lima kriket Kinrara Oval, Bandar Kinrara Puchong. Yang keenam bola sepak akan dilaksanakan di Stadium Shah Alam dan Stadium Perbandaran Selayang dan sukan futsal akan dilaksanakan oleh di Stadium Panasonic Shah Alam dan Stadium Selayang akan diuruskan oleh MBSA dan MPS. Dan yang ketujuh hoki ais di Empire City Mutiara Damansara, Petaling Jaya. Perkara kelapan atau pun sukan ke-lapan ialah menembak di Lapang Sasar Menembak dan yang ke-sembilan Pusat Akuatik Shah Alam akan digunakan sebagai medan latihan kepada atlet-atlet yang terlibat. Pada minggu lepas pihak Kementerian Belia dan Sukan telah menghantar rombongan yang diketuai oleh Kementerian atau pun Setiausaha Kementerian atau Setiausaha Menteri Belia dan Sukan dan membincang dengan kita tentang beberapa perkara dan alhamdulillah kita telah muktamadkan perkara-perkara tersebut. Termasuk beberapa perkara iaitu acara larian obor yang akan kita sertai pada awal Ogos nanti, terima kasih.

YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Saya difahamkan salah satu *venue* itu adalah Stadium Shah Alam untuk bola sepak dan kita sedia maklum dalam minggu lepas dalam pertandingan persahabatan Malaysia dan juga Myanmar, Stadium Shah Alam ini difahamkan rosak teruk dan peruntukan diminta oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM600 ribu daripada kerajaan Persekutuan. Apa status berkaitan perkara ini boleh disiapkan sebelum Sukan SEA atau bagaimana.

YB. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Kebetulan hal tersebut telah dibincangkan dalam pertemuan terakhir antara pihak Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan.

Dan kita telah berbincang dan pihak MBSA akan melaksanakan naik taraf kemudahan tersebut dengan kos yang akan dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Sebenarnya respons daripada kementerian dan pihak Menteri adalah respons daripada maklumat yang disampaikan kerana sebelum ini, *venue-venue* yang terbabit khususnya dengan Kerajaan Negeri ada memohon untuk naik taraf. Namun kita hanya diberikan sekitar RM200 ribu hingga RM500 ribu setakat ini bagi *venue-venue* yang melibatkan Kerajaan Negeri. Dalam jawapan Dewan lepas saya telah maklumkan kita telah belanjakan lebih RM5 juta untuk naik taraf lampu di MBPJ dan di Stadium Shah Alam. Dengan kos yang terbabit, *Insyah-Allah* kita akan mampu selesaikan dalam tempoh dua atau pun tiga minggu. Di samping ada jaminan tambahan persiapan kos, kos *urgent* daripada pihak atau pun kos kritikal jika kita perlukan daripada pihak kementerian. *Insyah-Allah*, kerjasama kita dan negeri untuk kemajuan sukan negeri dan persekutuan untuk kerjasama sukan, kita akan teruskan buat masa depan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

YB. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, soalan No. 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN WANITA NEGERI SELANGOR

9. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini Institut Wanita Berdaya?
- b) Bagaimanakah RM9 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk memperdaya wanita bidang ekonomi, pendidikan dan kerjaya (Bajet 2017) dibelanjakan?

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Damansara Utama. Tuan Speaker, Institut Wanita Berdaya atau IWB ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri selepas pembentangan Belanjawan Negeri Selangor 2017 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Bagi merangka polisi dan strategi yang membawa kepada pembudayaan dan kemajuan Wanita Selangor demi merealisasikan Negeri Selangor yang eksklusif, lestari dan adil. Pihak Jawatankuasa Tetap Hal Wanita merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana begitu prihatin tentang hal ehwal wanita dan telah meluluskan peruntukan

bagi penubuhan Institut Wanita Berdaya dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi atau MTES pada Mei 2017 yang lalu. Selain daripada itu juga, peruntukan sebanyak RM9 juta telah diperuntukkan bagi tujuan Pembudayaan Wanita dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kerjaya. Matlamat utama IWB adalah untuk meningkatkan status ekonomi wanita di Selangor dan meningkatkan keupayaan wanita dalam kepimpinan dan pembuatan keputusan. Institut Wanita Berdaya juga merupakan landasan bagi memenuhi keperluan wanita Selangor secara eksklusif termasuk merangka dasar dan mengkaji institusi keluarga dan kanak-kanak.

Sejak beroperasi pada Februari 2017, Institut Wanita Berdaya telah memulakan kerja-kerja penyelidikan dan penyediaan kertas dasar wanita Selangor. Satu pelan tindakan untuk tempoh 2017 sehingga tahun 2020 dirangka dan akan dilancarkan dalam masa yang terdekat ini oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri sebagai tanda sokongan dan dukungan terhadap hal ehwal wanita. Dasar dan pelan tindakan akan tertumpu pada tujuh matlamat utama. Matlamat satu menggalakkan rangka pembangunan yang gender. Matlamat kedua meningkatkan status sosioekonomi dan autonomi wanita terpinggir. Matlamat ketiga merapatkan jurang gender di semua peringkat dan aspek pasaran buruh. Matlamat keempat mempercepatkan proses penyertaan perwakilan dan pembuatan keputusan dalam kehidupan awam dan politik daripada kalangan wanita. Matlamat kelima meningkatkan kesihatan kesejahteraan dan mobiliti wanita. Matlamat keenam bebas daripada keganasan, bebas daripada ketakutan. Matlamat ketujuh menzahirkan bakat kreatif dan inovatif wanita. Melalui peruntukan sebanyak RM9 juta IWB akan merangka pelbagai program bagi menepati matlamat dasar Wanita Selangor. Berkaitan pendidikan kerjaya dan ekonomi antaranya yang telah diluluskan adalah merangka dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2017 sehingga 2020. Yang ke-dua penyediaan geran penyelidikan bagi kajian dan penyelidikan berkaitan isu-isu wanita, kanak-kanak dan kumpulan marginal bagi peningkatan nilai kehidupan mereka. Dasar Wanita Selangor dan pelan tindakan akan menjadi garis panduan dan hala tuju dalam merangka program-program yang bertujuan memperdayakan wanita dalam semua sektor termasuk ekonomi pendidikan dan kerjaya. Walaupun terdapat kemajuan di sektor pendidikan dan kesihatan, namun jurang yang ketara masih wujud antara lelaki dan wanita daripada segi peluang ekonomi dan penglibatan dalam kepimpinan dan pembuatan keputusan. Penekanan yang diberikan adalah daripada aspek sosioekonomi wanita dan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan

TUAN SPEAKER: Sementa boleh ringkaskan.

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Tumpuan program ini adalah memaksimumkan potensi dan mempelbagaikan kapasiti wanita bagi pembudayaan diri

24 JULAI 2017 (ISNIN)

dan kolektif ke arah kemajuan sosial dan ekonomi. Meningkatkan kehidupan sosial ekonomi, kesihatan dan keselamatan wanita. Dan menaik taraf dan mempercepatkan keupayaan dan kepimpinan pembuatan keputusan wanita, terima kasih.

YB. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

YB. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, saya rasa soalan saya B belum lagi dijawab, bagaimanakah RM9 juta itu digunakan dan dari segi daripada jawapan saya dapat tahu hanya untuk peruntukan untuk kajian sahaja, adakah itu dikesan *confirm* daripada YB. EXCO dan adakah RM9 juta ini belum lagi dibelanjakan sampai sekarang?.

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Damansara Utama. Tuan Speaker antara yang telah pun diluluskan daripada RM9 juta adalah kajian dasar Wanita Selangor iaitu sebanyak RM350,000.00 dan yang kedua yang telah pun diluluskan adalah geran penyelidikan Selangor sebanyak RM450,000.00. Beberapa kertas-kertas cadangan yang lain masih dalam kelulusan daripada pihak UPEN. Maka saya tidak perlu untuk menyatakan di sini, terima kasih.

YB. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

YB. PUAN YEO BEE YIN: Saya hendak mendapatkan pengesahan lagi, so sekarang sudah bulan Julai, tapi yang RM9 juta itu apa yang digunakan oleh YB. EXCO, pejabat YB. EXCO adalah RM750,000.00 sahaja, adakah ini benar dan apakah rancangan untuk membelanjakan semua RM9 juta dengan *strategy of the year*.

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Damansara Utama, itulah yang saya sebutkan tadi beberapa kertas-kertas cadangan sedang dalam proses kelulusan dan kita juga sedang membuat kertas-kertas cadangan tambahan yang lain untuk kita dapat menggunakan peruntukan. Lanjutan itu untuk pelaksanaan IWB ini yang berpandukan garis dasar Wanita Selangor yang saya sebut ada tujuh matlamat tadi.

YB. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

YB. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Speaker, saya ingin menyambung soalan berkaitan dengan B. Saya ingin tahu daripada EXCO di manakah sebenarnya peruntukan RM9 juta ini diletakkan, apakah ia ada tabung khas ataupun ia *direct* daripada kerajaan Selangor, terima kasih.

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Tuan Speaker, ia adalah daripada di bawah *STANDCO* Wanita dan tetapi permohonan adalah *STANDCO* Wanita juga perlu mohon kepada Perbendaharaan untuk mendapatkan peruntukan tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

YB. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima Puan Speaker, saya ingin bertanya Yang Berhormat EXCO RM700 ribu ini dah Julai nak masuk Ogos. Dan Yang Berhormat EXCO bahawa beberapa kertas cadangan sedang dipinda. Soalan saya mengapakah tidak dimintakan kertas cadangan daripada Adun-adun ada daripada pejabat masing-masing untuk program-program seterusnya.

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Paya Jaras. Kita masih membuka ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan cadangan-cadangan. Namun ada beberapa kertas cadangan yang agak besar nilainya yang masih belum ada kelulusan, jadi sebab itulah saya tidak dapat untuk menyatakan dalam Dewan yang mulia ini tentang penggunaan atau pun permohonan peruntukan tersebut. Jadi *Insyaa-Allah* memang boleh dicapai untuk kita menggunakan RM9 juta ini untuk pembangunan Wanita Selangor, terima kasih.

YB. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Hulu Bernam.

YB. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya ingin bertanya kenapa terlalu lewatlah untuk meminta cadangan-cadangan daripada Adun-adun ini untuk peruntukan RM9 juta ini sedangkan masa kita sudah sampai bulan Ogos. Jadi apakah EXCO tidak ada tindakan yang lebih efisien daripada awal supaya perkara ini tidak terjadi, terima kasih.

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Bernam. Ini bukan sebab kelewatan atau apa tapi kita baharu saja diluluskan pada Mei dan selepas itu barulah IWB ini jadi sebab daripada situlah kita bergerak. Jadi sebenarnya walaupun kita telah pun diluluskan pada Mei, tetapi IWB telah pun bergerak daripada Februari dan kita telah pun memilih atau pun melantik konsultan untuk melaksanakan dasar wanita Selangor

24 JULAI 2017 (ISNIN)

ini dan *alhamdulillah* telah pun selesai dan ini kerja pertama ya oleh IWB. Jadi sebenarnya ia tidak terlewat dengan apa yang akan kita laksanakan, terima kasih.

YB. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Soalan tambahan, sebenarnya Tuan Speaker saya ingin menambah, sudah lewat bila bulan lapan, sepatutnya EXCO sudah bersedia dengan kertas kerja lebih awal sebelum pembentangan Bajet dan sebagainya. Sebab perkara-perkara ini tidaklah sampai bulan lapan baru nak minta pandangan daripada Adun-adun semua. Jadi ini dikatakan

TUAN SPEAKER: Soalannya Hulu Bernam.

YB. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya cadangkan dibuat lebih awal ...

TUAN SPEAKER: Soalan, soalan, soalan....

YB. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Ya, bilakah sebenarnya tarikh atau pun *time frame* untuk Adun-adun ini bagi paling lewat sekali kertas cadangan dan sebagainya. Kena adalah janganlah sampai masuk bulan sembilan, bulan sepuluh, bajet RM9 juta tak selesai. Jadi EXCO kena minta lebih pantas, lebih efisienlah.

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Bernam. Sebenarnya tidak semestinya mendapatkan kertas-kertas cadangan daripada Adun mungkin ada, maknanya Adun-adun yang berminat sahaja untuk memohon atau pun mengemukakan kertas cadangan. Jadi kita ada juga ya permohonan daripada agensi-agensi atau pun yang lain daripada IWB *itself*, sendiri. Kita merangka apakah hala tuju kita, jadi tidak semestinya perlu atau pun kita dan kita membuka ruang sebenarnya kepada Adun-adun untuk mengemukakan cadangan tersebut, terima kasih.

YB. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Mohon penjelasan satu lagi.

YB. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BORHAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BORHAN: Saya ingin hendak penjelasan daripada EXCO adakah Adun BN ini juga boleh mengajukan cadangan.

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kota Damansara. Kita terbuka kepada cadangan demi memartabatkan Wanita Selangor, terima kasih.

YB. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BORHAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Saya tak benarkan lagi, baiklah sebelum saya memanggil Ahli Dewan Negeri seterusnya ingin saya memaklumkan dan mengalu-alukan kedatangan Ahli Parlimen United Kingdom pada hari ini. Delegasi terdiri daripada MP John Whittingdale, MP Chris Leslie, MP Sir David Amess dan Baroness Northover daripada House of Commerce dan House of Lords dari United Kingdom, *welcome to the Selangor State Legislative...* Baiklah Adun seterusnya Gombak Setia.

YB. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Puan Speaker, soalan No. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : BANTUAN KEWANGAN PENYAKIT HAWAR DAUN BAKTERIA (BLB)

10. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah syarat-syarat melayakkan seorang pesawah menerima bantuan kewangan tersebut ?
- b) Berapakah jumlah penerima bantuan kewangan ini?
- c) Adakah kesemua penerima bantuan telah menerima bantuan tersebut ?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker, terima kasih Gombak Setia. Antara syarat yang telah pun ditetapkan untuk pemberian bantuan kewangan penyakit Hawar Daun Bakteria (BLB). Yang pertamanya penerima adalah merupakan pengusaha sawah atau operator.

Yang kedua, kawasan yang telah diserang oleh penyakit BLB mestilah sekurang-kurangnya 20% terjejas dari keseluruhan lot. Yang ketiga lot sawah diperakui oleh Jabatan Pertanian Selangor telah dijangkiti serangan penyakit BLB melalui bancian yang telah dibuat oleh jabatan.

Berdasarkan dapatan hasil bancian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor pada musim kedua 2016, sejumlah 8,892 lot sawah yang diusahakan dikenal pasti layak untuk diberikan bantuan kewangan tersebut yang melibatkan seramai 9,124 orang pesawah. Secara keseluruhannya penyerahan cek-cek bantuan

kewangan kepada pesawah telah pun selesai dilaksanakan pada 20 Jun 2017 bermula dari kawasan blok pengairan Pancang Bedena, Sungai Burong, Sekinchan, Sungai Nipah, Bagan Terap, Sungai Lemau dan Sungai Panjang. Namun begitu masih terdapat sejumlah 1,919 bantuan atau penerima bantuan yang masih belum menerima cek bantuan kewangan mereka ini disebabkan oleh kesilapan pada ejaan nama, nombor kad pengenalan dan juga perkara yang berkaitan dengan isu di antara pemilik tanah sawah dengan pemajak tanah sawah iaitu pengusaha sebenar sawah dan bila mana adanya *exercise* memberi bantuan ini kita dapat menyenggara pangkalan data yang berkaitan dengan operator dan juga pemilik sawah.

Namun penyerahan seterusnya yang melibatkan blok pengairan Sungai Nipah, Bagan Terap, Sungai Panjang, Sungai Lemau, Sekinchan dan Sungai Burong, jumlah cek yang tidak dapat diserahkan atau dikembalikan semula kurang daripada 1% sahaja disebabkan oleh terdapat segelintir pesawah yang gagal memberikan salinan kad pengenalan dan juga terdapat salinan-salinan kad pengenalan yang diserahkan tidak sempurna sama ada ia nya disebabkan oleh salinan tersebut tidak terang ataupun terlalu gelap.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Negeri atas bantuan yang telah diberikan cuma saya nak tanya, adakah Kerajaan Persekutuan (Federal) yang saya dimaklumkan kalau ikut skop untuk kawalan penyakit dan benih padi adalah merupakan skop di bawah Kerajaan Persekutuan atau Federal. Jadi adakah Kerajaan Persekutuan sudah memberikan bantuan dan lain-lain perkara?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Gombak Setia. Yang pertamanya memang saya mengiakan dari sudut skop tugasannya jauh lebih besar dipikul oleh agensi *Federal* dan apatah lagi berkaitan dengan *variety* padi mengikut kawalan penyakit. Suka saya umumkan di sini dari sudut bantuan kepada mangsa yang telah pun terjejas dengan penyakit Hawar Daun (BLB) Kerajaan Negeri telah pun mendahului Kerajaan Persekutuan memberi bantuan kepada pesawah padi di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Sekinchan. Tak ada.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Belum. Belum habis jawab lagi. Sekinchan sabar ya. Dan pertama Kerajaan Negeri telah mendahului dengan memberikan bantuan. Sejumlah RM8.536 juta ditambah sebelum daripada itu RM940,000 semuanya telah pun diberikan awal berbanding Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan saya difahamkan telah pun memberikan bantuan kepada pesawah ini sebanyak RM443.00 per lot, RM443.00 seekar bersamaan dengan RM559.20 per lot bagi Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri telah begitu besar dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat EXCO dan Kerajaan Negeri dalam konteks ini juga ingin saya nyatakan di sini bahawa pada musim ini, musim 2017, petani-petani di Sekinchan, Sungai Lemau juga menghadapi masalah kemerosotan hasil tuaian mereka iaitu sekitar 4 – 5 tan sahaja. Ini disebabkan kemungkinan benih yang disalurkan oleh MARDI iaitu CL2 ataupun Padi Kebal yang dulu digunakan dengan racun telah menyebabkan tanah kesuburan tanah itu terjejas dan sekarang hanya 4-5 tan sedangkan dulu 8-10 tan dan mereka dalam keadaan terdesak sekarang ini jadi adakah Kerajaan Negeri kenal pasti pemasalah ni berlaku dan yang kedua adakah Kerajaan Negeri bersedia timbangkan untuk musim pertama 2017 ini memberi bantuan sekali lagi kepada mereka untuk mereka menghilangkan tekanan mereka dari untuk sara hidup mereka. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Jawab satu sahaja.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Sekinchan. Memang Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor maklum tentang perkara tersebut dan berkenaan dengan soalan tadi ada dua soalan. Yang pertama saya ingat yang kedua. Kerajaan Negeri masih lagi dalam melihat atau menyemak apakah punca pemasalah sebenar tetapi nasihat kita kepada semua pesawah-pesawah atau Ahli Dewan Negeri yang sangat rapat dengan pesawah supaya mengikuti arahan demi arahan yang telah diberikan oleh Jabatan Pertanian khususnya dalam langkah untuk mengawal penyakit tersebut.

TUAN SPEAKER: Taman Medan? Tidak hadir. Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, soalan saya nombor 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PEMBELIAN SPLASH

12. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini pembelian SPLASH?
- b) Apakah faktor pembelian SPLASH gagal diputuskan dalam tempoh ditetapkan?
- c) Apakah implikasi dari kelewatan pembelian SPLASH?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Yang Berhormat Kampung Tunku dan Yang Berhormat Bukit Gasing.

Tuan Speaker, isu pengambilalihan syarikat konsesi air dalam usaha memuktamadkan penstrukturan semula industri bekalan air Negeri Selangor ini telah dibangkitkan oleh tiga orang Ahli Dewan Negeri Yang Berhormat Permatang, Yang Berhormat Kampung Tunku dan Yang Berhormat Bukit Gasing. Oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh perkara yang sama, saya pohon izin Yang Berhormat Tuan Speaker untuk soalan nombor 12, Yang Berhormat Permatang nombor 41, Yang Berhormat Kampung Tunku dan soalan nombor 259, Yang Berhormat Bukit Gasing dijawab bersekali.

Yang Berhormat Permatang, Yang Berhormat Kampung Tunku, Yang Berhormat Bukit Gasing telah menanyakan berkenaan status terkini pembelian SPLASH. Lanjutan daripada penjelasan secara terperinci di dalam Sidang Dewan Negeri pada 30 Mac 2017 yang lalu Kerajaan Negeri Selangor masih menunggu maklum balas Jemaah Menteri berhubung nilai pengambilalihan SPLASH yang dibuat oleh penilai bebas yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Dewan, Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) ada menulis surat kepada Kerajaan Negeri Selangor pada 26 Mei 2017 yang memaklumkan bahawa pihak KETTHA telah membentangkan nota Jemaah Menteri bertajuk Status Terkini Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 3 Mei 2017 dan Jemaah Menteri mengambil maklum seperti berikut :-

24 JULAI 2017 (ISNIN)

- (i) Pelanjutan tarikh pengambilalihan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd atau pun SPLASH di bawah perjanjian utama penstrukturan semula industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya selama 6 bulan iaitu dari 6 April 2017 hingga 5 Oktober 2017 atau tempoh yang lebih awal sebagaimana dipersetujui oleh pihak-pihak kepada perjanjian.
- (ii) Penilaian oleh Deloitte Corporate Solution Sdn. Bhd nilai pengambilan SPLASH dengan pendekatan kos ke atas nilai buku sebenar atau dengan izin *nett book value* SPLASH Holdings bagi tempoh 31 Mac 2015, 31 Mac 2016 dan 30 November 2016.

Surat KETTHA bertarikh 26 Mei 2017 hanya memberikan pemakluman kepada Kerajaan Negeri berkenaan kaedah penilaian yang dibuat oleh Deloitte terhadap nilai SPLASH dan sama sekali tidak menyatakan nilai pengambilalihan SPLASH yang diperakukan oleh Deloitte. Di dalam surat yang sama pihak KETTHA masih menggesa mengenai perkara berikut. Pendirian rasmi Kerajaan Negeri Selangor mengenai nisbah pengambilalihan SPLASH iaitu 60% dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan 40% dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Dan yang kedua Kementerian juga mengasak Kerajaan Negeri supaya memberikan komitmen bertulis untuk menaikkan tarif air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Untuk makluman Dewan Kerajaan Negeri telah menjawab surat KETTHA pada 22 Jun 2017 dan menegaskan sekali lagi pendirian yang sama seperti yang telah ditegaskan di dalam Mesyuarat yang diadakan di peringkat Pegawai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada 19 Januari 2017 dan di susuli melalui surat bertarikh 17 Mac 2017 yang antara lain menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor pertama tidak bersetuju dengan cadangan KETTHA untuk menetapkan nisbah pembayaran 60:40 selaras dengan pendirian yang telah disuarakan oleh saya kepada Yang Berhormat Menteri KETTHA dalam pertemuan pada 27 September 2016.

Dan yang kedua Kerajaan Negeri Selangor juga melalui surat 20 Oktober 2016 telah menjelaskan bahawa tidak bersetuju dengan tekanan Kerajaan Persekutuan supaya Kerajaan Negeri Selangor menaikkan tarif air. Surat KETTHA bertarikh 14 Mac 2017 telah mengarahkan supaya pihak-pihak kepada Perjanjian Utama hendaklah melanjutkan semua perkiraan dalam perjanjian yang berkaitan dengan penstrukturan semula perindustrian di dalam Bekalan Air Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Putra Jaya kepada tempoh 6 bulan iaitu sehingga 5 Oktober 2017. Lanjutan ini dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk menjamin nilai pengambilalihan SPLASH yang diputuskan kelak tidak akan membebankan rakyat Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri juga masih menunggu nilai pengambilalihan SPLASH yang dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh Deloitte sebelum perkara ini diangkat semula untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang, Yang Berhormat Bukit Gasing dan juga Yang Berhormat Kampung Tunku, perkara ini turut saya bangkitkan semasa kunjungan hormat Tan Sri Dr. Mohamad Irwan Seriger Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia pada 18 Julai 2017 yang lalu. KSP telah memberi jaminan bahawa maklum balas Kerajaan Negeri berhubung pengambilalihan SPLASH akan dibincangkan dengan YAB Menteri Kewangan.

Akhir nya Yang Berhormat Permatang bertanya apakah faktor pembelian SPLASH gagal diputuskan dalam tempoh yang ditetapkan. Yang Berhormat Permatang sedia maklum bahawa pada 14 Mac 2017 Putrajaya telah melanjutkan semua perkiraan dalam perjanjian yang berkaitan dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Negeri Selangor kepada tempoh 6 bulan sehingga 5 Oktober 2017.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Permatang dan Yang Berhormat Kampung Tunku mengenai kerugian dan implikasi yang terpaksa ditanggung Kerajaan Negeri akibat kelewatan memuktamadkan pengambilalihan SPLASH sekali lagi saya ingin merujuk kepada jawapan lisan saya pada 30 Mac 2017 atas perkara yang sama. Saya ingin menarik perhatian Dewan untuk merujuk kepada *hansard* bertarikh 30 Mac 2017 memandangkan jawapan yang saya berikan amat jelas dan terperinci. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya ingin nak minta penjelasan mengenai kenyataan YAB Menteri Besar tadi mengenai arahan SPLASH supaya menaikkan taraf atau menaikkan harga tarif air. Dalam maklumat yang saya ada kefahaman saya ialah permohonan menaikkan tarif datangnya dari Kerajaan Negeri yang mesti dipersetujui oleh pihak SPAN, bukan arahan daripada SPAN mengarahkan menaikkan mana-mana tarif dalam Belanjawan Negeri. Jadi pada saya nak minta penjelasan apakah ini benar perkara ini dan kalau boleh saya nak minta satu salinan surat yang menyebut mengenai keadaan berkenaan sekiranya arahan SPAN kalau itu arahan ada kenaikan tarif kepada negeri supaya berlaku adil, jadi kita tak nak supaya ada pandangan-pandangan atau prasangka yang tidak baik kepada peranan-peranan SPAN kerana SPAN hanya sebagai pengawal dan menyelia dan permohonan mesti datang dari negeri, dari mana-mana negeri untuk tujuan kerana SPAN berhak untuk

menolak sekiranya di dapati permohonan kenaikan itu tidak mempunyai justifikasi. Saya ingat saya minta penjelasan mengenai itu.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Seperti yang telah saya nyatakan sebentar tadi Kerajaan Negeri telah menerima sepucuk surat daripada KETTHA bertarikh 26 Mei 2017. Perkara pertama yang dibangkitkan ialah satu nota telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri tentang hasil kajian daripada D'Iyod tetapi saya telah nyatakan tadi tidak disebut apakah nilai yang telah dicadangkan oleh Deloitte, maka sukar untuk Kerajaan Negeri mengambil pendirian apakah nilai yang telah ditentukan oleh Deloitte itu boleh diterima oleh Kerajaan Negeri atau pun nilai itu akan membebankan kepada rakyat tetapi saya juga ingin menjawab persoalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang. Dalam muka surat yang kedua ini jelas menyatakan bahawa selaras dengan persetujuan pihak Yang Berhormat Dato melalui surat bertarikh 17 Mac 2017 Kementerian disebut di sini Kementerian ingin memohon kerjasama daripada Dato' *which is* sebab surat ini dihantar kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk membawa dua perkara.

Pertama tentang 60:40 nisbah pembayaran yang kedua komitmen bertulis untuk kenaikan tarif air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Maknanya Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian meminta komitmen bertulis untuk kenaikan tarif. Dan dalam jawapan Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri kepada pihak Kementerian, kita telah menyatakan bahawa kita telah memberitahu kepada pihak Persekutuan di dalam surat bertarikh 17 Mac 2017 iaitu maaf, surat bertarikh 20 Oktober 2016, Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan pendirian Kerajaan Persekutuan supaya Kerajaan Negeri memberikan komitmen bertulis untuk menaikkan tarif air. Jadi itu penjelasan yang nak saya berikan bahawa komitmen yang dipohon sekali lagi ini sebenarnya telah pun dimaklumkan kepada Kerajaan Persekutuan pada Oktober 2016 tetapi mereka masih ingin memohon komitmen bertulis dan kita sekali lagi menjawab pada surat yang berikunya pada 22 Jun 2017 mengulangi pendirian yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ya, minta penjelasan sikit lagilah. Mengenai dua perkara. Perkara yang kedua mengenai 60:40 yang mana ini tidak berlaku sewaktu pengambilan konsesi-konsesi yang lain dan bagaimana boleh wujudnya 60:40 (komitmen federal 60 dan *state* 40)? Sebab dalam pengambilan SYABAS dan lain-lain termasuk Puncak Niaga itu sepenuhnya dibiayai oleh pihak Kerajaan Negeri ya. Jadi apakah ini mungkin disebabkan harga pengambilan SPLASH itu sudah melebihi daripada harga yang sepatutnya. Maka datangnya komitmen 60:40 ini. Sebab ini perlu dijelaskan sebab melibatkan kepentingan rakyat dan juga wang yang akan digunakan untuk pengambilan ini. Jadi saya mengharapkan penjelasan

24 JULAI 2017 (ISNIN)

yang betul ataupun penjelasan yang terperinci ataupun yang sebenar daripada pihak Kerajaan Negeri kerana saya pun merujuk bila Yang Amat Berhormat sebut dalam jawapan bulan Mei, saya pun merujuk kepada kementerian. Sebab saya mohon maaf kerana daripada maklumat yang saya ada mengatakan Kerajaan Negeri yang mencadangkan komitmen 60:40 ini, bukan daripada kerajaan persekutuan. Jadi saya fikir Dewan ini perlu ada penjelasan yang jelaslah mengenai perkara ini.

YAB DATO' MENTERI BESAR: YB Permatang, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa pada 30 Mac 2017 saya telah memberikan satu kupasan yang amat panjang lebar dan terperinci tentang status pengambilalihan SPLASH dan juga keseluruhan usaha untuk memuktamadkan pengambilalihan industri perkhidmatan air di negeri Selangor. Kerajaan Negeri tidak pernah bersetuju dengan kaedah pembiayaan 60:40. Saya telah tegaskan sebelum ini. Malahan, saya telah nyatakan kepada YB Permatang dan saya bersetuju dengan pandangan YB Permatang kerana dalam *master agreement* yang ditandatangani beberapa hari sebelum saya dilantik sebagai Menteri Besar yang ditandatangani oleh Pelabuhan Klang, bersetuju bahawa keseluruhan akses ini mesti dimuktamadkan dalam satu tempoh yang telah ditetapkan. Manakala SPLASH dalam perjanjian utama dinyatakan diberikan tempoh setahun untuk dimuktamadkan. Tetapi tidak disebut bahawa pembiayaan itu menggunakan formula ini. Maka saya bersetuju dengan YB Permatang kalau eksais yang digunakan sebelum ini untuk membiayai Puncak Niaga, ABAS dan SYABAS di mana dibiayai 100% oleh PAP, mengapa SPLASH perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri? Saya tidak nampak alasan ataupun justifikasi Kerajaan Persekutuan mengenakan syarat baru yang tidak termaktub dalam perjanjian utama. Sebab itu saya sering meminta kerajaan persekutuan supaya kembali balik kepada perjanjian utama.

YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sikit.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya belum habis. Nanti dulu.

YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Mentang-mentang orang putih ada, dia nak tunjuk pula hari ini.

YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Orang putih tak faham bahasa kita Yang Amat Berhormat.

- DEWAN KETAWA -

24 JULAI 2017 (ISNIN)

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR: *I was trying to tell my colleague from Permatang. He was trying to impress you from United Kingdom. Normally he has been very quiet. Nothing, no debate, no argument but today he wanted to impress the United Kingdom and peace.*

- DEWAN KETAWA -

YAB DATO' MENTERI BESAR: *Relax, relax, relax. Shall I proceed in Malay or English Tuan Speaker?*

Ok. Di mana tadi Datuk? Ya, makna 60:40 bukan pendirian Kerajaan Negeri. Sebab itu saya telah nyatakan dalam surat daripada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri kita menulis secara bertulis kita tidak setuju dan dalam pertemuan saya dengan Ketua Setiausaha Perbendaharaan hanya pada minggu yang lepas (18 Julai), saya juga ekspres harapan kita supaya perkara ini dapat diselesaikan segera dan ianya mesti dibiayai 100% oleh kerajaan persekutuan.

YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta penjelasan Tuan Speaker kalau dibenarkan.

TUAN SPEAKER: Dua soalan tambahan ya Permatang.

YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ini bukan soalan tambahan, ini saya minta penjelasan YAB sahaja. Saya mohon penjelasanlah sebenarnya sebab saya menyemak semua jawapan yang Dewan beri atau Yang Amat Berhormat beri dan saya juga menyemak dengan pihak kementerian supaya apa jawapan yang diberi dalam Dewan ini selaras juga dengan apa yang ada di kementerian supaya saya dapat kita dapat penjelasan yang benar. Saya dimaklumkan bahawa idea 60:40 datang ini kerana masalah harga. Apa yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan 60% itu ialah harga yang

TUAN SPEAKER: Permatang, Permatang kena tanya soalan.

YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Ok. Kenapa idea 60:40 ini sebenarnya datangnya bukan daripada kerajaan persekutuan ataupun pihak Kabinet kerana pada pandangan Kabinet 60% yang sepatutnya dibiayai itulah harga sebenar yang wajar dibayar oleh pihak pengambilan SPLASH. Tetapi oleh kerana harga yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri sewaktu awal melebihi daripada harga yang sepatutnya yang 40% lebih daripada jumlah sebenarnya, maka Kerajaan Negerilah yang kena bayar

24 JULAI 2017 (ISNIN)

40% itu, bukan kerana arahan daripada Kerajaan Persekutuan. Saya nak minta penjelasan Menteri Besar mengenai perkara berkenaan.

YAB DATO' MENTERI BESAR: YB Permatang, yang pertamanya kita belum tahu apa nilai SPLASH. Saya dah sebut dalam jawapan tadi.

YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya bercakap soal harga yang sebelum ini pernah disebut, yang pernah dicadangkan oleh kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor waktu itu.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Ya, tetapi ada *dispute* YB Permatang. Saya telah jelaskan juga dalam Dewan ini bahawa dakwaan YB Pelabuhan Klang yang memberikan gambaran seolah-olahnya pentadbiran hari ini memberikan satu nilai sepuluh kali ganda daripada apa yang telah ditawarkan. Itu satu pembohongan. Saya telah mendedahkan bahawa ada tawaran bertulis diberikan oleh Pelabuhan Klang kepada SPLASH pada satu nilai yang sebenarnya tidak sama apa yang didakwa. Maka untuk berlaku adil dan mengambil sikap akauntabiliti dan keterbukaan, pihak Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang lebih awal di mana kita telah melantik *independent valuer* untuk menentukan apakah nilai yang adil supaya tidak membebankan rakyat negeri Selangor. Itu yang pertama. Tetapi apabila Kerajaan Persekutuan ingin mengambil langkah yang sama dengan Kerajaan Negeri untuk melantik *independent valuer*, maka kita bersetuju kerana itu satu proses yang terbuka. Persoalan sekarang, *value* yang ditentukan oleh *Deloitte* yang telah dibentangkan kepada kabinet belum dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri. Jadi, bagaimana YB Permatang boleh bawa skrip daripada UMNO Tanjong Karang bahawa seolah-olah kita dah tahu satu nilai dan nilai ini lebih 40% daripada apa yang telah dipersetujui. Ini tidak ada asas sebab kita sendiri belum dimaklumkan secara rasmi apa nilai yang telah dimuktamadkan oleh *Deloitte*. Jadi ini persoalan yang harus kita putuskan apabila nilai itu diberitahu barulah Kerajaan Negeri akan angkat semula kepada MMKN untuk melihat apakah cadangan *Deloitte* ini membebankan rakyat Selangor atau sebaliknya. Kerana jaminan Kerajaan Negeri apa juga pembayaran kepada SPLASH tidak akan membebankan rakyat Negeri Selangor.

YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

YB TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Baiklah. Kuala Kubu Bharu.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

YB PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih. Soalan 13.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Kuala Kubu Baharu. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna telah mengemukakan permohonan data kutipan caj 20 sen daripada peniaga-peniaga di negeri Selangor melalui persatuan-persatuan peniaga-peniaga masing-masing. Setakat ini kita hanya dapat sebahagian daripada data yang dikemukakan dan setakat bulan Mei 2017 sebanyak RM1,871,547.55 sahaja yang dikutip oleh peniaga-peniaga yang memfailkan laporan mereka dengan Kerajaan Negeri Selangor. Jumlah peratusan kutipan adalah berikut :-

- a) daripada pasar raya-pasar raya sebanyak 63.98%; dan
- b) daripada premis makanan jumlahnya adalah 36.02%.

Setakat 30 Jun 2017, kos perbelanjaan bagi Kempen Bebas Plastik adalah berjumlah RM148,403.30 sahaja dan butiran perbelanjaan adalah seperti berikut :-

- a) Kempen Bebas Plastik yang merangkumi media sosial, pemantauan media, isi kandungan, (dengan izin), stiker kereta, risalah, jumlahnya adalah RM139,463.30;
- b) Pembelian poster pelbagai bahasa RM15,000;
- c) Pembelian bunting untuk Kempen Bebas Plastik sebanyak RM39,450; dan
- d) Pembelian *Non woven* bagi Kempen Bebas Plastik RM19,765.

YB PUAN LEE KEE HIONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

YB PUAN LEE KEE HIONG: Adakah Kerajaan akan mengambil apa-apa tindakan terhadap peniaga yang tidak melaporkan kepada Kerajaan Negeri mengenai kutipan 20sen itu?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Ini kita menggalakkan semua perniagaan termasuk persatuan-persatuan peniaga dan untuk pasar raya dan juga peniaga-peniaga yang lain yang mengeluarkan beg plastik. Setakat ini kita tidak ada perancangan untuk menghukum sesiapa, tetapi kalau kita tidak dapat data yang sepatutnya diberi kepada Kerajaan Negeri maka mereka mungkin ada masalah pada tahun depan bila mereka membuat *renewal* ataupun pembaharuan lesen ataupun permit.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

YB TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Puan Speaker, soalan saya nombor 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MENJADIKAN SUSUR *FLYOVER* STESEN KOMUTER SUNGAI BULOH
SEBAGAI SIMPANG PATAH BALIK KE KUALA SELANGOR**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah JKR Petaling dapat menjadikan jalan susur *flyover* berhampiran Sekolah Tamil Saraswathy sebagai simpang lampu isyarat untuk berpatah balik ke Kuala Selangor?

YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker, terima kasih pada Paya Jaras yang bertanya berkaitan dengan menjadikan susur *flyover* Stesen Komuter Sungai Buloh sebagai simpang patah balik ke Kuala Selangor. Untuk pengetahuan Paya Jaras, jalan yang dimaksudkan itu adalah di bawah bidang kuasa Jalan Persekutuan iaitu FT 15 dan pihak Kerajaan Negeri mengambil maklum dan akan membawa apa juga cadangan Paya Jaras itu kepada pihak yang berkaitan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, soalan nombor 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK: ISU PEMUTIHAN PREMIS HARAM BESI BURUK

15. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah premis haram yang masih beroperasi di setiap PBT?

24 JULAI 2017 (ISNIN)

- b) Apakah KNS mempunyai rancangan untuk pemutihan premis besi-besi buruk yang tidak ditempatkan di lokasi yang ditetapkan oleh PBT?
- c) Apakah tempoh maksima masa yang ditetapkan oleh PBT untuk premis itu dipindahkan?

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Batu Tiga. Bilangan premis besi buruk atau barang kitar semula tanpa kelulusan yang masih beroperasi di setiap PBT adalah sebanyak 441 premis. Setakat ini Kerajaan Negeri tiada satu program khas bagi memutihkan premis ini khususnya di luar kawasan industri. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan berdasarkan aduan daripada orang awam. Selain itu, Kerajaan Negeri juga dalam proses perbincangan untuk meneliti dua cadangan:-

- a) membenarkan sebahagian daripada aktiviti kitar semula ini beroperasi di kawasan komersial dengan syarat;
- b) Mengeluarkan lesen perniagaan sementara kepada premis yang berada di zon yang sesuai sementara waktu menunggu kelulusan permit daripada pihak polis dan juga sokongan daripada pihak bomba.

Sekian.

V. UCAPAN TAKZIAH

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini, saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, ucapan takziah oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang terhormat Tuan Speaker. Pada pagi yang mulia ini, Kerajaan Negeri ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Datin Paduka Low Lee Leng, mantan Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang yang telah meninggal dunia pada 29 Mei 2017 pada usia 61 tahun. Mendiang Datin Paduka Low Lee Leng telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negeri kawasan Kajang bermula pada 21 Mac 2004 sehingga 13 Februari 2008. Di sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ahli Dewan Negeri kawasan Kajang telah memberikan khidmat yang cukup baik kepada rakyat di kawasan yang diwakili oleh beliau. Saya memohon supaya Dewan ini bertafakur selama 1 minit mengikut kepercayaan agama masing-masing. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dipohon berdiri.

TUAN SPEAKER: Baiklah, semua boleh mengambil tempat masing-masing. Terima kasih Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

VI. USUL

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima pemberitahu usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Batu Tiga pada pagi ini mengenai usul Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Pelaksanaan Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) Dari Segi Tadbir Urus Dan Kewangan dan pemberitahu usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Sekinchan mengenai Usul Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam - *Public Account Committee* (PAC) bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Pemberian Tender oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Bagi Projek Pintu Air Di Sungai Keramat pada tahun 2016. Oleh kerana tiada urusan Kerajaan lagi, saya menggunakan kuasa Speaker di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 76(5) bagi membolehkan usul menerima penyata dibahaskan sekarang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata "Ya".

Ahli-Ahli Dewan: Ya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata "Tidak". Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, Usul nombor 4 tahun 2017. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri iaitu JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Pelaksanaan Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dari segi tadbir urus dan kewangan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2017.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, ingin saya mengambil perhatian bahawa satu pendengaran tertutup telah pun dibuat oleh Jawatankuasa pada 6 Jun 2017 iaitu pada hari Selasa bagi mendengar taklimat berkaitan isu-isu yang

dibangkitkan yang mana ianya memanggil beberapa pegawai daripada Yayasan Warisan Anak Selangor dan juga daripada Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. sepertimana lampiran 2. Apa pun ingin saya nyatakan di sini saya tidak akan bacakan kertas penyata ini secara keseluruhan tetapi apa ingin saya ambil perhatian oleh pihak Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Jawatankuasa Pilihan ABAS ambil maklum pihak Kerajaan telah pun menjawab beberapa isu ini yang telah dibangkitkan di dalam sidang yang lepas dengan baik sekali. Namun, amalan baik Kerajaan Negeri dan tujuan rekod untuk rujukan masa hadapan, Jawatankuasa Pilihan ABAS perlu mendapatkan beberapa penjelasan dan informasi-informasi tambahan bagi memastikan pengurusan YAWAS akan terus kompeten dan penambahbaikan dalam pengendalian skim Mesra Usia Emas ini dilakukan. Oleh itu, saya ingin nyatakan di sini bahawa keterangan yang telah diberikan seperti di dalam kertas penyata. Ahli Yang Berhormat semua boleh bacakan pada muka surat 3, 4 dan 5. Ianya agak lengkap. Namun, apa yang ingin saya bawa perhatian adalah penemuan yang telah didapati oleh Jawatankuasa ABAS di dalam pendengaran tertutup tersebut.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan setelah penelitian kenyataan dan jawapan dari saksi yang dipanggil. Pihak Jawatankuasa Pilihan mendapati beberapa penemuan yang perlu diambil kira dan perhatian oleh pihak Kerajaan. Terutamanya dalam *point* dalam 5.1.11 dan juga 5.1.12 dan kesemua penemuan-penemuan yang telah kita dapati. Oleh itu, saya hanya akan bacakan sebahagian daripadanya yang mana saya minta pihak Kerajaan untuk mengambil kira atau mengambil maklum tentang perkara ini.

Pertamanya, tentang isu yang dibangkitkan yang mengatakan bahawa penggabungan yang dibuat di bawah Yayasan Warisan Anak Selangor dan juga RMSB itu masih lagi tidak dalam keadaan yang kemas. Ia disebabkan oleh apabila dilihatkan syarat-syarat dalam memorandum dan artikel tidak ditukar yang menyebabkan penggabungan itu tidak berlaku. Walau bagaimanapun, di sudut penggabungan pada zahirnya telah pun berlaku tetapi dalam konteks pengendalian urusan hariannya masih lagi tidak dapat berjalan secara langsung. Jadi mereka merupakan masih lagi entiti yang berbeza. Saya mohon supaya Kerajaan mengambil perhatian tentang penemuan ini. Kita melihat bahawa isu-isu yang dibangkitkan juga mengatakan bahawa beberapa tunggakan fasa kedua sering berlaku kerana waris tidak dapat dihubungi. Ianya kita mengharapkan supaya ada mekanisma yang dapat ditentukan oleh pihak Kerajaan supaya pihak-pihak waris ini akan terus dapat dihubungi supaya fasa kedua dapat dibayar.

6.5. pula menyatakan bahawa pihak Kerajaan atau pun pihak Lembaga Pengarah YAWAS tidak pernah mengadakan mesyuarat sejak 2015. Ia hanya dibuat dalam konteks *Resolution of Circulation* dengan izin, maknanya kita merasakan bahawa

perlunya ada satu pendekatan atau pun ketetapan oleh pihak Kerajaan supaya Lembaga Pengarah wajar bermesyuarat dengan sebaiknya. Oleh itu, saranan daripada pihak Kerajaan, minta maaf. Saranan daripada pihak Jawatankuasa ingin saya bacakan. Pertamanya, Kerajaan Negeri hendaklah memastikan pelantikan pengurusan besar YAWAS dilaksanakan dalam masa tertentu iaitu dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan mengikut amalan terbaik yang dicadangkan oleh *Centre For Economic and Business Research*, dengan izin yang mana amalan ini setiap kekosongan sesuatu jawatan bagi tempoh masa yang terlalu lama adalah tidak wajar. Jadi kita mencadangkan supaya pelantikan itu disegerakan.

Yang keduanya, 7.2. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan pihak MBI telah meneliti setiap aspek dalam isu penggabungan penuh antara YAWAS dan RMSB terlebih dahulu bagi memastikan penggabungan YAWAS dan RMSB dilaksanakan dengan lancar dalam aspek pindaan syarat-syarat dan memorandum dan artikel YAWAS hendaklah diteliti dengan menyeluruh sebelum penggabungan itu dilaksanakan.

Dan, 7.3. Kerajaan Negeri hendaklah mempertimbangkan penawaran pakej pekerjaan yang setara atau pun yang lebih baik kepada kakitangan YAWAS. YAWAS, maksudnya sekarang ini terdiri daripada YAWAS dan SMUE kerana mereka mempunyai pengalaman pengurusan sistem SMUE yang baik. Jadi pengalaman tersebut merupakan aset kepada organisasi YAWAS, jadi *standardization* atau pun keselarasan perlu dilakukan di dalam YAWAS itu.

7.4. Kerajaan Negeri hendaklah menetapkan kawalan supaya pengeluaran wang penggunaan kad ATM untuk pembayaran fasa I, Skim Mesra Usia Emas adalah sama dengan jumlah kematian yang dilaporkan. Langkah ini adalah untuk memastikan tiada sebarang ketirisan maklumat berlaku. Jadi kaedahnya, pihak Kerajaan Negeri boleh mencari pendekatan yang terbaik untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan.

7.5. juga menggesa supaya Kerajaan Negeri boleh mencari pendekatan yang terbaik bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan. 7.5. juga menggesa supaya Kerajaan Negeri hendaklah memastikan Lembaga Pengarah YAWAS mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun mengikut amalan terbaik Majlis Bersama Jabatan atau pun agensi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah ditetapkan. Dan yang akhirnya, pihak Jawatankuasa ABAS ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri hendaklah memansuhkan pembayaran dua (2) peringkat dan sebaliknya mewujudkan kawalan prosedur pembayaran yang lebih holistik dan menyeluruh supaya proses pembayaran kepada waris boleh dipermudahkan bagi mengelakkan sebarang tunggakan.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Jadi, enam (6) perkara, saranan daripada pihak jawatankuasa ini ingin pihak Jawatankuasa ABAS bantangkan kepada Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri boleh menambahbaikkan pengurusan di bawah YAWAS dan juga skim Mesra Usia Emas. Dengan ini, Tuan Timbalan Speaker, saya cadangkan Penyata ini dibentangkan dan sekali gus kita harap tohmahan daripada pihak pembangkang pada sesi yang lepas telah sendirinya dapat dijawab dengan kertas pembentangan ini. Sekian, terima kasih. Saya mencadangkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih, Batu Tiga. Saya persilakan, menyokong.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Saya menyokong. Saya ambil bahagian selepas....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang menyokong. Usul telah disokong. Saya persilakan untuk perbahasan. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan turut ingin serta mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi Badan Berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan pelaksanaan program skim Mesra Usia Emas (SMUE) dari segi tadbir urus dan kewangan. Setelah saya meneliti Penyata yang dibentangkan oleh Jawatankuasa ABAS berkaitan dengan SMUE, jelas kita nampak memang ada wujud kelemahan dan sebagainya tetapi apa yang saya ingin nyatakan skim Mesra Usia Emas ini telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada seluruh rakyat negeri Selangor samada Melayu, cina, India dan sebagainya sejak tahun 2008 dilaksanakan sehingga ke hari ini. Angka yang saya dapati sudah mencapai 272,073 orang daftar sebagai ahli dan pada masa yang sama waris menerima sebanyak 85,536 telah meninggal, maksudnya waris telah menerima bayaran skim Mesra Usia Emas. Peruntukan sebanyak RM223,800,500.00 telah diperuntukkan dibayar. Maknanya sekitar dalam 8 tahun hingga 9 tahun ini Kerajaan Negeri telah membayar RM223 juta. Angka yang begitu besar, ia tidak pernah dapat dilakukan sebelum ini oleh Kerajaan yang sebelum ini. Maknanya Kerajaan Negeri dalam konteks SMUE telah berjaya membantu rakyat memberi satu bantuan secara terus yang dapat dinikmati oleh rakyat iaitu hasil negeri untuk rakyat. Maknanya kekayaan Negeri Selangor ini rakyat di bawah dapat dirasai yang sebelum ini, Yang Berhormat Sabak sebelum ini yang merasai pemimpin-pemimpin dan suku-sakat kroni-kroni mereka sahaja yang dapat sebelum 2008 tetapi syukur *Alhamdulillah*, dengan izin. Selepas 2008, kerajaan baru, gaya baru, *style* baru dan kita jaga rakyat dengan cara yang baru. Jadi, skim Mesra Usia Emas secara keseluruhannya memang mencapai

sasaran. Namun, ada sedikit kelemahan yang wujud dalam Penyata ini yang saya nampak memang perlu diatasi, perlu diperbaiki. Tetapi apa yang saya nampak di sini tidak seperti, Tuan Timbalan Speaker yang dituduh oleh pihak pembangkang UMNO Barisan Nasional yang pada sidang yang lalu seolah-olah mereka memperolehi satu peluru atau pun satu senjata yang begitu hebat. Mereka buat laporan Polis, oh hebat. Laporan Polis merata, di DUN Meru dia buat laporan Polis, di Sekinchan dia buat laporan Polis dengan Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Jamal Pak Tongkolnya bersama dengan Sungai Panjangnya bersama dengan sungai yang tak panjang pun adalah semua, geng-gengnya baju merah bersama dengan Kuangnya. Apabila perbincangan dia cuba tuduh kita ambil duit berapa puluh ribu, kita curi duit berapa puluh ribu, macam-macam. Rupa-rupanya sebenar yang curi duit di peringkat Putrajaya. Perompak, penyangkal, pencuri di Putrajaya, bukan di Negeri Selangor.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tuan Speaker, mohon penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuang minta. Sila Kuang.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Sebenarnya sampai ke saat ini belum ada jawapan lagi daripada pihak Kerajaan tentang kehilangan duit ini. Hari ini Sekinchan memanglah, Sekinchan punya cara dan *style* itulah caranya pun, terjerit sana, terjerit sini. Sampai hari ini tak ada jawapan berapa banyak yang habis. Kita tahu, ada yang gunapakai untuk kenduri. Kenduri kahwin pun pakai duit SMUE. Jangan tipu. Kita tahu cerita. Sampai sekarang tak ada jawapan sebenar, berapa kehilangan.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuang, persoalannya Kuang?

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Berapa kehilangan?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuang, persoalannya?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Kuang sedar tak semasa Kerajaan Negeri menjawab soalan itu, Kuang tak adapun dalam Dewan ni. Sebab tu tak faham.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Bukan tak faham.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Sebab tu Jawatankuasa tengok tentang soalan ni sekurangnya kita puas hati.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Jangan, jangan ni. Batu Tiga jangan nak menegakkan benang basah. Kalau Batu Tiga tadi keluarkan usul pun tadi dah cakap tadi ada ketirisan, ada ketirisan. Memang ada ketirisan. Maka itu, mengakulah ada ketirisan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya, boleh tengok *hansard*. Saya tak sebut pun ada ketirisan.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Kan ada sebut ada kelemahan di sana sini nak diperbetulkan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Baca *hansard*.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Makna ada lah kelemahan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Baca penyata tidak ada ketirisan

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Kalau tak buat apa usul ni ditimbulkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Baiklah Kuang, soalan dah difahami. Silakan, Sekinchan sila.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kita fahamlah pihak pembangkang usul Kuang dia tak berapa faham. Apabila dia lontarkan peluru batu api dia pasang. Kemudian apabila Kerajaan bagi jawapan dia *orak teko* dengan izin. Tak datang. Tak datang itu saja cara dia. Tak apalah bagi Kuang aja dulu.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tak perlu. Tak perlu datang kerana jawapan semua menipu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak datang.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Jawapan Kerajaan ni menipu. Buat apa nak dengar?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kerajaan Negeri yang bagi jawapan...

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tak perlu. Sekinchan melawak boleh lah.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Dalam Dewan yang mulia dicatat dalam *hansard*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan duduk dulu.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Ini Sekinchan menjerit je.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuang, Kuang duduk. Saya tidak fikir kenyataan Kerajaan menipu itu dikeluarkan di dalam Dewan ini melainkan ada fakta yang boleh kita menyatakan demikian. Saya tidak memanjangkan kebenaran ini. Saya minta Kuang menarik balik kenyataan menipu itu. Silakan.

Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya tarik balik saya tukar dengan tak berapa benar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: OK. Silakan Sekinchan sambung.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Y.B. Timbalan Speaker. Jadi, pembangkang ni Tuan Timbalan Speaker mereka tidak berani menghadapi kenyataan. Buat tuduhan palsu di sana sini. Cuba nak menarik perhatian rakyat tetapi rakyat di Negeri Selangor, saya yakin dan percaya mereka tak akan terpedaya dengan cara mereka. Ini yang nak saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini. Saya nak teruskan bahawa tuduhan-tuduhan yang mengatakan semua ADN ambil duit berpuluh ribu ada tuduhan saya berjuta-juta saya ambil. Berjuta-juta. Hebat. Yang tuduh siapa? Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar. Yang pelik-pelik pakai tuala waktu siang hari tu, pakai tuala ya. Ada Yang Berhormat ingat lagi tak pakai tuala tu siapa? Sekarang nilai UMNO di mata rakyat pakai tuala sahaja. Kepimpinan ni yang bakal pemimpin ni jenis pakai tuala. Siang hari dia pakai tuala. Ini orang Sekinchan. Kalau orang Sekinchan saya nampak kadang-kadang orang Sekinchan ni adalah satu dua yang kurang siuman. Dia jalan kaki sendiri di tepi jalan, dia cakap-cakap, *ngomong-ngomong* dengan izin, cakap sendiri tapi tak sampailah dia pakai tuala macam tu. Ini lebih teruk daripada orang yang tak siuman di Sekinchan. Tapi tak taulah. Saya minta maaf dalam Dewan yang mulia ni orang yang tak siuman seperti ini datang daripada Sekinchan pula. Daripada Parit 7. Jadi, Ketua Pemimpin UMNO pula yang jadi macam tu. Ini sangat memalukan. UMNO patut cerminkan diri sendiri dulu sebelum mereka nak menduduki sini. Ini perkara yang saya nak nyatakan di sini. Walau bagaimanapun, Tuan Timbalan Speaker balik kepada isu penyata yang dibentangi oleh Jawatankuasa ABAS saya nyatakan, rakamkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa ABAS yang bertungkus-lumus cuba mencari apa kelemahan yang ada, apa *point-point* yang ada untuk kita tambah baik. Kerajaan Negeri Selangor lain. Kita sedia mendengar. Kita sedia mendengar dan sedia

memperbaiki kelemahan. Kita tak seperti di Putrajaya. Mereka angkuh, sombong sebab dah 60 tahun jadi kerajaan. Tak pernah jatuh jadi mereka sombong. Tetapi tak lama dah. Saya yakin kerana kesombongan mereka, keangkuhan mereka itu. Tetapi Kerajaan Negeri kita ambil sikap dengar. Ada masalah kita dengar dan Jawatankuasa Dewan, Pilihan Khas Dewan dia berperanan secara pro-aktif. Dia siasat, panggil YAWAS, panggil RMSB untuk dengar apa sebenarnya permasalahan yang timbul. Ini Kerajaan Negeri Selangor. Lain. Kita tak ada sindrom menafikan (*denial syndrome*). Ini tak ada. Penyakit ini masih ada di pihak pembangkang UMNO Barisan Nasional. Kita jangan ambil penyakit ni. Jangan ditular sampai ke Kerajaan Negeri. Kita tolak penyakit ni biar mereka dapat penyakit ni selama-lamanya. Dulu, kini dan selama-lamanya. Jadi, saya nampak dalam cadangan-cadangan dan penemuan Jawatankuasa mengenai YAWAS dan RMSB dan kita nampak ada cadangan dibawa YAWAS ini dalam MBI dan sebagainya dan YAWAS ini tidak Lembaga Pengarah tidak pernah mengadakan mesyuarat sejak tahun 2015. Ini satu kelemahan yang perlu diperbaiki segera. Diperbaiki segera sebab mengikut *standard* yang ada, kurang-kurang empat kali. Jangan tak ada mesyuarat. Mesyuarat mesti dilakukan. Ini penting kalau tidak apa-apa berlaku kelemahan dan sebagainya pihak kerajaan dan sebagainya tidak dapat menangani dengan secepat mungkin. Tidak boleh ada satu lembaga yang begitu besar, menguruskan wang yang begitu besar untuk kebajikan rakyat pengarahnya tidak mengadakan mesyuarat. Jadi, saya tidak mahu perkara sedemikian berlaku pada masa akan datang. Pihak YAWAS kena ambil maklum perkara ini. Teguran ini harus diterima dan pada masa yang sama juga ada perkara berlaku di mana pengurusnya tidak dilantik. Jawatannya kosong tidak dilantik daripada satu masa yang panjang. Ini juga menyalahi SOP ataupun amalan biasa kerana ini juga akan menjejaskan urus tadbir, menjejaskan perjalanan RMSB dan SMUE ini. Secara rata saya dengar di bawah, di kedai kopi, warung, restoran, di mana-mana tempat-tempat kematian yang kita salurkan duit bantuan ini, kita sampaikan apabila ada kematian rakyat begitu terharu. Mereka ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang bagi Khairat Kematian RM2,500.00. Sekarang ni ekonomi meleset. Macam-macam tekanan hidup berlaku. Cukai-cukai, GST dan sebagainya semua dikenakan dan waktu ada kematian siapalah yang boleh hulur bayaran pertama RM1,000.00. Siapa boleh hulur? Kalau kita kawan, saudara sendiri, kawan kita sendiri kita bagi kadang-kadang kita bagi RM100.00, bagi RM50.00. Kawan, saudara-mara yang lebih rapat kadang-kadang bagi RM200.00. Paling tinggi RM300.00 lah. RM500.00 jarang-jarang kita bagi. Tapi Kerajaan Negeri Selangor datang, Wakil Rakyatnya datang, Penyelarasnya datang, Ketua Kampungnya datang bawak Khairat Kematian RM1,000.00 dulu bayarannya. Ini satu penghargaan, satu bantuan yang secara langsung kepada mereka. Ya, mungkin bagi mereka yang kaya, harta berbilion mungkin RM1,000.00 atau RM1,500.00 campur RM1,000.00, RM2,500.00 itu tak berapa bukan perkara yang penting. Tetapi bagi mereka yang miskin, asnaf yang pendapatannya kecil, petani, nelayan, ini satu

pemberian satu bantuan yang mereka rasai sangat di peringkat akar umbi ini. Inilah Kerajaan Negeri. Bezanya Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat ni sekarang dia ambil sikap tekan rakyat. Dia nak guling, nak jatuhkan rakyat, dia nak susahkan rakyat. Tapi Kerajaan Negeri sekarang ini, Negeri Selangor ni kita peduli rakyat. Kita bagi macam-macam. Ini SMUE ini sekarang dah RM223 juta. Jadi, saya nak sampaikan di sini bagaimana harapan rakyat di bawah. Mereka begitu terharu. Terima kasih terhadap program ini. Jadi, saya mahu program ini ditambah baik, ditambah baik di peringkat pentadbirannya supaya Wakil Rakyat ziarah waktu kematian kita hulurkan RM1,000.00 rakyat begitu gembira dan tak ada ketirisan. Kita nak pastikan ini dan ada cadangan dalam Jawatankuasa bahawa kalau boleh urusan RM2,500.00 dibayar oleh Pejabat Daerah dan Tanah sekali saja. Saya nampak cadangan ini dalam penyata ini, saya rasa boleh diubah kerana di luar bandar, di luar bandar Tuan Timbalan Speaker mereka terharu kalau Wakil Rakyat bawa duit RM1,000.00. Kalau bayar RM2,500.00 mereka tak berapa nampak sangat apabila kematian itu sudah berlaku sebulan dua bulan. *On the spot*, dalam masa dua tiga hari kita sampaikan RM1,000.00 itu lain perasaannya. Perasaannya apa yang mereka rasakan itu lain. Jadi, saya mahu pembayaran di luar bandar mesti dikekalkan dua kali iaitu RM1,000.00 untuk kali yang pertama, yang kemudiannya RM1,500.00 kali yang kedua. Mungkin di bandar ada cara yang lain, saya tak tahu. Tetapi di luar bandar saya mahu perkara sedemikian, kaedah yang sedemikian. Pendekatan yang kita amalkan selama ini diteruskan cuma cara rikupan pembayaran itu boleh ditambah baik. Boleh ditambah baik supaya kita semua jaga duit ini dengan baik tak ada berlaku apa-apa masalah. UMNO ni mereka cuba teropong ya, teropong kononnya Wakil Rakyat kita macam Wakil Rakyat mereka dulu. Curi tanah, curi pasir, dapat tanah RM1.00 satu kaki persegi. Ini kaki curi ni. Dulu, kini dan selamanya. Tak ada ubah sampai hari ini pun. Walau jadi pembangkang curi lagi, curi lagi. Kerjanya curi, sinonim dalam prinsip hidup mereka. Biarlah itu mereka. Tetapi kita jangan terkena tempias seperti itu. Kita kena amanah, kita jaga duit dengan betul-betul. Itu yang saya nak tekankan bahawa Skim Mesra Usia Emas ini satu bantuan kebajikan yang sangat mujarab, sangat berkesan, sangat membantu rakyat di bawah dan saya harap dengan bantuan-bantuan sedemikian kalau boleh pada masa-masa akan datang kalau kerajaan punya, kalau kerajaan punya dana yang mencukupi RM2,500.00 ni kalau tahun akan datang ada duit lebih kita boleh tambah sampai RM3,500.00. Biar UMNO langsung tak boleh nak jawab. Langsung mereka rebah, rebah, tak boleh jawab dah. Kalau RM3,500.00 negeri yang diperintah oleh UMNO sampai hari ni saya nak tengok negeri mana saya nak tanya. Kampung Tunku, di Pahang ada SMUE tak? Tak ada. Hulu Kelang, di Johor ada SMUE? *Orak eneng*. Jawapannya *ngomong jowo*, dengan izin. *Orak eneng*, tak ada. Dah 50 tahun, 60 tahun perintah di Johor. GST ada. Bagi rakyat menyusahkan rakyat ada tapi SMUE tak ada. Takkan tak ada idea. Kononnya hebat, inovasi. Idea tak ada. Pemimpin apa ni? Belajarlah dengan Menteri Besar kita,

Selangor. *Smart* Selangor. Berkebijakan. Selangor ni adil saksama. Terbuka, sederhana, inilah Selangor. Inilah perlu kita teruskan. Saya yakinlah kalau dengan cara kita, pentadbiran kita, muafakat kita di Selangor, UMNO dengan Jamal Pak Tongkolnya, dengan Noh Udangnya, tak perlulah rakyat tengok pun nampak tuala tengah hari tu, pakai tuala tengah hari pemimpin macam ni. Macam mana ni? Macam mana? Kuang tak boleh jawab. Dengar tuala Kuang terus keluar dah. Kuang tadi dia sibuk, bising tapi dengar tuala saja dia keluar. Tak boleh jawab dengar tuala. Mana ada pemimpin pakai tuala tengah jalan datang SUK? Cuba jawab. Dengkil, Dengkil, boleh ke kita pakai tuala tengah panas ni datang SUK? Cuba balik bagi nasihat dia lah. Jangan buat kerja malu lah. Kalau malu sendiri tak apa. Ni malu seluruh BN. BN Selangor malu langsung tak ada maruah. Kerana dia terjatuh maruah. Tempiasnya terkena Dengkil. Saya kesian, simpati dengan Dengkil dengan cara sedemikian. Walau bagaimanapun, saya ucapkan tahniah kepada Jawatankuasa ABASS kerana telah mengemukakan cadangan-cadangan yang pro-aktif, yang baik untuk tambah baik YAWAS. Saya minta YAWAS kena mesyuarat setahun empat kali. Jangan *kelalen*, jangan lupa, satu. Yang kedua, penggabungan YAWAS dengan RMSB kena buat secepat mungkin, boleh kita profesional kan supaya SOP semua kita jaga dan ini adalah satu mercu tanda kejayaan Negeri Selangor dalam SMUE ini. Jadi, saya tidak mahu cakap panjang yang penting tuduhan-tuduhan daripada UMNO Barisan Nasional semua adalah tidak berasas dan hanya mencari publisiti sahaja. Sekarang mereka dah keluar dah tak boleh cakap apa. Hanya pakai tuala siang hari.

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sekian, terima kasih. Saya menyokong. Sebelum, sebelum tutup, apa lagi?

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN: Nak jawab sikitlah sebab Sekinchan tanya tadi. Jawapan apa yang ditanya oleh Sekinchan ada dalam Al-Quran. Al-Quran sebut (terjemahannya) "*Apabila hak datang batil itu mesti lari*". Memang sifat batil itu dia lari. Ada dalam Al-Quran. *Wallahu 'alam*.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Bijaksana daripada Meru, Ketua Kumpulan 52 bagi cerahan yang begitu baik. Perkara ini kita kena tarbiyah UMNO ni. Dia kurang lagi amalan ni. Kita akan buka kelas lah. Kita minta jemput Y.B. Meru jemput datang untuk bagi kuliah dan tazkirah. Boleh ya? Kita bayar elaun la sikit-sikit, tak apa. Sekianlah saya rasa saya menyokong penyata ini supaya ditambah baik. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sekinchan. Saya persilakan Dengkil dulu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia. Ya, ada. Terima kasih Tuan Speaker membenarkan saya mengambil bahagian di dalam Usul berkenaan dengan Skim Mesra Usia Emas dari segi tadbir urus dan kewangan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat daripada Jawatankuasa JP-ABAS di mana saya salah seorang daripada anggota jawatankuasa nya kerana memberikan sokongan kepada saya untuk, supaya JP-ABAS, Program Skim Mesra Usia Emas ini yang dikendalikan oleh YAWAS dan RMSB ini supaya dibawa ke peringkat jawatankuasa dan juga ke peringkat dewan. Ini, untuk kita menyelesaikan segala permasalahan, segala kemelut, seperti mana yang kita bangkitkan ADN-ADN Barisan Nasional pada sesi sidang dewan yang lalu berkenaan dengan salah laku, kelemahan yang berlaku di dalam Skim Mesra Usia Emas ini. Dan, saya dapat nyatakan di sini apabila kita sudah memanggil saksi-saksi daripada RMSB dan juga YAWAS sendiri, memang terdapat kelemahan-kelemahan yang ketara yang perlu diperbaiki oleh Kerajaan Negeri seperti mana yang telah diterangkan di dalam Penyata ini. Dan saya nak menyatakan juga kepada Sekinchan, bahawasanya Skim ini memang amat baik dan ia sejarah terdahulunya, ia juga kerajaan Pakatan Rakyat ini, Pakatan Harapan ini mengambil contoh yang baik juga daripada Skim yang dijalankan oleh Barisan Nasional iaitu Tabung Jasamu Dikenang. Pada tahun 2008, ia diperkenalkan tetapi ia ditambah baik oleh kerajaan yang sedia ada. Tetapi, namun begitu ia juga merupakan satu program yang mempunyai kelemahan-kelemahan yang terdiri seperti mana yang kita maklum.

Yang paling utama sekali saya nak menerangkan mungkin dari segi rakyat keseluruhannya tidak begitu faham, apa, bagaimana cara SMUE ini dijalankan, ia diberikan, semua ADN-ADN daripada Kerajaan Negeri, diberikan kad ATM yang bernilai RM10,000. Apabila ada saja kematian, boleh dikeluarkan duit RM1,000 untuk diberikan kepada waris si mati dan yang *balance* bakinya akan diselesaikan dalam tempoh tertentu untuk memberikan kepada waris *balance* baki sebanyak RM1,500 menjadikannya RM2,500. Masalah yang berlaku sebelum ini, saya memang amat setuju apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Kuang yang membangkitkan perkara ini pada sidang dewan yang lepas. Ia perlu dijawab satu persatu oleh Kerajaan Negeri tetapi secara keseluruhannya, memang ada satu kelemahan yang ketara iaitu *element of control* ataupun sistem kawalan yang tidak, yang ketara, yang tidak, yang longgar, yang tidak ketat bagaimana ADN-ADN kita ini boleh mengeluarkan RM10,000 itu tanpa menunggu laporan ataupun pendaftaran yang perlu dibuat kepada Pejabat Daerah. Contohnya, kalau RM10,000, Sekinchan keluarkan RM3,000 menjadikannya RM7,000, selepas itu nanti sistem itu secara

automatik akan memberikan *top up*, tambah semula nilai RM10,000 itu kepada Sekinchan, walaupun rekod kematian itu belum diserahkan kepada Pejabat Daerah. Ini *element of control*, sistem kawalan yang perlu ditambah baik. Kalau, misalannya juga Sekinchan ada wang di tangan RM2,000 tetapi ada kematian, ada kematian, 3 kematian, mengapa Sekinchan perlu mengeluarkan RM3,000 lagi daripada ATM kad sedangkan ada duit di tangan RM2,000. Apalah kiranya hanya mengeluarkan RM1,000 sahaja daripada ATM tersebut.

Jadi, ini faktor-faktor yang kita bincangkan dalam mesyuarat JP-ABAS yang lalu dan memang terdapat kelemahan-kelemahan ketara yang mana ia perlu ditambah baik terutamanya melibatkan..melibatkan sistem ataupun kawalan *element of control* yang mana wakil rakyat, sahabat-sahabat saya ini bukannya *ma'sum*, bukannya seperti Nabi Muhammad S.A.W. yang itu ialah orang yang sempurna. Kita ni pegang duit Sekinchan, saya tahu Sekinchan mungkin ada satu, orang kata itu semangat kebertanggungjawaban, integriti dan sebagainya tetapi juga kalau dinamakan manusia yang bukan nabi, kita ini tidak lari daripada kelemahan-kelemahan dan ini lah yang kita ingin bangkitkan supaya sistem tadbir urus Kerajaan Negeri, integriti dan kebertanggungjawaban, jawapan itu dapat kita pertingkatkan dan juga kita perkukuhkan. Jadi, ini saya harap cadangan-cadangan daripada JP-ABAS saya amat menyokong penuh supaya yang paling penting ialah untuk kita menambah baik sistem yang sedia ada yang, dan yang paling penting juga rakyat juga yang mendapat manfaat akhirnya.

Yang keduanya, berkenaan dengan kes Pengurus Besar YAWAS, yang ini juga Sekinchan daripada tadi membelasah, membangkitkan, memburuk-burukkan sahabat Sekinchan sendiri Dato' Jamal, daripada Sekinchan Sg. Besar tetapi ada juga jasa beliau, menyatakan Pengurus Besar ini sudah mufliis, sudah lama kenapa ia Kerajaan Negeri terlepas pandang dan akhirnya Kerajaan Negeri Menteri Besar mengambil keputusan untuk, supaya sama ada dipecat ataupun Pengurus Besar letak jawatan. Jadi ini juga melambangkan bahawasanya kita ingin melihat supaya adanya sistem tadbir urus yang baik di kalangan anak syarikat dan juga Kerajaan Negeri Selangor. Dan saya juga bersetuju supaya Pengurus Besar ini dilantik, Pengurus Besar yang baru dilantik dengan seberapa segera yang boleh supaya kita ingin melihat perjalanan YAWAS ini dapat..berjalan dengan baik dan lebih efisien lagi. Lembaga Pengarah YAWAS, untuk makluman juga, untuk juga makluman Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak mengadakan mesyuarat sejak 2015 dan ini juga perlu diambil kira supaya keputusan-keputusan dasar dan polisi yang nak dibuat boleh dilakukan serta-merta untuk kita meneruskan sikap kebertanggungjawaban, integriti dan ketelusan kita untuk merakyat. Jadi, tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan Speaker yang saya hormati, itu sahaja yang dapat saya sampaikan hari ini, saya sekali

lagi memohon jasa baik Kerajaan Negeri supaya sistem ataupun Skim Mesra Usia Emas ini dapat sampai ke peringkat akar umbi, dapat kita jalankan sistem ini dengan semangat integriti, ketelusan dan juga kebertanggungjawaban yang cukup tinggi. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan, saya menyokong supaya Usul JP-ABAS ini dapat diperhalusi dan dibawa ke peringkat Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Dengkil. Saya bagi Kg. Tunku dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker, Kg. Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini setelah mendengar ucapan daripada Sekinchan dan juga Dengkil khususnya. Saya berdiri di atas, di dalam dewan yang mulia ini untuk memberi sokongan kepada Penyata ini khususnya semangat ataupun asal usul di belakang Penyata ini adalah kerana di dalam persidangan dewan yang lepas, isu kononnya penyelewengan Skim Mesra Usia Emas seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Dengkil itu digerakkan oleh jentera UMNO, digembar-gemburkan di dalam dan di luar Dewan Negeri Selangor dan kalau kita lihat asal usul ataupun suasana politik pada masa itu, apabila sidang dewan hendak bermula maka isu ini dikerahkan dan kalau kita bandingkan selepas dewan yang lepas bulan April, bulan Mei, bulan Jun sehingga sekarang isu ini nampaknya senyap sahaja tidak ada perkara-perkara yang disusuli ya, oleh pihak sebelah sana selepas sidang dewan yang lepas. Ini barangkali menunjukkan ataupun satu petanda yang menunjukkan bahawa barangkali lah isu-isu yang digembur, digerak gempurkan oleh BN ini nampaknya adalah isu yang bermusim. Ia diadakan untuk tujuan-tujuan tertentu. Jadi, saya memberi pujian kepada kerajaan Pakatan Harapan kerana, atas isu yang digerak-gempurkan oleh UMNO itu walaupun bermusim tetapi sebagai sebuah kerajaan yang berwibawa, yang responsif, yang *open minded*, yang bersikap terbuka, kita pun menjalankan siasatan dan pendengaran dan akhirnya kita menghasilkan laporan ini ataupun penyata ini dan ada perkara-perkara yang perlu diberi perhatian.

Saya bersetuju dengan Dengkil sekiranya dikatakan bahawa dari segi kawalan terhadap wang RM1000 itu perlu diperketatkan tapi ia bukanlah satu perkara atau masalah yang ketara sehingga kerajaan kehilangan kawalan. Apa yang kita perlu tahu di sini ialah kerajaan telah pun mengenakan beberapa mekanisme kawalan termasuk Pusat-Pusat Khidmat perlu menghantar Buku Tunai setiap bulan. Buku Tunai, berapa wang yang dikeluarkan kena tulis, berapa wang yang telah pun dibayar kena tulis, kepada siapa perlu bayar pun kena tulis, baki berapa wang berada pada tangan perlu tulis, baki yang di bawa ke bulan hadapan perlu tulis, baki yang diterima daripada bulan sebelumnya pun kena tulis. Itu Buku tunai kena siap setiap bulan. Itu pertama.

Yang kedua, Borang rikupan Borang rikupan adalah borang yang perlu dihantar kepada Pejabat Tanah dan Daerah setiap kali Pusat Khidmat hendak memohon wang rikupan daripada Pejabat Tanah. Jadi, kalaulah sesebuah DUN itu, dia ada RM10,000 dalam akaun bank, kalau ADN ataupun petugas, sepatutnya ADN sahaja yang boleh pegang kad itu. Mengeluarkan wang RM10,000 dan kemudiannya wang RM10,000 dimasukkan kembali sebagai rikupan, tetapi Pusat Khidmat ADN tidak menghantar apa-apa borang rikupan ataupun tidak menghantar Buku Tunai dan dia tidak menghantar bukannya satu minggu, dua minggu, barangkali satu bulan pun tidak hantar apa pun. Tapi wang asyik dikeluarkan sahaja. Jadi, di situ, sepatutnya SMUE ataupun YAWAS ada satu, sudah ada satu peraturan bahawa rikupan ataupun pembayaran itu perlu diberhentikan sehingga dokumen-dokumen ini dihantar sepenuhnya kepada Pejabat Tanah dan juga ke Pejabat YAWAS dan penghantaran Buku Tunai itu, saya difahamkan bahawa ia perlu dihantar secara *online*, boleh dihantar secara *online*, jadi, mudah. Jadi, elemen kawalan itu, untuk hantar..setakat pengetahuan saya memang sudah ada tetapi ia perlu diperketatkan, ia perlu dilaksanakan dengan kertas sekali supaya mana-mana Pusat Khidmat yang menghadapi masalah ini, masalah ini perlu diatasi.

Jadi bagi saya, walaupun ada ketirisan ia bukannya sesuatu yang sangat membimbangkan. Ia hanya akan untuk makluman Dengkil, ia hanya akan menjadi satu isu yang kritikal kalau katakan Kerajaan Negeri tidak ada wang untuk bayar. Kerana ketirisan yang begitu kerap berlaku dan itu akan menjadi isu SPRM lah. Tapi, sehingga sekarang, laporan polis telah dibuat. Saya difahamkan laporan kepada SPRM pun telah dibuat nampaknya tidak ada apa-apa penangkapan. Belum pun ada apa-apa pendakwaan di peringkat mahkamah. Jadi, saya bercadang bahawa isu yang digerak gempurkan oleh UMNO pada 3 bulan pertama tahun ini, barangkali isu itu ada yang disengajakan. Tetapi, walaupun isu itu nampaknya disengajakan, Kerajaan Pakatan Harapan Selangor mengambil sikap yang terbuka dan menjalankan siasatan di mana Dengkil adalah salah seorang ahli yang berada di dalam Jawatankuasa ini. Saya bangga Yang Berhormat Dengkil dia tidak menafikan bahawa program ini adalah sesuatu program yang baik. Saya ucapkan terima kasih. Saya kira itu adalah satu pengiktirafan yang perlu diterima dengan hati yang terbuka oleh semua ahli dewan yang mulia ini namun saya tidak bersetuju dengan Dengkil dari sudut kawalan. Saya rasa kawalan itu memang ada. Apa yang berlaku, apa yang perlu dilakukan ialah memastikan elemen kawalan itu dilaksanakan, diperketatkan, dikuatkuasakan kerana saya tahu memang ada perkara-perkara yang perlu diatasi di situ. Dan sekiranya dia tidak dapat diatasi, ataupun ia tidak dapat dikuatkuasakan, kebarangkalian untuk berlakunya ketirisan itu ada tetapi sehingga sekarang apa pun sekali sehingga sekarang, ketirisan yang berlaku itu masih dalam amaun yang sangat-sangat kecil. Masih tidak mencapai tahap kritikal. Ia menjadi tahap kritikal kalaulah kerana ketirisan

ini berlaku tetapi kerajaan tidak ada wang untuk membayar maka ia menjadi kritikal. Jadi, itulah sedikit sebanyak ucapan yang saya ingin sampaikan di dewan yang mulia ini. Kg. Tunku bercadang menyokong. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Kampung Tunku, sekarang saya mempersilakan Selat Klang.

Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Timbalan Speaker. Selat Klang ingin menyatakan sokongan kepada Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi Badan Berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri JP-ABAS mengenai pelaksanaan Program SMUE. Kita melihat sejak 2008 apabila program SMUE ini dilaksanakan ia memberikan impak yang sangat besar kepada penduduk di Negeri Selangor dan saya sendiri menyatakan kepada mereka yang menerima ini di mana apa yang disebut oleh Sekinchan, Johor tidak ada negeri lain tidak ini hanya ada ini di Selangor dan di Kelantan mulakan Skim Kifalah tetapi kita di Selangor sebanyak RM2,500.00. Jadi jumlah yang di peruntukan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah besar dan mereka menerima alhamdulillah agak besar, agak meluas dan saya setuju program ini sangat-sangat bagus dan ia menunjukkan kepada kemampuan Kerajaan Negeri Selangor menguruskan kewangan yang ada dan ia benar-benar memberi impak memberi manfaat kepada rakyat jelata. Jadi apa yang dibawa oleh jawatankuasa ini adalah penambahbaikan dan juga supaya ke arah *zero defect* dalam pelaksanaan program ini. Jadi saya setuju di mana di antara yang perlu difokuskan dan diambil tindakan segera oleh Kerajaan Negeri ialah di mana Lembaga Pengarah ini tidak lagi belum mengadakan mesyuarat itu adalah perkara yang agak kritikal dan mesti dibuat kerana ia melanggar prinsip *best practice*. Yang keduanya tentang bagaimana RMSB yang diserapkan kepada YAWAS ia kena dibuat supaya penyerapan itu melahirkan mereka yang akan boleh membuat kerja dengan lebih berkesan, lebih afektif dan segala masalah-masalah daripada segi teknikal, administrator dan juga mungkin yang diambil peluang oleh pihak-pihak pembangkang. Yang keduanya tentang pembayaran dua peringkat yang disebutkan oleh Batu Tiga di mana mungkin ada benarnya ada baiknya kalau diberi sekali gus maknanya tidak perlu fasa pertama, fasa kedua kerana ia melibatkan kos tenaga kerja Pejabat Daerah dan juga masa dan juga kebanyakan waris-waris SMUE mereka bekerja jadi apabila pegawai dari Pejabat Daerah mereka juga bekerja jadi bagaimana nak mengharmonikan mereka ini boleh hadir. Jadi alangkah baiknya jika kita jimat masa, jimat kos dan juga daripada segi mungkin fokus beban kerja Pejabat Daerah ini boleh dikurangkan sekiranya ia hanya diberikan sekali tetapi sistem kita kena kawal secara baik bagaimana di PKM, Pusat Khidmat Masyarakat ini benar-benar mengagihkan RM2,500 kalau masih lagi RM2,500.00 kalau duit rezeki duit Kerajaan Negeri lebih banyak boleh tambah lagi di mana ia boleh beri sekali gus dan pada peringkat pertama itu saya kira ia lebih dihargai oleh waris-waris. Kalau mungkin waris-waris Umat Islam pengebumian, pengurusan

jenazah Umat Islam mungkin tidak lah begitu mahal tetapi pengalaman saya bersama dengan sahabat-sahabat kita pengebumian daripada Hindu, daripada Buddha dan sebagainya mungkin mengambil kos yang lebih banyak jadi bila kita boleh bayar mereka dengan lebih cepat saya rasa itu lebih memberikan satu kepuasan bagi mereka. Jadi saya sokong usul yang dibawa ini dan mudah-mudahan saya harapkan Kerajaan Negeri mengambil perhatian perkara yang asas itu supaya sistem pentadbiran itu khususnya pengurusan di pihak YAWAS ini dan margin dengan izin dengan RNSB ini boleh disempurnakan secepat mungkin. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Selat Klang.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Dengan izin.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi Teratai dahulu. Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker membenarkan Teratai untuk menyertai sesi perbahasan ini. Teratai mengucapkan tahniah kepada JP ABAS dengan menyediakan penyata yang melibatkan SMUE iaitu sesuatu insentif peduli rakyat yang memang mengambil peduli rakyat dalam Negeri Selangor. Teratai telah meneliti penyata berkenaan dan ingin menarik perhatian kepada keterangan YAWAS pada 5.1.8 iaitu pihak JP-ABAS pernah membentangkan usul berkaitan kedudukan RMSB dalam tahun 2014 yang mana disarankan bahawa bidang Program MES yang telah dilaksanakan oleh agensi sepatutnya diletakkan di bawah bidang kuasa MMKN dan bukannya MBI. Teratai telah mendapati bahawa dengan trend yang telah sedang berlaku pada masa kini adalah YAWAS telah diletakkan di bawah MBI ataupun lebih *answerable* dengan izin kepada pihak MBI daripada MMKN ataupun Dewan ini dan saya berharap Teratai berharap bahawa bagi skim-skim peduli rakyat yang begitu penting sekali boleh dipertanggungjawabkan kepada pihak MMKN iaitu Kerajaan Negeri Selangor supaya satu sistem pemantauan yang lebih ketat boleh dilakukan yang terhadap semua insentif peduli rakyat ini yang meliputi semua Warga Selangor yang mana selaras dengan slogan Dato Menteri Besar iaitu “Kerajaan Yang Prihatin” dan Teratai juga mengalu-alukan dan menyokong saranan Jawatankuasa JP ABAS ini yang mana perlu melihat ataupun mengambil tindakan secepat mungkin dengan melantik Pengurus Besar dalam yang telah dikosongkan sekian lama ini. Sistem pemberian wang SMUE yang dilakukan dengan dua kali ini Teratai berasa adalah sangat penting sebagai Wakil Rakyat kita harus memberi wang SMUE dengan sendiri ataupun melalui Pejabat Pusat Khidmat masing-masing. Ini kerana terdapat penerima-penerima SMUE yang kemungkinan menghadapi masalah daripada segi pengangkutan untuk hadir sesi pemberian ataupun penyerahan wang apabila sesi memberikan wang ini dilakukan di Pejabat Tanah ataupun Daerah. Jadi dengan pemberian wang ataupun pelepasan wang SMUE ini dilakukan di Pejabat Pusat Khidmat masing-masing, ini dapat memudahkan rakyat kita daripada menerima SMUE

yang bermotif untuk memudahkan ataupun meringankan beban waris-waris keluarga. Teratai juga ingin menarik perhatian dalam Sidang Dewan ini berkenaan dengan Kad ATM yang terletak di bawah nama Wakil Rakyat masing-masing di mana Teratai berharap di mana Kad ATM haruslah diletak mengikut pusat khidmat masing-masing dan bukan diletak di bawah nama individu walaupun kita selaku Wakil Rakyat yang mana dana ini merupakan dana kerajaan jadi adalah lebih wajarnya Kad ATM ini diletakkan di bawah nama Pusat Khidmat Masyarakat masing-masing. Dan sekali lagi Teratai mengucapkan tahniah dan juga terima kasih terhadap usaha baik yang dilakukan oleh JP-ABAS dan semoga Teratai apa yang disarankan oleh Teratai boleh di dipertimbangkan oleh JP-ABAS dan juga Kerajaan Selangor. Sekian terima kasih, Teratai menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih, saya mempersilakan Rawang speaker ini yang terakhir ya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin turut serta dalam perbahasan untuk penyata ini cuma dengan menarik perhatian terhadap satu yang dilaporkan dalam laporan ini tentang Struktur Pelaksanaan Kewangan SMUE tetapi saya rasa ini adalah satu pendekatan yang amat baik yang mana kita menunjukkan keterbukaan pihak Kerajaan Negeri dengan sikap ketulusan kita membawa isu ataupun SMUE ini ke dalam jawatankuasa supaya kita boleh mengkaji secara lebih teliti apa aspek penambahbaikan. Jadi ini sebenarnya menunjukkan cara Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan berbeza dengan Kerajaan Persekutuan yang mana walaupun tentang skandal 1MDB dibawa masuk ke dalam jawatankuasa PAC tetapi juga tidak boleh dilaporkan dibentangkan dalam PAC dan ditutup terus perbincangannya. Cuma saya ingin menarik tentang perkara yang dibangkitkan dalam 5.2 tentang Struktur Pelaksanaan Kewangan SMUE perkara 5.2.8. Saya menyokong cadangan pihak jawatankuasa kalau boleh dikaji supaya penyerahan untuk sumbangan SMUE ini dibuat dalam bentuk sekali sahaja. Memandangkan kita nampak bahawa dalam pelaksanaan tersebut dikatakan tunggakan fasa dua lazimnya disebabkan oleh waris yang tidak dapat dihubungi dan kalau saya ambil contoh di kawasan DUN Rawang saya baru semak dalam sistem ada 91 lagi tunggakan fasa dua yang belum dijelaskan dan pernah saya tanya dengan pegawai dimaklumkan bahawa ramai yang tidak dapat dihubungi. Jadi maksudnya kalau boleh dalam peringkat penyerahan fasa pertama itu bila waris itu hadir sekali gus kita serahkan wang itu untuk memudahkan bagi kerja kedua-dua pihak maksudnya untuk waris penerima dan juga untuk pegawai dan juga petugas. Dan kedua saya cadangkan kalau boleh walaupun dinyatakan di sini kalau waris tidak dapat dihubungi akan dikeluarkan daripada sistem tetapi perlu kita nyatakan dalam borang juga kalau boleh dinyatakan apakah tempoh hari yang kita hadkan sekiranya seseorang waris itu tidak hadir telah ditunjukkan banyak kali dengan usaha kita hubungi kita tidak

dapat datang untuk dapatkan fasa kedua itu kita boleh lupuskan ataupun dengan cara macam mana pun untuk kita keluarkan mereka dalam data tersebut. Sekiranya tidak saya nampak sistem itu akan selalu tunjukkan tunggakan tersebut. Untuk catatan DUN Rawang saya semak dalam sistem masih ada mereka yang meninggal dunia pada tahun 2016 sampai sekarang untuk pembayaran fasa kedua masih tidak dijelaskan mungkin disebabkan oleh waris tidak hadir, tidak dapat dikesan ataupun banyak dihubungi tidak dapat hadir. Jadi mungkin saya cadangkan itu satu penambah baikkan yang kita boleh dilakukan supaya kita buat hanya sekali sahaja dan kalau waris tersebut sudah banyak kali dihubungi tidak dapat hadir saya rasa adalah perlu kita set kan *time frame* untuk mereka keluarkan dalam sistem agar sistem pengurusan SMUE boleh dijalankan dengan lebih lancar. Itu sahaja cadangan saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Rawang. Saya mempersilakan Hulu Klang. Ini betul-betul akhir ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: *Bismillahi rahmani rahim*, terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini dimulakan dengan ucapan tahniah saya kepada Jawatankuasa ABAS yang dipimpin pada ketika itu oleh Y.B. Batu tiga dan rakan-rakan terutamanya daripada Dengkel yang cukup komited dalam menghadirkan diri dalam mesyuarat-mesyuarat JP-ABAS. Tahniah. Dan sebenarnya kita minta dia sebagai pencadang tetapi oleh takut dimarahi oleh ketuanya kita. Saya akan menyentuh beberapa perkara khususnya berkaitan dengan tadbir urus. Satu kelebihan di kalangan kelebihan-kelebihan yang lain kelemahan-kelemahan daripada masa ke semasa adalah tentang program ini adalah satu kad yang setiap minggu ada duit *cash* dalam bank sebanyak RM10,000.00 yang diberikan kepada ADN. Maknanya kalau kita nak kata ADN lah kebiasaannya, amanahnya, sikap yang benar akan memastikan program berjaya. Kelemahan-kelemahan yang lepas telah kita perbaiki dan setakat ini kalau di Hulu Klang *zero defect* dan kemudian dicemari sedikit dengan tidak *zero defect* kerana ada dokumentasi tidak lengkap iaitu kita telah memberi lebih pada waris-waris sebanyak RM1000.00 berbanding dengan jumlah wang yang masuk. Kini telah dikemaskan dan diperbaiki dan pentingnya dalam program ini kita melahirkan ADN-ADN Yang Berhormat yang betul-betul terhormat mempunyai sifat amanah.

Sifat amanah membawa *cash* itu hanya apabila ada kematian dan apabila ada dokumentasi yang cukup dan sistemnya pun bagus sehingga dalam tempoh sepuluh tahun kita menjayakan program ini hampir sepuluh tahun program ini melahirkan ADN-ADN yang amanah yang sungguh-sungguh dan berbakti kepada rakyat dan dia satu program yang akan kita kekalkan kita harap sebagaimana kekalnya Pakatan Harapan Rakyat di Negeri Selangor. Kedua saya ingin menyentuh tentang apa yang menjadi perkara yang lebih mendalam dalam program ini. Program ini adalah pengiktirafan kita kepada warga emas waris mereka di Negeri Selangor. Di mana dengan pemberian ini

kita mengingatkan bahawa generasi Selangor ini wujud pada hari ini kerana ada ibu-ibu, bapa-bapa, opah-opah, nenek-nenek, atuk-atuk yang telah memberi jasa berbakti bukan sahaja dalam konteks ekonomi tetapi dalam konteks sosial, kekeluargaan, kejiwaan dan sebagainya. Saya apabila turun ke padang apabila menyerahkan kadang-kadang ada rumah ke rumah kita ingatkan dan mengingatkan mereka bahawa Selangor telah dibangunkan atas dasar kasih sayang, hormat-menghormati bukan setakat seribu dua ribu setengah itu yang penting mungkin dari segi ekonomi dan pengauditan tetapi yang lebih penting adalah perasaan kasih sayang itu. Dan itulah bezanya program jasa mu dikenang yang sebelum ini dengan program SMUE ataupun Warga Emas di mana dalam konteks kalau kita nak kata masyarakat India kalau ada kematian belanja untuk menguruskan kematian itu mungkin mengambil paling kurang 3, 5 ada yang RM 7,000.00. Kalau masyarakat Tionghoa tak kurang dari RM 10.00 dan lebih. Kalau Sekinchan dulu ada RM 1,000.00. Sekinchan belanja berapa ribu?. Banyak, *cash*. Jadi ini satu perkara yang saya menyeru bahawa sentuhan daripada Kerajaan Negeri Selangor pada warga yang kematian waris kematian yang disayangi dan kita pertimbangkan dari semasa ke semasa. Yang penting sekali dalam program ini kita dapat menyentuh mereka bagaimana telah banyak kali kita sebut di dalam sidang dewan. Mereka merasakan pemberian dari kerajaan. Contohnya kalau kita kata nak bagi dua-dua RM2,500.00 bagi RM500.00 dulu untuk mereka. Atau bagi RM1,000.00. Saya rasa dewan ini tidak pernah sunyi daripada cadangan-cadangan begini dan kita harapkan dapat dipertimbangkan oleh kerajaan di mana saya ingin meminta penjelasan daripada EXCO nanti apakah jumlah sasaran sebenar warga emas di Selangor. Laporan Ketua Audit telah mengkritik kita, Kerajaan Negeri Selangor beberapa tahun yang lepas kerana kita meletakan *target* warga emas itu yang tidak mendapati bilangan keseluruhan warga emas yang sebenar di Selangor. Jadi kita berdepan dengan suasana pada hari ini, kita telah berbelanja sebanyak dua ratus satu juta lebih kurang begitu dengan waris seramai 81,897 menerimanya manakala bilangan warga emas keseluruhannya adalah 265,797. Jadi adakah ini sasaran yang munasabah dalam konteks bilangan warga emas di Negeri Selangor ataupun kita jauh tercicir. So, saya meminta penjelasan kepada EXCO agar kita tahu selepas ini di Hulu Kelang berapa banyak, di Sekinchan berapa ramai jadi kita tahu sasaran kerja kita dan kita meningkatkan usaha kita untuk menambahkan bilangan peserta dalam program Skim Mesra Usia Emas. Satu lagi perkara ingin saya bawa adalah tentang urus tadbir yang berkaitan dengan pimpinan YAWAS dan RMSB sebelum ini kita hendaklah mewujudkan satu sistem yang berdasarkan pada fakta, prinsip dan amalan terbaik dari semasa ke semasa. Saya percaya EXCO, Dato' Menteri Besar sedang dari semasa ketika kedua-dua pimpinan di peringkat RMSB dan peringkat YAWAS, apa yang timbul lebih merupakan *interpersonal*. Hubungan interpersonal, ngam tak ngam, masalah tak masalah, yang kita telah memberikan pandangan kita tentang isu ini tetapi perkara itu tidak ditangani dengan sebaiknya pada masa itu. Jadi saya berharap apabila kita

membentuk satu sistem persoalan-persoalan *interpersonal*, masalah peribadi, masalah hubungan di antara mereka yang kita amanahkan untuk menjayakan, amanah dalam program negeri hendaklah diatasi sesegera mungkin. Dan oleh kerana itu saya menyokong agar usaha untuk memastikan Pengurus Besar, kepimpinan utama dalam kedua-dua program ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin. Dan itu ada perkara yang telah disentuh dan saya menyokong agar usaha ini diterima. Terima Kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Hulu Kelang dan Ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan tetap 76 (5) dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP-ABAS bagi dewan Negeri Selangor berkenaan pelaksanaan program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dari segi tadbir urus dan kewangan yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bil.11/2017. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “Ya” yang tidak katakan “tidak”. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya, Usul No. 5 Tahun 2017 Usul Di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Kira - Kira Wang Awam *Public Accounts Committee* (PAC) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu pemberian tender oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi Projek Pintu Air di Sungai Keramat pada tahun 2016 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 12/2017. Tuan Timbalan Speaker, saya membentangkan Penyata ini setelah Jawatankuasa PAC *Public Accounts Committee* kita bermesyuarat setiap tahun dan setiap bulan kita bermesyuarat untuk meneliti setiap isu yang timbul berkaitan dengan urus tadbir *accountability* dan ketulusan perjalanan pentadbiran negeri Selangor, PAC mengambil maklum dan mengambil inisiatif untuk meneliti segala permasalahan yang timbul untuk membantu kerajaan merungkai permasalahan, kelemahan untuk diambil perhatian dan menambah baik sistem pentadbiran yang dan pada penyata ini kita fokuskan kepada satu aduan yang telah dikemukakan dengan bukti kukuh mengenai pemberian tender bagi beberapa projek oleh JPS yang tidak menepati *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut, yang pertama projek pertama melibatkan kerja-kerja membina, membekal, memasang dan menguji jaya pam, kerja-kerja elektrik serta kerja-kerja lain yang berkaitan Di Pintu Air Bukit Lanchong, Daerah Petaling. Yang kedua projek melibatkan kerja-kerja membina, membekal, memasang dan menguji jaya pam, kerja-kerja elektrik serta kerja-kerja lain yang berkaitan di pintu air Sungai Pelek, Daerah Sepang. Dan yang ketiga projek melibatkan kerja-kerja membina, membekal

dan menguji jaya pam, kerja-kerja elektrik serta kerja-kerja lain yang berkaitan di pintu air Sungai Keramat, Daerah Klang. PAC telah menemui dan telah mengadakan satu pendengaran tertutup bertarikh 22 Februari 2017 untuk mendengar taklimat dan penerangan daripada pihak JPS mengenai tatacara pengeluaran tender bagi projek di atas. Tuan Timbalan Speaker apa yang saya ingin nyatakan dalam penyata ini di mana kita telah menemui beberapa perkara di mana JPS memaklumkan kepada Jawatankuasa Sebut Harga yang diuruskan oleh Jawatankuasa Perolehan JPS di peringkat Negeri Selangor. Pengurusan sebut harga dan tender ada seperti berikut, ini penting :

(1) Nilai projek bernilai bawah RM500,000.00, bawah RM500,000.00 bagi projek kategori J1 dan J2 sebut harga diurus oleh JPS Daerah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Sebut Harga yang di pengaruhi oleh Pengarah JPS. Ini yang pertama bawah RM500,000.00. Di peringkat sebut harga.

(2) Nilai projek bernilai bersamaan dengan lebih daripada RM500,000.00 bagi projek kategori J3, J4, 5, J6 dan J7. Tender diuruskan oleh JPS Negeri di bawah tanggungjawab jawatankuasa tender negeri yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini dua kategori di mana RM500,000.00 bawah RM500,000.00 di peringkat JPS Daerah dan kalau lebih RM500,000.00 peringkat bukan sebut harga lagi di peringkat tender jawatankuasa tender negeri. Inilah dua peringkat yang kita kena kenal pasti dalam penyata ini mengenai kes yang kita nak sebutkan kesemua pemohon tender kontraktor yang berjaya mengikut lawatan tapak akan disemak dan diteliti oleh dua jawatankuasa iaitu jawatankuasa penilaian harga dan jawatankuasa penilaian teknikal untuk mendapat tender projek. Pihak kontraktor harus mendapat kelulusan dan jawatankuasa penilaian teknikal terlebih dahulu selepas itu jawatankuasa penilaian harga akan meneliti harga yang ditawarkan oleh kontraktor dan memilih kontraktor yang menawarkan harga terendah. Ini antara pra syarat. Selepas lawatan tapak pegawai JPS yang bertugas akan menyenaraikan menyerahkan senarai nama kontraktor yang hadir pada hari lawatan tapak kepada Unit Pemberian Tender di JPS. Kebiasaannya pihak JPS akan memberi tender kepada kontraktor yang berjaya dalam tempoh masa satu atau dua hari selepas lawatan tapak. PAC dimaklumkan jawatankuasa PAC dimaklumkan bahawa hanya kontraktor, ini penting ye untuk dewan yang mulia ini hanya kontraktor yang memenuhi semua syarat kerakyatan, kelayakan yang ditetapkan bagi sesuatu projek itu akan dibenarkan untuk mengikuti lawatan tapak. Namun begitu mana-mana kontraktor yang tidak memenuhi syarat kelayakan boleh mendapatkan surat kebenaran khas dari program penilaian keupayaan dan kemampuan kontraktor CIDB hanya kontraktor yang mempunyai surat kebenaran khas boleh dikecualikan daripada syarat kelayakan yang ditetapkan bagi sesuatu projek itu. JPS memaklumkan bahawa pegawai JPS akan menyemak kelayakan, dia akan semak satu persatu melalui sijil atau surat kebenaran khas daripada CIDB yang dibekalkan oleh pihak kontraktor

pada hari lawatan tapak pada hari tersebut. JPS memaklumkan bahawa terdapat pakar konsultan yang terlibat dalam penyediaan penyeliaan *design*, pelan, laporan dan spesifikasi bagi setiap projek. Namun pihak konsultan tidak terlibat dalam proses pembelian tender JPS. Projek pertama melibatkan kerja-kerja membina, membekal, memasang dan menguji jaya pam, kerja-kerja elektrik serta kerja-kerja lain yang berkaitan di pintu air Bukit Lanchong, Daerah Petaling nama kontraktor yang memenangi tender projek tersebut ialah Warisan Jingga Enterprise projek berkenaan bernilai RM2,692,400.00 termasuk GST. Projek kedua seperti melibatkan kerja-kerja membina, memasang, menguji jaya pam, kerja-kerja elektrik serta kerja-kerja lain yang berkaitan di pintu Air Sungai Pelek, Daerah Sepang. Kontraktor yang memenangi tender projek tersebut ialah Kejuruteraan Emeg Sdn Bhd. Projek berkenaan bernilai RM4,504,032.43 termasuk GST. Tuan Timbalan Speaker, projek yang ketiga melibatkan kerja-kerja membina, membekal, memasang dan menguji jaya pam, kerja-kerja elektrik serta kerja-kerja lain berkaitan di pintu air Sungai Keramat, Daerah Klang di bawah DUN Sementa kalau tak silap saya DUN Sementa. Kontraktor yang memenangi tender ialah RIM Engineering Service Malaysia Sdn Bhd. Projek berkenaan bernilai RM4,016,340.00 termasuk GST. Persoalan yang timbul setelah pendengaran kita lakukan, PAC mendapati bahawa projek ketiga iaitu projek pintu air Sungai Keramat mempunyai masalah dan tatacara pemberian tender ada masalah. Masalah yang timbul ialah apa? PAC mendapati bahawa RIM Engineering Service Malaysia Sdn. Bhd. Mendapat tender projek tersebut. Dia dapat tender. RIM Engineering dapat tender dengan RM4juta lebih yang ditetapkan, tetapi walaupun tidak memenuhi syarat kelayakan tender yang ditetapkan oleh JPS, RIM Engineering Service Malaysia Sdn. Bhd. Tidak mempunyai Sijil E04 atau E11 atau Surat Kebenaran Khas CIDB yang sah pada hari lawatan tapak. Maknanya pada hari lawatan tapak itu ada dokumen kurang, tak penuh oleh RIM Engineering. Ok.

(3.12) PAC juga mendapati bahawa Surat Kebenaran Khas CIDB yang diberikan oleh RIM Engineering Service Malaysia Sdn. Bhd. sebenarnya tidak boleh diguna pakai pada hari lawatan tapak. Hal ini kerana Surat Kebenaran Khas CIDB yang diberikan oleh RIM Engineering Sdn. Bhd. bertarikh 17 Oktober 2016 suratnya ya. Manakala lawatan tapak diadakan pada 28 September 2016 kita buat lawatan tapak tapi surat kebenaran daripada CIDB adalah 17 Oktober 2016. Maknanya 19 hari lebih lewat daripada tarikh lawatan tapak mengikut SOP JPS. RIM Engineering Sdn. Bhd. Sepatutnya tidak dibenarkan menyertai lawatan tersebut. Maknanya lagi ada 19 hari surat itu baru kuat kuasa untuk kelulusan khas daripada CIDB. Tetapi waktu lawatan 28 September, pegawai yang bertugas mungkin terlepas pandang, tak nampak dan terkhilaf benarkan dia untuk menyertai lawatan. Sebab daripada satu pra syarat di situ ialah semua mesti *complete*. Salah satu tak boleh, out. Salah satu syarat tak diberi ini

(CIDB ini tak cukup) pun kena out. Ini syarat dalam pemberian tender dalam konteks ini.

Dan seterusnya, PAC mendapati bahawa Kejuruteraan IMEX juga dibenarkan mengikuti lawatan tapak pada 28 September 2016 walaupun kontraktor berkenaan tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Surat Kebenaran Khas CIDB yang diberikan oleh Kejuruteraan IMAX juga tidak memenuhi syarat kerana bertarikh 30 September (2 hari lewat) iaitu dua hari lewat daripada tarikh lawatan. Inilah dua perkara yang kita timbul dalam konteks ini di mana pihak pegawai telah membenarkan dua-dua kontraktor ini menyertai lawatan tapak. Yang pentingnya akhirnya mereka dapat kontrak ini. Ini persoalan yang timbul. Jawatankuasa mendapati pihak urus setia yang menjaga proses lawatan tapak telah gagal menyekat mana-mana kontraktor yang tidak layak dan tidak memenuhi syarat tender daripada mengikuti lawatan dalam kes ini. RIM Engineering dan juga Kejuruteraan IMAX Sdn. Bhd. Dibenarkan malah di rekod hadir secara rasmi dalam senarai kontraktor yang hadir di lawatan tapak. Perkara ini seolah-olah memberi gambaran kepada Jawatankuasa Tender JPS bahawa kedua-dua kontraktor ini merupakan kontraktor yang layak untuk dipertimbangkan dalam tender Pintu Air di Sungai Keramat ini. Jadi dua-dua ini seolah-olah tidak layak ya. Jadi isu yang timbul ialah kenapa yang tak layak (kontraktor yang tak layak) kita terlepas pandang? Ini soal SOP. Soal pengawal dan sebagainya.

Dan syor Jawatankuasa PAC oleh sebab berlaku kelemahan seperti ini, jadi pihak Jawatankuasa PAC mencadangkan supaya satu siasatan dalaman (*internal audit*) dilaksanakan oleh pihak JPS untuk menambah baik segala kelemahan dalam *Standard Operating Procedure* (SOP JPS). Kita mahu perkara ini ada satu siasatan dalaman yang 4.2 merujuk kepada penemuan dalam perkara 3.10 sehingga perkara 3.14 beberapa tindakan perlu diambil seperti berikut :-

- a) Memandangkan kesilapan ini merupakan sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku, PAC mencadangkan agar satu siasatan khas dibuat oleh satu jawatankuasa siasatan dalaman yang perlu ditubuhkan segera;
- b) PAC juga mencadangkan agar tindakan tegas diambil terhadap urus setia yang mengurus sesi lawatan tapak bagi Projek Sungai Keramat berkenaan. Hal ini untuk memastikan perkara ini tidak berulang kembali untuk dinaungi bersama;
- c) (4.3) setiap Pegawai JPS yang mestilah menjalankan tanggungjawab dan juga perlu menjalani latihan intensif secara berkala agar Pegawai JPS

peka dan tidak cuai dalam menjalankan tugas mengikut SOP yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, dalam penyata yang saya bersama ahli-ahli jawatankuasa yang kita mesyuarat dan kita kenal pasti dalam taklimat, dalam pendengaran tertutup tersebut, kita dapati ini jawapan-jawapan respons daripada JPS. Mereka seolah-olah (bukan kita nak salahkan) tetapi mereka tidak peka soal SOP yang mereka lakukan setiap kali adakan tender. Mereka dah biasa, tetapi terlepas pandang. Oleh kerana terlepas pandang ini menimbulkan ketidakadilan kepada kontraktor lain yang mematuhi SOP dan mereka layak tetapi mereka juga turut serta dalam lawatan tapak. Akhirnya yang tak layak, ada kelemahan, mereka beri. Tetapi mereka dapat kontrak. Ini yang menyebabkan ada kontraktor yang tidak puas hati. Saya yakin kalau kita dapat perbaiki kelemahan ini, sebab tahun ini (2017) perbelanjaan belanjawan yang diperuntukkan untuk JPS Negeri Selangor sangat besar daripada tahun-tahun sebelum ini kerana kita nak menyelesaikan banyak masalah di seluruh negeri Selangor.

Kita tahu JPS sangat membantu dalam kita tebatan banjir, projek-projek tebatan banjir dan sebagainya. Membantu Kerajaan Negeri untuk merealisasikan, untuk menjayakan segala projek-projek pembangunan demi kesejahteraan rakyat, tetapi dalam konteks agihan projek ini kita tidak boleh *compromise*. Perkara ini harus dielakkan. Dalam PAC ini (*Public Accounts Committee*) Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam, kita punya tanggungjawab untuk menegur, untuk memberitahu kerajaan wang rakyat harus di belanja *value for money* dan tidak ada kelemahan seperti ini berlaku. Ini berlaku sebagai satu kes, tetapi rujukan untuk kita tambah baik, tapi kita mahu kita bentang dalam Jawatankuasa ini, kita bentang dalam Dewan yang ini tujuan apa? Tidak lain tidak bukan, Kerajaan Negeri Selangor kita terbuka, kita telus, kita mahu mendengar, mahu menyelesaikan masalah kelemahan supaya pada masa akan datang, kita lebih proaktif. Wang rakyat kita jaga dengan lebih baik. Dan ini juga memberi satu petunjuk dan juga satu implikasi kepada semua jabatan-jabatan yang lain.

Kita tahu banyak jabatan yang mengendalikan termasuk di PBT, termasuk di pejabat tanah, termasuk di JKR dan sebagainya. Mereka juga mengendalikan tender-tender terbuka dan sebagainya. Ada sebut harga dan sebagainya. Perkara sedemikian mungkin juga berlaku kerana kita hanya ambil satu kes sahaja, satu aduan kes sahaja kita buat siasatan, ada asas. Apatah berjuta-juta, berbilion-bilion projek kita setahun daripada MARRIS, daripada buat jalan dan sebagainya. Itu juga mungkin timbul kelemahan sedemikian. Jadi, kita kena ambil maklum seluruh saf pimpinan negeri dan juga kakitangan yang ada, kita sama-sama mengorak langkah ke hadapan untuk mencapai prestasi yang lebih cemerlang. Kita perbaiki kelemahan dan juga baru-baru ini saya banyak terima aduan daripada orang ramai bahawa di pejabat tanah dan

sesetengah PBT kadang-kadang sikap mereka untuk bekerja itu masih berada tahap tidak memuaskan. Ada ramai yang memuaskan, tetapi ada yang kurang memuaskan. Kadang-kadang pelan yang kita *submit* ya Tuan Timbalan Speaker, kita *submit* pelan selepas 3 bulan kita *follow up balik* mana pelannya, dia kata pelannya hilang. Pelan yang kita *submit* pun boleh hilang. Ini kelemahan juga yang saya nak nyatakan. Dan ini perlu dielakkan.

Kita mahu Selangor maju ke depan, lain daripada negeri yang lain. Selangor saya yakin kalau kita tanyalah pemaju dan sebagainya, pada *developer* yang ada, mereka membuat perniagaan, pembangunan di negeri-negeri yang lain seperti di Pahang, Negeri Sembilan dan sebagainya, mereka tahu di sana prestasi kerjanya cukup lembap. Tetapi di Selangor dia cepat, proaktif. Namun, kita tidak rasakan kita dah cukup setakat ini, belum kita mahu mengorak ke depan lagi. Mengorak ke depan lagi kita mahu lebih maju, lebih proaktif, lebih cemerlang. Ini yang kita hendak ya. Selaras dengan insentif yang kerajaan berikan, kerajaan tahun ini oleh kerana pengurusan yang baik, bantuan daripada kakitangan, kutipan hasil yang begitu baik tahun ini, YAB Dato' Menteri Besar begitu prihatin dalam suasana raya memberi Bonus Hari Raya 2 bulan gaji. Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah. Tapi di Negeri Selangor, negeri yang begitu maju dan mendapat manfaat daripada hasil negeri untuk rakyat. Jadi kita bagi insentif lebih kepada kakitangan dan sebagainya. Tak ada masalah. Pentingnya apa? Peningkatan kualiti kerja, peningkatan perkhidmatan itu kena.

Kelemahan seperti yang saya nyatakan dalam Laporan Penyata PAC ini harus dielakkan. Prestasi kerja kena tambah. Kalau prestasi kerja tambah baik, akhir tahun mungkin ada insentif lain pula tambahan. Ini yang kita dahulukan. Jadi saya mintalah JPS ke, JKR ke, PBT ke, pejabat tanah sama-sama ayuh kita gembelangan tenaga, kita pastikan, kita kurangkan kelemahan, perbaiki kelemahan dan kita pastikan semua SOP dipenuhi supaya rakyat begitu puas hati dengan sistem penyampaian kita dan projek-projek yang kita rancang, yang kita buat mencapai sasaran *value for money*. Dan ada poin tambahan dalam penyata ini yang saya nak tegaskan di sini, PAC ini kita ambil maklum dan kita prihatin, tak ada masalah. Kita nak siasat satu persatu kes walaupun itu kelemahan kerajaan, kita nyatakan dalam penyata, kita tak tutup, kita tak simpan dalam bakul, dalam bawah permainan ini. Tak seperti di Barisan Nasional. Ada kalanya ada berlakunya kepincangan skandal 1MDB, tubuh Jawatankuasa Siasat Audit dan sebagainya oleh PAC di Parlimen, apabila sudah berbulan siap PAC laporan semua dah siap PAC, laporan skandal 1MDB diletak dalam Akta Rahsia Rasmi. Tidak boleh di bentang dalam Parlimen, dalam Dewan. Ini sesuatu yang pelik.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

YB TUAN NG SUEE LIM: Yang aneh.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kita ada satu Usul 1MDB ini. Saya minta janganlah menyeleweng.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ya, ya, ya. Saya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong bukan nak bertanya ke?

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak ada.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tak ada? Terima kasih Sungai Burong. Sungai Burong dia prihatin sebab kalau kita sentuh 1MDB ini, mereka bergegar sikit. Gigil sikit. Jadi ini masalah gigil. Gigil. Menggigil aku.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, tak ada gegar, ada usul. Ada usul. Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Dengan izin. Menggigil.

YB DATO; MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ada usul. Jangan merewang.

YB TUAN NG SUEE LIM: Menggigil. Ada usul? Ya, ya, ya. Saya tahu ada usul.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bincang fasal ini PAC ini yang ini JPS.

YB TUAN NG SUEE LIM: Nanti kita rentap usul. Nanti kita rentap macam mana cincinnya nanti kita cerita lah. Cincin dengan berlian. Sabar, sabar, sabar.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ada masanya.

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya cuba ungkit kenapa laporan PAC di Parlimen tak boleh dibentangkan? Hari ini saya dan teman-teman berjaya bentangkan penyata laporan walaupun ada kelemahan Kerajaan Negeri, kita teguh, kita tak ada letak dalam OSA. Ada letak dalam OSA ke? Yang Berhormat semua? Tak ada. Kita buka, ada kelemahan kita tunjuk, kita cerita, kita bahas. Biar pembangkang boleh marah. Tak apa.

YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Minta penjelasan.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

YB TUAN NG SUEE LIM: Tak ada. Saya nak teruskan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil

YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Minta penjelasan. Sikit saja. Fasal 1MDB.

YB TUAN NG SUEE LIM: Oh, sikit saja?

YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tak ada nak bahas. Nak tanya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini bukan

YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Nak tanya fasal 1MDB tadi tu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil, ini bukan fasal 1MDB.

YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Dia sebut pasal 1MDB? Fasal menyimpang

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya tak bagi. Sekinchan, sambung.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Oleh kerana Laporan Ketua Audit itu tidak boleh di bentang di Parlimen. Di Selangor lain. Kita bentang PAC oleh

YB DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, saya harap balik kepada Peraturan 36(1) lah.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tak boleh! Tak boleh! Tak boleh! Tak ada, tak ada 36(1)

YB DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS: Tumpu pada isu PAC tadi

YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Kalau tak saya nak tanya soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya faham, saya faham.

YB TUAN NG SUEE LIM: Teruskan. Saya nak teruskan Tuan Timbalan Speaker.

YB DATO' SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau tak ada, boleh

24 JULAI 2017 (ISNIN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Teruskan, teruskan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Saya teruskan ya. Jadi saya nampaklah cara Kerajaan Negeri Selangor kita telus. Akauntabiliti, keterbukaan, ketelusan. Ini lain daripada yang lain. YAB Dato' Menteri Besar, kita tegur dia terima. Dia tak marah. Tak ada kena SOSMA, tak ada. Kena tangkap, tak ada. Tapi kalau sebelah sana tegur, pecat jawatan Timbalan Perdana Menteri. Kalau tegur, hilang Menteri Besar (jawatan). Kalau tegur, hilang Menteri.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik Sekinchan, sila duduk dulu.

YB TUAN NG SUEE LIM: Oh, dah habis.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan jam 1 petang. Saya tangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: *Assalamualaikum* dan Selamat Petang, Dewan disambung semula, saya persilakan Sekinchan.

Y.B TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kerana dapat menyambung terus untuk membawa Penyata PAC yang kita teliti sejak Ahli Jawatankuasa berkaitan dengan kelemahan yang ada khususnya dalam pengagihan tender oleh JPS saya minta pihak EXCO Infra dan pihak Kerajaan Negeri ambil maklum tentang perkara sedemikian, kita hendak pastikan segala urusan dapat dilaksanakan dengan baik, bertanggungjawab, amanah, supaya wang yang dibelanjakan betul-betul *value for money* mendapat menepati matlamat dan sasaran. Inilah antara perkara yang kita inginkan pihak jawatankuasa Kira Wang Awam Negeri Selangor perjuangkan sejak selama ini selain teguran daripada Ketua Audit Negara antaranya PAC Selangor memainkan peranan yang proaktif dalam membantu Kerajaan mencadangkan juga semak dan imbang untuk kebaikan dan masa depan Kerajaan Negeri Selangor. Dan saya juga mengambil peluang keemasan ini untuk merakamkan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang selama ini bertungkus-lumus membantu menjayakan mesyuarat-mesyuarat antaranya Ahli Jawatankuasa PAC adalah Yang Berhormat Meru yang selalu membantu dan juga Yang Berhormat Balakong dan Yang Berhormat Batu Tiga yang juga Ahli PAC yang cukup aktif, Yang Berhormat Kajang Ketua Pembangkang kita walaupun dia sibuk selalu tetapi sering kali hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa untuk membantu memberi pencerahan dan idea-idea dan seterusnya Yang Berhormat Jeram dan juga Yang Berhormat Sungai Burong. Walau bagaimanapun saya ingin nyatakan dalam rekod dewan yang mulia ini dalam penyata dan rekod, walaupun PAC ini ada 7 ahli dalam PAC termasuk saya tetapi amat malang sejak 2 tahun yang lepas iaitu rekod untuk tahun 2016, PAC Selangor kita adakan mesyuarat 11 kali mesyuarat, Yang Berhormat daripada pembangkang yang kehadirannya amat lesu khususnya Yang Berhormat Sungai Burong hanya hadir sekali dan Jeram dalam 11 kali kehadiran 0 kali ya, 2016 satu kali pun tidak hadir dan 2017 sekarang baru bulan 7, kita dah adakan mesyuarat 6 kali keputusannya dari pihak Kerajaan kita hadir, semua hadir Yang Berhormat Balakong, Meru, Kajang, Batu Tiga hadir untuk kita cukupkan *kuorum* untuk kita bermesyuarat dan sebagainya tetapi malang tidak berbau Sungai Burong dan juga Jeram dari pembangkang sampai hari ini belum muncul lagi, 0 kali, 6-0, 6-0. Inilah sikap bukan saya nak tegur perkara ini saya hendak rekodkan dalam *hansard* walau bagaimanapun PAC walaupun pihak pembangkang tidak memainkan peranan yang

proaktif namun kita terus memainkan peranan yang proaktif, ini perbezaan PAC Negeri Selangor dan PAC di peringkat Parlimen. PAC di Parlimen didesak, ditekan tapi masih lesu. PAC di Negeri Selangor yang lesu bukan pihak Kerajaan, yang lesu pihak pembangkang. Setengah tahun 6 kali *meeting* mesyuarat 0 kali kehadiran. Kehadiran dia 0 zero. Ini satu perkara yang saya nampak kena beritahu rakyat supaya rakyat faham kenapa kita pilih pembangkang yang sedemikian yang tidak menjalankan tanggungjawab. Dewan yang lantik kita Ahli Dewan sebagai Ahli Jawatankuasa Anggota bukan kita lantik sendiri maknanya kita tidak bertanggungjawab kepada Dewan ini bercanggah dengan sebab itu kita angkat sumpah inilah perkara yang saya hendak nyatakan di dalam Dewan yang mulia supaya direkodkan. Walau bagaimanapun saya ucapkanlah terima kasih kepada semua ahli-ahli dan juga terima kasih kepada Dewan Yang Mulia ini kerana kita sempat membenteng penyata ini walau bagaimanapun saya harap apa yang kita cadangkan dapat diteliti dan dapat diberi perhatian yang penuh oleh Kerajaan Negeri untuk kita memperbaiki segala kebaikan dan kelemahan yang ada. Jadi saya mohon Tuan Timbalan Speaker untuk mencadangkan penyata Usul ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sekinchan, saya mohon Penyokong. Meru nak apa?

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN: Nak menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Meru menyokong.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN: *Alhamdulillah* kita telah mendengar begitu panjang lebar apa yang disebut oleh Y.B. Sekinchan dan saya juga sebahagian daripada Ahli PAC dan sebenarnya PAC ini sebahagian daripada Ahli Jawatankuasa pilihan yang *before this* tidak pernah adapun *before 2008* sebelum 2008 tidak adapun jawatankuasa pilihan diadakan. Selepas 2008 barulah kita adakan dan saya nak beritahu bahawa tidak betul kalau kita mengatakan bahawa kita sebagai Pakatan Rakyat bila kita menang dalam pilihan raya ini kita buat semua *complete*. Tidak ada. Ada yang kita buat tidak *complete* memang ada kesilapan-kesilapan itu memang ada, ini ada disebut oleh Imam Shafi'ee sendiri. Bukan Y.B. Shafiee, Imam Shafi'ee sendiri menyebut (Ayat Al-Quran). "*Apa yang kita tidak boleh tidak mampu menyelesaikan semuanya kita tidak akan meninggalkan keseluruhannya*".

Sebab itu tadi walaupun ada sedikit kepincangan-kepincangan yang disebut oleh Y.B. Batu Tiga dan juga Y.B. Dengkil pun ada sebut, saya terima itu memang kita sebagai manusia. (Ayat Al-Quran). "*Yang dikatakan manusia itu ia tidak terlepas daripada membuat sedikit-sedikit kesilapan dan juga lupa*".

Sebab itu kita perlu kita dalam Sidang Dewan ini dulu *before* 2008 semua enggeh sahaja tapi sekarang tadi pun kita panggil SUHAKAM bagi tahu apa yang kita boleh buat semua dan terus terang saya bagi tahu dalam kes tentang JPS ini bukan sahaja tempat-tempat yang telah disebutkan dalam penyata ini, di Meru pun berlaku juga. Kita tahu pemberian tender-tender kepada yang bukan layak semua kadang-kadang yang pelik itu dipanggil pergi dipanggil untuk *interview*, yang tidak pergi *interview* dapat. Apa benda ini? Kena tengok balik, sebab itu saya selalu sebut kalau orang Islam berpegang kuat kepada ajaran-ajaran Al-Quran, *Insyah-Allah*. Orang Kristian sendiri berpegang kepada kitab-kitab Injil itu dan juga kepada semualah, orang India berpegang pada kitab Veda, jadi ini yang kita tekankan. Jadi saya memang rasa *upset* dan benda ini memang apa orang kata kena tengok-tengokkan kembali. Kena tengok balik sebab banyak kali dibagi yang tidak betul. Kemudian apa yang saya hendak beritahu saya peringatkan kembali (Ayat Al-Quran). *Jika kamu menyerahkan satu-satu urusan itu bukan kepada orang yang benar-benar amanah dan juga bertanggungjawab maka tunggulah saat kehancurannya*".

Jadi teguran-teguran yang perlu saya ambil kira oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk perbetulkan balik *Insyah-Allah*. Sedangkan SPRM pun kita tengok *report* dan surat khabar SPRM itu sendiri pun ada juga yang buat benda yang tidak amanah dan sebagainya. Jadi saya rasa setakat itu saya menyokong apa yang telah penyata yang telah dibawa oleh Y.B. Sekinchan tadi. *Wallahualam*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Meru. Usul telah disokong saya buka untuk perbahasan jika ada. Tidak ada.

Ahli Yang Berhormat Sekalian, Adapun Masalah Di Hadapan Dewan Ini ialah Satu Usul Yang Berbunyi Bahawasanya Peraturan 675, Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia Ini Menerima Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Pemberian Tender Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Bagi Projek Pintu Air Di Sungai Keramat Pada Tahun 2016 Yang Telah Dibentangkan Di Dewan Yang Mulia Ini Sebagai Kertas Bilangan Mesyuarat 12 Tahun 2017.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, yang tidak bersetuju sila katakan TIDAK. Usul dipersetujui. Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul Nombor 6 Tahun 2017, Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Speaker dan rakan-rakan Dewan. Speaker untuk ini saya minta kebenaran sikit sebab saya akan berbahasa dalam Bahasa Malaysia dan juga sedikit dalam Bahasa Inggeris, ada fakta-fakta yang saya kena sebut dan ini dari majalah dan juga dari luar negara. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk meneliti kesan terhadap pelaburan, ekonomi, percukaian dan *impact* terhadap rakyat Negeri Selangor secara keseluruhannya rentetan kes kecurian wang dan korupsi 1MDB seperti yang difailkan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat ataupun DOJ serta *impact* amalan kleptokrasi yang berakar di peringkat Kerajaan Persekutuan. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Malaysia telah menjadi perhatian dunia dari sudut negatif dengan maaf *for them for no good reason what so ever*. Negara-negara seperti Amerika Syarikat, Switzerland, Hong Kong, Singapura dan beberapa negara lain telah mengambil tindakan *criminal* ataupun *civil* terhadap bank-bank yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung dalam skandal pengubahan wang haram terbesar di dunia setakat ini. Selangor sebagai negeri menyumbang terbesar kepada *gross domestic product* ataupun GDI sebanyak 22.4% ini berdasarkan laporan statistik Jabatan Perangkaan bagi tahun 2010-2014 kepada pendapatan Kerajaan Persekutuan maka adalah sangat wajar untuk Kerajaan Selangor membangkitkan isu di atas. Keengganan Peguam Negara membuka semula kes 1MDB dan sikap lepas tangan Ketua Polis Negara terhadap pendedahan terkini pihak BOJ maka rakyat Selangor patut diberi penerangan yang terperinci dan jelas terhadap skandal penyelewengan kewangan terbesar dunia di Dewan Yang Mulia ini. Kesan daripada skandal ini nilai mata wang kita telah jatuh merudum dan menyebabkan harga komoditi dan barangan domestik harian kita melonjak naik. Kenaikan harga barang sudah tentu sangat membebankan semua rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah. Kestabilan ekonomi negara yang tidak menentu ini telah menyebabkan banyak syarikat multi nasional serta pelabur-pelabur asing menutup operasi mereka di negara ini dan berpindah ke negara-negara jiran. Sehingga tahun 2016 kira-kira 50,000 rakyat Malaysia telah diberhentikan kerja dan hilang sumber pendapatan. Saya diberitahu pada bulan ini sahaja 10,000 telah diberhentikan kerja dan di industri bank-bank di dalam negara kita 4,000 pekerja bank telah kehilangan kerja dan sebelum akhir tahun ini lagi 4,000 akan kehilangan kerja mereka juga. Malahan kita begitu kecewa dengan kenyataan-kenyataan oleh ketua-ketua parti-parti yang cuba untuk beri sambutan kepada Najib dan juga kerajaan Negeri Selangor.

Pemimpin UMNO juga tiba-tiba menjadi begitu patriotik mempertahankan Perdana Menteri Najib kononnya Amerika Syarikat ini ingin menjajah Malaysia dalam usaha-

usaha terdesak mereka melindungi Najib dan isterinya Rosmah apabila terjadi pendedahan DOJ itu. Amerika Syarikat dengan jelas telah menyatakan bahawa tindakan *Civil* mereka melalui *Department Of Justice* menyita dan merampas pelbagai aset iaitu kapal persiaran mewah dan barang kemas bernilai berbilion dan berjuta-juta ringgit itu adalah disebabkan penyelewengan kewangan dan penggubalan wang haram ini berlaku dan melibatkan sistem kewangan negara mereka. Tindakan tersebut sebenarnya adalah untuk melindungi sistem kewangan dan perbankan Negara mereka. Dalam hal ini tidak berbangkit langsung isu campur tangan dalam hal ehwal domestik di Malaysia. Bila Amerika Syarikat kata kapal mewah ini, saya nak bagi fakta kapal mewah ini. Harga dia dan macam mana dia digunakan. Nama kapal mewah ini ialah satu *yard* yang bernama *Equanimity*. Saiz dia ialah 300 kaki panjang. Tinggi dia ialah sampai lima tingkat. Harga kapal ini ialah USD250,000. Malaysia ringgit itu ialah 1 billion. Kalau kita kiralah satu billion ini sesiapa yang beli kapal itu, kalau kita kira gaji Perdana Menteri kita ialah RM20,000.00 satu bulan ya, dia akan ambil sampai 356 tahun untuk dapat 1 billion. *Maintenance* dia untuk satu tahun sahaja seratus juta ringgit. Kalau kita boleh belanja RM100 juta untuk *maintenance* kapal ni kalau kita boleh bagi di Selangor sekolah-sekolah kita semualah jadi *21st Century Learning Standard*, saya ingat kita boleh *supply* dalam satu tahun saja la ni. Ini yang dibelanjakan oleh pencuri-pencuri besar di dalam Negara kita. Dan baru-baru ini di Amerika Syarikat, ini dari *Reuters* ini bukan dari Utusan Melayu, Utusan Malaysia. Ini dari *Reuters* ya bahasa saya kena baca dalam Bahasa Inggeris ni. *Share companies have been called the gateway of corruption. In US individuals can easily set up anonymous company and used them to hide stolen funds.* Inilah yang berlaku oleh mereka-mereka yang bawak duit ini kepada Amerika Syarikat di mana mereka telah tubuhkan syarikat-syarikat yang katakan *shares companies*.

Dan melalui *share companies* inilah di Amerika syarikat di mana mereka telah beli sebuah hotel berharga 654 billion ringgit di depan Central Park dan juga rumah-rumah mewah *mention* ini Hollywood Hills untuk USA 39 juta ringgit dan keseluruhan dari DOJ 1.7 billion ringgit termasuk cincin, ya cincin. *Necklace* yang dipanggil yang dipanggil sebagai *pink diamond*. *Speaker* saya selama ni tak tau pink diamond ni. Sekarang saya tau apa *pink diamond* tu. *And* harga *pink diamond* ni, dia ialah 22 karat. 22 karat. Saya nampak dari pembangkang dua-dua wanita pun hilang. *Pink diamond* ni 22 karat *necklace* yang telah diberi kepada isteri *one host MO1*. Dan MO1 telahpun diterima dan dikatakan ialah Perdana Menteri kita Najib Tun Razak. so kalau isteri kepada Najib Tun Razak saya tau Rosmah saja. Satu saja kan. So *pink diamond* ni telah dibagi kepada beliau 22 karat, harganya.....Sekinchan tau harganya? 27.3 million ringgit USD...USD la.....dollar. Kalau banding dengan ringgit, kalau kita tukar kepada ringgit tu dia jadi 115.47 million ringgit. Peduli Sihat untuk satu tahun la, kita boleh bagi. Cincin tu tak mahal lah. So ini fakta, ya. Ini tidak boleh dinafikan. Dan sampai

sekarang kita belum tengoklah *pink diamond* tu. Sebab ada satu model terkenal di Australia yang telah pun dihadiahkan *diamond earrings* kalau tak silap saya dan telah pun dia dan dia pun dapat dan bagi balik. Tapi orang Malaysia tak boleh bagi balik. Kita tunggu juga tapi tak tau. Tak nak bagi balik saya ingat. Isu *pink diamond* ni yang saya baca. Dan kalau kita bandingkan dengan cara mereka buat siasatan ni kita tunggu-tunggu sajalah bila-bila masa saja mereka akan dapat balik yang dicuri dari rakyat Negara kita ini.

Kita juga ingin menyatakan rasa kesal dengan beberapa pemimpin parti-parti di dalam Negara kita yang telah menolak perhimpunan-perhimpunan yang kita akan ada untuk kita bantah dan kita protes tentang isu ini. Dakwaan pemimpin-pemimpin UMNO yang mengatakan DOJ tidak menghubungi Peguam Negara untuk mendapat maklumat siasatan adalah tidak benar kerana sebenarnya mereka lupa untuk memberitahu rakyat Malaysia terhadap dua perkara. Pihak Guam Negara Switzerland telah dua kali memohon kerjasama melalui *Mutual Legal Assistance* ataupun MLA iaitu perjanjian dua hala untuk bekerjasama siasatan antara Negara di mana Malaysia juga menandatangani *treaty* tersebut tetapi tidak dilayan oleh pihak Malaysia. Adakah sekiranya DOJ memohon melalui MLA pihak Peguam Negara kita akan beri kerjasama? Saya rasa jawapan saya adalah diberikan seperti jawapan mereka kepada Peguam Negara Malaysia juga.

Mereka lupa pada 22 hb, bulan tujuh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga mengesahkan telah menjalani, menjalankan.....menjalinkan kerjasama dengan Biro Siasatan Persekutuan FBI berkaitan Laporan Jabatan Kehakiman DOJ Amerika Syarikat berkaitan isu 1 Malaysia Development Berhad atau 1MDB. Saman Sivil Ketiga dan pendedahan semasa DOJ baru-baru ini membawa perhatian seluruh dunia kepada *Prime Minister Najib* dan isterinya Rosmah. Tadi saya katakan dengan loket, loket ataupun *pink diamond* tu, bukan roket, jangan takut. Saya ingatkan kes yang lalu ya, yang lepas bila Presiden Marcos ataupun isteri kepada Presiden Marcos ya iaitu Imelda Marcos pun seperti itu pun banyak kasut, banyak beg tangan dan sebagainya sekarang kita pun ada seorang di dalam negara kita macam itu juga. Speaker, saya nak katakana dalam isu fakta-fakta ini kalau kita baca The Edge, dia fakta-fakta ini yang telah didedahkan di dalam surat khabar ini memang jelas. Baru-baru ini di Singapura beberapa orang dihukumkan dan dua bank ditutup sebab 1MDB. Apa dikatakan oleh Timbalan Public Procecuter Mr Natalian Kang di Singaporian bila kes ini berlaku. Dengan izin speaker, *Jho Low as mentioned is the central figure in the events that are being investigated and is the person who I would retreat continues to be a person interest in the investigation*". Tetapi malang sekali di dalam negara kita sendiri kita tak ambil apa-apa inisiatif untuk bawa balik orang Jho Low ini untuk jawab soalan-soalan yang telah ditanyakan selama ini. *He sailing all over the world in his yacht. And*

kita tak buat apa-apa pun. Tetapi *dalam statement of facts* di dalam surat khabar ini yang katakan *offences connected with sky*. Ini satu syarikat. Projek *number detail* ada banyak ni. Dan skim *to obtain secret profit from project of retail* dan juga *the laundering of secret profits from project*. Project Mexican pun ada. *Conclusion* dia kalau saya boleh baca speaker, conclusion apa dikatakan oleh beliau ialah *from the foregoing while working on transaction connected with all these companies that will carried out on the direction of JhoLow mastermind. The accuse separately had dishonestly obtain secret profits and lauded these profits. This is money laundering. The accuse has undertaken to make full disengagement officially gains for all charges. Against him.*

So, di mahkamah Singapura telah pun didedahkan bahawa dana ataupun *the amount* yang kita cakap ni ialah *laundred* ataupun duit yang telah dicuri dari rakyat Malaysia khususnya dari rakyat Selangor dan juga telah digunakan untuk diri sendiri di dalam isu ini tuan Speaker. Sebab itu saya minta Dewan ni dan Dewan Yang Mulia ini saya mencadangkan bahawasanya Dewan Yang Mulia ini memohon kepada Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada peguam-peguam berpengalaman demi mewakili rakyat Selangor untuk:

- 1) Mengikuti perkembangan kes-kes 1MDB yang disiasat oleh negara-negara asing terutama sekali oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat, DOJ
- 2) Menghantar delegasi mengikuti kes mahkamah-mahkamah di luar negara melalui *watching brief*
- 3) Seterusnya jawatan tersebut mewakili rakyat Selangor, ini penting ini, menuntut balik harta negara 1MDB daripada Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat dan negara lain setelah kes selesai.

Ini penting sebab sampai sekarang Putrajaya ataupun Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Najib Tun Razak gagal untuk membuat sesuatu untuk kembali balik 1.7 million USD yang telah bilion dollar, USD la yang telah dikatakan dicuri dari negara.

So, saya minta untuk Kerajaan Negeri Selangor untuk kita menuntut balik harta ini yang katakan kalau katakan 2.5% daripada RM1.7 bilion USD? Berapa? Oh kita tahun depan bajet kita sudah naik dah. Dengan ini saya menyuruh rakyat Malaysia khususnya dan rakyat Selangor khususnya agar menolak Najib dan kerajaan penyangak UMNO Barisan Nasional dalam PRU14 akan datang bagi membanteras tindakan terhadap penyelewengan berbilion-bilion ringgit yang titik peluh rakyat Malaysia. Dan baru-baru ini kita dengar ya, bahawa Perdana Menteri kita bagi hadiah kepada kerja-kerja FELDA. Titik peluh kerja-kerja FELDA ini sekarang kita nak beli. Sebab FGV gagal, hilang lebih dari RM3 bilion ringgit. Rugi 55 kerusi parlimen di dalam FELDA. Satu-satunya Hulu

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Selangor di Selangor. Dan sebab itu saya tengok Perdana Menteri kita bagi hadiah RM20 ribu satu pekerja FELDA. Kalau kita bawa balik bilion-bilion 1MDB bukan saja FELDA dapat RM20 ribu, semua orang boleh dapat RM20 ribu. Fasal apa FELDA sahaja dibagi. Ini tak betul! Kalau kita bandingkan dengan apa yang jadi dengan 1MDB kehilangan duit rakyat sekarang kita nak beli hati sebuah kumpulan dengan duit yang digunakan itu, kita tak tahu duit tu datang dari mana tetapi akan bayar dekat RM600 juta kepada peneroka FELDA di dalam negara kita. Speaker, saya akhiri dengan yang saya katakan sebab saya di dalam dewan ini serius untuk kita tubuhkan satu jawatankuasa khas untuk kita meneliti dan juga untuk kita siasat tentang isu 1MDB di dalam negeri Selangor ini. Sekian, terima kasih Speaker.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Sri Andalas. Mohon penyokong.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik menyokong. Nak bahas terus ke?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Bahas terus.

TUAN SPEAKER: Haa, silakan.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Timbalan Speaker, saya melihatkan komplot ataupun yang terjadi di negara kita ini satu komplot yang sengaja yang berlaku di peringkat paling tinggi di Negara ini. Yang diketahui oleh Perdana Menteri. Satu komplot menipu rakyat dan juga menipu kerajaan. Perkara ini telah tidak didiangkan di peringkat kementerian mahupun kabinet. Ini telah diakui sendiri oleh Bekas Timbalan Menteri Kewangan Tetap Kedua setelah Yang Berhormat Bekas Perdana Menteri meletak jawatan, dia mengakui bahawa 1MDB ini telah tidak dibincangkan di peringkat kementerian. Perkara ini juga tidak dibincang di peringkat kabinet. Ini diakui oleh Bekas Timbalan Perdana Menteri yang mana bila isu MDB dibangkitkan kali pertama oleh Dato' Sri Anwar Ibrahim ketika itu ketua pembangkang Malaysia di parlimen 2012. Dan bila isu ini hangat dinaikkan Timbalan Perdana Menteri bertanya kepada Perdana Menteri, kenapa tidak dibawa dalam kabinet? Seorang Timbalan Menteri yang juga naib presiden UMNO juga bangkitkan isu ini. Bagaimana saya nak jawab soalan orang Sabah sebab perkara ini telah tidak dibincangkan di peringkat kabinet. Bagaimana satu keputusan kerajaan yang begini besar yang mana kerajaan Malaysia menjadi penjamin pada *loan* 1MDB telah tidak dibincangkan di peringkat kementerian mahupun di peringkat kabinet. Sebab itu lah saya lihat bahawa ini ialah satu komplot menipu rakyat dan kerajaan yang diketahui oleh Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Dan apabila isu ini timbul seluruh media dalam dunia bangkitkan baik BBC, CMBC, ABC,

Australian Media Broadcast, Asian broadcasting Network bahkan TV Indonesia, Thailand, Singapore, Al-Jazeera saya tengok semua tu menayang isu ini yang meletakkan Malaysia ke taraf yang paling rendah sekali. Jadi, bagaimana media-media dunia yang punya wibawa bukan media TV3. Media antarabangsa yang punya wibawa *highlight* isu ini yang meletakkan Malaysia di taraf yang paling rendah sekali pada hari ini. Kita bina negara ini sebaik-baiknya tetapi hari ini negara ini di peringkat yang paling rendah. Kawan-kawan yang datang dari luar tanya “*brother, what happen to your country? you have a good country, what happen to Prime Minister?*” Bagaimana orang luar prihatin dengan kita. Kesan daripada skandal ini sangat besar pada ekonomi negara. Sudah pastilah kesan ini besar kepada ekonomi negeri Selangor ia telah meningkatkan jumlah hutang negara. Menjadikan negara tidak kompetitif. Hutang negara meningkat sedangkan pendapatan masih rendah. Saya nak mengalu-alukan Sungai Burong untuk dengar kes ini. Pada hari ini kesan yang ketara ringgit menjadi tidak kompetitif. Ringgit menjadi tidak kompetitif dan kenaikan, kejatuhan ringgit kesannya ialah kepada *financial* kos pada semua orang. Pihak peniaga, pihak korporat, khususnya rakyat. Perbezaan ringgit dengan *dollar*. Saya baru-baru ini pergi Jordan. Dulu ketika Selangor hantar pelajar-pelajar ke Jordan, ringgit berbanding dinar ialah 4.5, pada hari ini ringgit berbanding dinar ialah 6. Memberi kesan kepada mereka yang menghantar anak secara persendirian. Bahkan pelajar-pelajar kita terkesan, kerana kejatuhan ringgit. Kesan daripada ringgit yang tidak kompetitif.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh minta penjelasan?

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik nak bagi? Sila Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, ok terima kasih. Saya ingin bertanya tentang apa ni masalah *accelerate* ataupun dengan izin tentang wang ringgit ni, masalah pertukaran wang yang telah, kita sebenarnya sedarkah Kita Yang Berhormat Kota Anggerik sedar bahawa masalah apa ni, *accelerate* ini tertakluk pada masalah kadar tukaran wang di seluruh dunia yang berlaku bukan sahaja di Malaysia, seluruh dunia juga mengalami dan yang keduanya perkara ini...

TUAN SPEAKER: Satu soalan sahaja Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya?

TUAN SPEAKER: Satu soalan sahaja, Yang Berhormat boleh berbahas nanti selepas ini.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Satu soalan sahaja? Ok. saya nak menjelaskan bahawa turun naik wang ini memang selalu berlaku di Negara kita ini dan kita adakah apa ini kita sedar bahawa walaupun berlaku penurunan apa orang kata kadar wang Negara, ekonomi Negara pada hari ini bertambah baik. Ya, sebagaimana penunjuk-penunjuk ekonomi yang ditunjukkan oleh pelabur. Kadar pelaburan juga bertambah juga bertambah di Negara ini. Jadi kesannya kalau nak tunjuklah saya ingin bertanya tunjukkan secara *statistical*, ya. Apakah kesan yang menimpa ke atas kedudukan misalnya, pelaburan di negeri Selangor, *employment* di negeri Selangor. Jadi ini bolehlah menyokong hujah-hujah itu nanti.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya semalam meneliti *journal-journal* fasal ekonomi dan juga *accelerate* dan saya bersedia bagi kuliah panjang kepada seluruh pimpinan UMNO. Ini Dr. Yaakob boleh bagi *lecture*. Boleh *attend* kuliah saya kalau nak. 3 jam kuliah saya bagi fasal ekonomi dan *accelerate*. Tetapi kita akui bahawa ketika ini ringgit menjadi tidak kompetitif. Keyakinan orang kepada ekonomi kita sangat rendah. Sebab hutang meningkat pendapatan tidak meningkat. Yang ini kena akui ringgit berbanding rupiah pun kita kalah. Ringgit berbanding bath kita kalah. Bahkan dengan Cambodia pun kita kalah. Dengan Filipina peso pun kita kalah. Menjadikan kita tidak kompetitif untuk maknanya...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Penjelasan saya, boleh sebutkan pelaburan misalnya. Kenapa hari ini kita tengok pelaburan daripada negeri China bertambah.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik nak bagi penjelasan ke?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak bagi tahu kalau Yang Berhormat nak datang kuliah saya buat program saya bagi kuliah.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Duduk dulu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bukan kuliah, kuliah kalau kuliah ni kalau tak ada memberikan orang kata maklumat yang tepat pun apa maknanya. Orang boleh bagi kuliah tapi kadang lebih daripada kadang orang kata macam kacang kulit dan sebagainya.

TUAN SPEAKER: Ok. Baik-baik. Sila teruskan Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak bagi tahu kesannya, kita akui bahawa ringgit lemah sebab hutang negara meningkat kerana keyakinan orang kepada

kita sangat rendah. Seluruh media memaparkan isu 1MDB. Dan kepada rakyat Selangor, kita sangat bergantung kepada ekonomi import. Barang-barang makanan dalam negara ini di Negeri Selangor adalah import ekonomi barang-barang import yang diimport dalam dolar ataupun *even* dalam rupiah, dalam bath pun akan meningkat harganya. Menteri Pelancongannya elok juga ringgit jatuh, ramai pelancong datang sini. Tetapi yang kita fikir rakyat kita dalam negeri ini yang terpaksa menanggung peningkatan kos yang saya sebut tadi berapa ramai mereka yang menghantar anak keluar negara terpaksa menambah kos pembiayaan anak-anak mereka bila dinar menjadi RM6. Betapa pelajar-pelajar Malaysia yang di luar negara. Tahniah pada kerajaan negeri, yang prihatin Menteri Besar sendiri pergi Timur Tengah bagi bantuan kepada pelajar-pelajar kita ni di luar negara. Dan inilah satu lagi ialah kesannya ialah pada hari ini defisit negara meningkat sangat tinggi kerajaan terpaksa mengikat ekonomi menarik balik subsidi. Apabila subsidi ditarik kesannya pada rakyat. Bila subsidi gula ditarik balik dia kata *alright*, rakyat jangan minum gula nanti kencing manis. Maklumlah semakin tua kencing manis..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh minta penjelasan boleh?

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik nak bagi? Sila Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jadi saya pun tertariklah dengan Kota Anggerik tadi pelekah tentang subsidi ni kan. Yang nampaknya seolah-olah menggambarkan bahawa kerajaan ini Kerajaan Barisan Nasional melaksanakan subsidi ini oleh kerana masalah defisit. Tapi tahukah sebenarnya masalah pengurangan penarikan subsidi ini adalah kerana dasar *rationalization* ekonomi Negara yang hari ini telah berjaya membolehkan subsidi ini disusun semula di struktur semula daripada ia menjadi umum terkena pada semua kumpulan semua orang menjadi sekarang ini subsidi hanya tertumpu kepada kumpulan sasaran dan ini menjadikan lebih baik dari segi pelaksanaan orang kata subsidi tersebut bukan maknanya sebagai contohnya.

TUAN SPEAKER: Cukup-cukup. Dah cukup *time*. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Dasar disolasi ini dibuat setelah kerajaan menanggung defisit yang begitu panjang. Ekonomi negara lantaran ketirisan rasuah, kerajaan telah berhutang selama 18 tahun, defisit 18 tahun. Menjadikan hutang negara mencapai lebih 800 bilion. Sedangkan pendapatan negara setahun sekitar 230 bilion. Dan 1MDB ini meningkatkan lagi hutang negara. Akibatnya tiada pilihan. Dia kata "oh kita nak rasionalisasikan subsidi" termasuklah menarik subsidi minyak. Kenaikan subsidi ini ialah meningkatkan harga petrol dan kos pengangkutan menjadi meningkat, kos sara hidup meningkat. Saya nampak gambar-gambar ikan kembung

24 JULAI 2017 (ISNIN)

pun harga dah RM18 pada hari ini. Itulah makanan paling murah dulu untuk orang miskin. Ikan sardin pun dah mahal. Jadi inilah kesan daripada....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh penjelasan ni. Penjelasan juga saya sebab beberapa *argument* itu perlu saya mendapat penjelasan lanjut.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong boleh berbahas kalau nak bahas lah.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Yang Berhormat ada masa untuk bahas.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ni saya nak bahas nanti saya akan bahas juga. Ni *point* yang *daring* tu. Yang nampak membuat andaian-andaian yang terlalu mudah. Haa yang itu yang tidak munasabah ya. Yang sebagai contoh, harga tadi kalau pergi periksa tentang harga barang tentang harga ikan kembung yang melambung tu sebenarnya kenaikan harga....

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Yang itu selepas ini Yang Berhormat boleh bahaslah. Saya tak perlu.... Lepas ini Yang Berhormat boleh bahas.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong boleh duduk dulu. Sungai Burong boleh bahas nanti...

YB. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Yang Berhormat ada masa untuk berbahas

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kalau nak bahaslah

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, saya nak bahas ni. Saya akan bahas juga.

YB. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya tak perlu jawab. Yang Berhormat boleh bahas.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: *Point-point*

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Yang nampak membuat andaian-andaian yang terlalu mudah, ha... itu, yang tidak munasabah

YB. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Lepas ini Yang Berhormat boleh bahas.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau pergi periksa harga barang tu

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong duduk dulu. Duduk dulu

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau periksa tentang harga barang tu

YB. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Sungai Burong

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong boleh bahas nanti

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sebenarnya kenaikan harga

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong duduk dulu.

YB. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Ada masa untuk bahas

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong duduk dulu

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ceramah, orang kata

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sambung Kota Anggerik

YB. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Sekarang *floor* saya. Sungai Burong boleh bahas. Sungai Burong boleh cerita kat orang Sungai Burong kenapa ikan mahal di kawasan Tanjung Karang. Ok. Kesannya bila mana hutang negara meningkat, kerajaan membuat polisi menarik balik atas alasan rasionalisasi subsidi. Kesan penarikan balik minyak telah menaikkan kos pengangkutan dan ini juga telah menaikkan kos sara hidup. Seorang kakitangan awam yang tinggal di Batu Caves untuk bekerja di SUK membelanjakan RM1,000.00 sebulan hanya untuk kos pengangkutan, untuk berulang-alik. Kos pengangkutan jadi meningkat kerana tarik balik subsidi dan pada hari ini harga minyak tak tahu. Tiap-tiap minggu harga minyak turun naik, tak konsisten, sukar bagi para peniaga untuk fokus kos.

Satu lagi ialah, walaupun dinafikan kita tahu bahawa RM2.6 bilion yang masuk ke akaun Perdana Menteri itu adalah duit IMDB. Jangan menafikan, tidak ada orang Arab mana pun yang nak masukkan duit RM6 bilion. Jadi hari ini, kesannya ialah, sesiapa pun yang menegur 1MDB, berapa ramai tokoh-tokoh Melayu yang mereka pertahankan dulu dibuang sebab tegur 1MDB. Antaranya ialah Timbalan Presiden parti dia sendiri, Naib Presiden Parti dia dan bekas mantan Perdana Menteri, yang 22 tahun dulu dicium

kaki dia (Dewan ketawa) sekarang bangkit lawan tak tahan dengan Malaysia *Officer Number One*.

Kesan seterusnya ialah pemotongan bajet dalam pentadbiran. Ini diakui semua, baik hospital, baik sekolah, mana-mana kementerian pada hari ini dipotong bajet. Yang baru-baru ini diumumkan kepada guru-guru pelatih Institut IBG Institut Bahagian Guru tidak akan diberi elaun bahkan kena ambil pinjaman PTPN. Ini kesan daripada hutang yang tinggi. Kerajaan menjanjikan untuk menyusun semula pendapatan negara dan tidak ada lagi pengambilan kakitangan awam. Pelajar-pelajar perubatan dan pergigian tidak lagi di *absorb* dalam kakitangan dan mereka hanya ditawarkan jawatan kontrak semata-mata. Sedangkan jawatan ini masih diperlukan di kementerian. Nisbah antara pesakit dengan doktor ... Meru angguk setuju. Setuju, setuju. Nisbah di antara doktor dengan rakyat tidak seimbang. Nisbah doktor dengan doktor gigi tidak seimbang tetapi kerajaan tidak memberi perjawatan, yang ada hanya kontrak. Itu mereka yang tamatkan dalam bidang ini balik tidak lagi diberi perjawatan.

Kemudian, Kementerian pekerjaan berterusan. Ramai kakitangan awam yang diberhentikan kerja bahkan kakitangan syarikat juga begitu. Yang paling sangat-sangat merasa kecewa ialah para tentera. Saya dulu sekolah tentera. Tiap-tiap hari lalu ke Kuala Lumpur, sebelah kiri ialah Kem Tentera. Kesan daripada 1MBD hari ini tanah tentera itu telah terlepas ke tangan orang asing. Bukan cina Malaysia, cina sana, China. Parti Komunis China. Dia marah dengan DAP kat sini, dia buat geng dengan Parti Komunis China. Saya cukup terasa, inilah kesan daripada komplot yang diterajui oleh Perdana Menteri sendiri yang tidak diketahui oleh Kabinetnya. Tetapi mereka yang telah penuh dedak kan, dah mulut disumbat dengan dedak dia setuju apa sahaja. Jadi inilah kesannya, sebab itulah kita rasa bahawa kerja-kerja buruk macam ini kena dihentikan. Kita buktikan di Negeri Selangor, hasil daripada ketelusan pentadbiran. SUK jimat-jimat. Saya berjumpa Dato' SUK kata, berapa boleh jimat Dato'. *Insyallah* 10 persen, RM1 bilion peruntukan pengurusan, jimat 10 persen, kita jimat RM100 juta. Kita bagi balik kakitangan awam bonus 2 bulan itu baru waktu raya, itu baru waktu raya. Tunggu masa bajet besok, kakitangan awam tunggu masa bajet, hasil begitu ketelusan. Sebab itu saya yakin seandainya kita diberi amanah menguruskan Putrajaya, kita boleh *save* sekurang-kurangnya 20 peratus bajet nasional. 20% menyamai 54 bilion, *Free Education* cuma 6 bilion. Saya alami, saya rasa Yang Berhormat Batu Tiga juga alami, kita dulu belajar percuma. Saya masuk universiti percuma. Ketika ekonomi susah, ada skim belajar percuma. Dalam ekonomi mewah anak-anak kita dibebankan dengan hutang belajar di universiti. Dan hari ini PTPTN potong peruntukan, dia nak buat *balance* untuk menyara hidup setahun tinggal RM100.00. Inilah kerana kerajaan tidak telus yang dikepalai oleh, bukan saya kata, menurut bekas Perdana Menteri yang telah

24 JULAI 2017 (ISNIN)

mentadbir 22 tahun. Dia kata masalah besar di negara kita hari ini ialah kerana negara ini dikepalai oleh kepala pencuri dan perompak.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, panjang lagi ke Yang Berhormat.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Bukan saya kata

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik panjang lagi ke.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Jadi, saya itulah

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Pendekkan dia

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya menyokong Usul yang dibawa oleh Seri Andalas, demi masa depan negara kita. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya ingat nak bagi masa lagi, tetapi dah duduk, terima kasihlah. Terima kasih Kota Anggerik. Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan juga ingin turut serta dalam membahaskan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Seri Andalas dan disokong oleh Yang Berhormat Kota Anggerik. Usul yang berkaitan dengan skandal 1MDB bagaimana kesannya terhadap pelaburan, ekonomi, percukaian dan impak terhadap rakyat negeri Selangor secara keseluruhannya menelan rentetan kes kecurian wang dan dikongsi satu Malaysia dalam bahawa seperti yang difailkan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat DOJ serta impak amaran krekrokrasi yang berakar di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Tuan Timbalan Speaker, seperti apa yang kita sedia maklum, isu cabaran yang paling getir yang rakyat Malaysia hadapi ketika ini adalah kerana saraan hidup disebabkan oleh kos saraan hidup yang tinggi, belanja harian bertambah. Kos saraan hidup yang tinggi, belanja harian bertambah, harga barangan tinggi, naik tanpa berhenti sebab apa, disebabkan pengurusan yang pincang, pengurusan yang pincang, rasuah, curi sana, curi sini yang berlaku. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Anggerik tadi, 1MDB ini adalah satu entiti, satu syarikat yang ditubuh di bawah Kementerian Kewangan MOF bukan ditubuhkan di tepi jalan, tidak, dijamin oleh kerajaan di bawah Kementerian Kewangan dan sekarang dia sudah menjadi satu komplot menipu rakyat, *ngapusi* rakyat dengan izin, menipu rakyat Malaysia. Dan kesannya, oleh kerana cara tipu dia luar biasa, cara penipuan dia amat luar biasa telah menyebabkan seluruh rakyat Malaysia termasuk rakyat Selangor yang bayar cukai terkena tempias. Selangor

kita sedia maklum, penggerak ekonomi yang utama, kita sumbang KDNK lebih 22.5% hampir 25% kepada ekonomi negara, cukai yang dikutip begitu banyak, tetapi wang yang dihanguskan, yang dihanguskan dalam 1MDB telah menyebabkan bukan sahaja rakyat Malaysia, rakyat Selangor menderita. Kerana apa kita menderita, kerana subsidi yang seperti Sungai Burong katakan tadi, penyelarasan subsidi. Itu ayat politik. Ayat yang sebenarnya ialah subsidi dipotong, ha.. itu senang. Subsidi dipotong, bukan melalui TV3 ini bukannya tujuannya untuk penyelarasan subsidi, tidak. Yang hakikinya subsidinya dipotong. Saya bagi contoh, minyak masak sekarang yang ada subsidi minyak masak hanya satu paket, satu kilo yang harganya RM2.50, itu sahaja. Itu pun sering kali bukan sahaja di Sekinchan hatta sekali di Sabah, Kota Kinabalu dan sebagainya tak ada stok 2 minggu. Orang beratur nak beli apa, nak beli minyak. Kita malu, sebagai rakyat Malaysia kita malu. Malaysia pengeluar minyak sawit antara yang terbesar bukan terbesar tetapi antara yang terbesar di dunia. Tetapi rakyat terpaksa beratur, *tuku opo, tuku minyak mangan (bahasa jawa)* kepie lo, dengan izin. Macam mana ini berlaku dan yang lain 2 kilo, 3 kilo, 5 kilo, kalau dulu ye ada subsidi, dibantu supaya harga barang tidak naik, tetapi sekarang tidak ada subsidi, sudah dipotong. Saya bagi contoh, minyak cap Saji, Tuan Timbalan Speaker, minyak cap Saji, dulu kalau 5 kilo RM14.75 satu tong. Apabila atas ayat penyelarasan subsidi ayat yang cantik ini, harganya telah naik kepada RM21.30. RM6.00 lebih naik satu tong bagaimana rakyat di bawah rasakan begitu, goreng pisangnyanya, penjaja di bawah terpaksa beli minyak yang mahal. Walaupun mereka nak beli yang ada subsidi RM2.50, beratur panjang, tak ada minyak, terpaksa beli yang tak punyai subsidi, penyelarasan subsidi. Ini yang berlaku di bawah, rakyat tiap-tiap hari, rutin harian, tetapi bagi pembangkang, bagi UMNO, Barisan Nasional yang sudah 60 tahun bermewahan di Putrajaya, mereka tak tahu, denyut jantung, nadi mereka tak tahu. Mereka hanya menggunakan ayat-ayat yang cantik yang berbunga-bunga untuk menipu rakyat. Ini hakikatnya yang berlaku bagaimana ikan kembung RM18.00 bukan lagi termenung lagi, ikan termenung dan sebagainya. Jadi saya naik bagi tahu Timbalan Speaker dalam Dewan yang mulia ini, akarnya segala puncunya, berlaku oleh kerana sekendal 1 Malaysia dalam bahaya. Pelek, yang kita nampak pelek, membenarkan satu dunia sudah tahu timbul pencurian dalam sekendal 1MDB, negara-negara seperti Amerika, Switzerland, England lain-lain negara Singapura, ha.. Singapura jiran kita, dah siasat tentang pembubaran wang haram wang 1MDB tetapi di Malaysia *enggeh* sahaja dengan izin tak ada tindakan langsung. Singapura dah tutup dua bank dah seperti yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Seri Andalas, dua bank sudah ditutup, ada pegawai bank sudah dihumban dalam penjaralah sudah dihumban dalam penjara dan mereka nak keluarkan kenyataan apa yang berlaku di Malaysia tidak berganjak dengan perkara tersebut. Kenapa Malaysia ni sekarang, di mana *rule of law* di mana undang-undang. Undang-undang ini adalah untuk menegakkan keadilan, menentang kemungkarannya, Amal Makruf Nahi Munkar dengan izin Tuan Timbalan

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Speaker. Tetapi sekarang macam mana dan sampai hari ini pihak pembangkang dan pengampu-pengampunya masih pertahankan Putrajaya, masih pertahankan Perdana Menteri *kleptorasi* MO1 tak malu ke sebagai rakyat. Saya sebagai pemimpin, saya malu jumpa rakyat yang saya pertahankan pencuri, penyangak, perompak di Putrajaya, saya malu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker, mohon penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil minta penjelasan. Dengkil silakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok, teruskan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sekinchan, terima kasih atas perbahasan itu. Saya nak tanya Sekinchan, menyebut pasal 1MBD yang dikaitkan dengan DOJ ini. DOJ banyak kali dah buat *press conference*, media, tahun lepas sekali, tahun ini sekali. Tapi mengapa DOJ ini sampai sekarang ini tak berani untuk membawa kes ini ke mahkamah? Kalau betul nak menamakan seseorang itu bersalah M01 itu namakanlah siapa tu M01. Tapi sehingga sekarang ini DOJ ini hanyalah diwar-warkan di sidang media sahaja tanpa ada keberanian untuk membawa perkara ini ke mahkamah. Silakan. Dan satu lagi Tuan Sekinchan,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Satu je Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: PAC.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil, satu cukup.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ok, kejap lagi saya tanya lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nampak tak? Kita nampak gaya Dengkil. Dia bagus. Jawatankuasa dia datang, tak macam Sungai Burong, tak macam Jeram. Tak datang. Dia bagus. Rasionalnya, dia ada rasionalnya tetapi dalam perkara 1MDB dia pun hilang rasional sebab dia terpaksa pertahankan pengampu, pencuri, penyangak. Dia kena pertahankan tu. Kalau tidak jawatan tak ada. Ini perkara penting ni. Nanti esok tak ada kawasan. Esok tak ada kawasan kalau tak pertahankan, hilang jawatan. Ini perkara yang penting. Jadi saya tak nak layanlah apa yang Dengkil katakan sebab

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Jawablah.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Eh, saya tak nak layan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya tanya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tapi oleh kerana...

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Apa pasal tak nak layan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cara Dengkil pertahankan itu

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Jadi itu semua hanya fitnah daripada you semata-mata.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Itu mencerminkan seorang yang makan dedak.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tak ada bahan bukti.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dedak. Kuat dedak, habis. Itulah ceritanya. Akan datang menyusul semua perkara akan terbongkar. Tak boleh tutup perkara yang benar ya. Kita curi duit tu, dia tak boleh ditutup, tak boleh di selindung, boleh nafilah di depan. Tapi saya tak percaya dah. Inilah Dengkil. Saya nak bagi tahu dalam konteks ini, Malaysia tak ada satu orang pun sampai hari ini didakwa 1MDB kenapa kepincangan berlaku sedemikian? Sebab kalau dia melibatkan individu tak apa. Dia melibatkan Perdana Menteri. Perdana Menteri bukan manusia yang maksum seperti apa yang dikatakan tadi. Manusia ada kelemahan. Ini Dengkil kata. Manusia tidak maksum. Saya pun tidak maksum.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ya, saya mohon pencerahan sedikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jadi Perdana Menteri kita maksum ke?. Kalau

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Dia tidak ma'sum

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dia salah, dia tidak boleh didakwa? Boleh didakwa. Kenapa tak ada boleh dakwa sampai hari ini?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil minta.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh saya minta penjelasan?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil minta YB Sekinchan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jangan marah-marah Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya bagi Sungai Burong dulu. Sungai Burong dulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jangan marah-marah Sekinchan. Ini isu DOJ ini ialah kes sivil belum ada lagi pendakwaan jenayah terhadap ini dan tidak adapun orang kata ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri kita didakwa atas kesalahan 1MDB ini. Ini sebenarnya ada komplot pada pandangan saya ini ada komplot ni di kalangan para pembangkang yang instrumenkan dengan perkara ini membagikan maklumat yang salah kepada DOJ untuk memberi gambaran bahawa 1MDB ini adalah orang kata penyelewengan oleh Perdana Menteri. Itu saya nak bagi tahu. Ya kalau tidak, saya Cuma nak bagi penjelasan mengapa DOJ hari ini bagi penjelasan mengapa DOJ tidak orang kata membuat tindakan jenayah ke atas Perdana Menteri kita.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sungai Burong ni dia masih kurang faham sebab jenayah ini berlaku di Amerika. Dia penggubalan wang haram. Wang haram itu digubal di situ untuk beli aset di situ. Macam-macam kondo dan sebagainya dibeli. Jadi sekarang mereka buat permohonan untuk sita dulu satu persatu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, boleh saya perjelaskan di sini?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Satu persatu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya boleh penjelasan kat sini?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sabar Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak minta penjelasan yang

24 JULAI 2017 (ISNIN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: DUN Sungai Burong, Sungai Burong duduk dulu. Bagi penjelasan dulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sabar dulu. Jadi, segala kesnya akan menyusul kemudian termasuk sita barangan dan sebagainya tu. Itu akan disita dalam proses. Jadi yang pentingnya, kenapa satu dunia dah tahu dan kenapa Malaysia tak ada siasat? Kenapa laporan PAC

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Minta penjelasan sikit. Saya nak minta penjelasan sikit. Tahukah, boleh ya?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong minta. Sila Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, tahukah Sekinchan bahawa dalam kes ini peguam negara sendiri telah meminta kalau ada bukti-bukti ini ya, kemukakan kepada kalau sebab katanya kes ini di Amerika. Untuk kes yang melibatkan di tanah air (di Malaysia) ini, peguam negara telah meminta DOJ untuk mengemukakan bukti-bukti ke sini supaya peguam negara Malaysia akan mengambil tindakan jika ada bukti-bukti yang sah, nyata ada kaitan dengan penglibatan Perdana Menteri.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat, terima kasih YB Sungai Burong yang orang lamalah dalam Dewan (kawan saya seperjuangan). Dalam Dewan lama dah. Tapi dalam perkara ini, dia pun tak boleh jadi rasional, sebab apa? Terpaksa ampu. Terpaksa ampu untuk putar belit tapi perkara yang saya nak nyatakan di sini dulu waktu bantahan Peguam Negara Tan Sri Ghani Patail nak adakan dakwaan, pagi itu juga (pagi itu juga), pagi, pagi itu dia tak boleh masuk pejabat. Polis dah kepung pejabat. Tak boleh masuk pejabat. Ini betul. Ini hakikat. Ini fakta. Bukan auta. Tak boleh. Beliau tidak sakit, tetapi telah disakitkan kerana beliau cuti sakit. Ini semua orang tahu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sakitnya sakit atas alasan sakit. Dengkil oleh kerana sakit boleh melompat-lompat dulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil minta penjelasan. Sila Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ok. Itu kita bercakap fasal Ketua Peguam Negara ek. Ok, kita bercakap fasal PAC lah. Sekinchan, sahabat Sekinchan,

24 JULAI 2017 (ISNIN)

YB Tan Seng Giow ada dalam tu (dia wakil pembangkang Kepong) ya. Dia pun mengatakan bahawa tiada kes 1MDB ni dalam Jawatankuasa PAC. Sekinchan pun ada pengalaman dan juga Jawatankuasa PAC pun nyatakan tidak ada wang 1MDB yang lesap. Jadi janganlah Sekinchan nak pergi DOJ. DOJ tu berani buat *press conference* je, tak berani untuk mendakwa siapa itu M01 dan sebagainya. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih atas ingatan daripada teman saya daripada Dengkil mengatakan PAC (soal PAC) ya. Dalam isu PAC di Parlimen, sudah terang lagi bersuluh. Satu jawatankuasa dibentuk PAC dan sebagainya Ketua Audit Negara, semua dibentuk dan disiasat kes 1MDB dan sebagainya. Dah siasat untuk dikatakan akan dibenteng ke Parlimen. Benteng ke Parlimen. Dia janji. Janji ni. Janji ditepati, bukan dicapati. Tapi akhirnya apabila segala tenaga, wang ringgit dihabiskan, siasat punya siasat, dah siap benteng, dia ngam dengan OSA. Ngam dengan OSA, tak boleh benteng. Pembangkang suruh bentenglah kalau tak ada salah tak apa. *Nothing to hide*. Bentenglah! Kenapa sampai hari ini tak boleh benteng seperti apa tadi dalam sesi sebelah pagi tadi, tengah hari (sebelum tengah hari) PAC (Penyata PAC) kita benteng.

Di negeri Selangor kita boleh benteng, tetapi di Parlimen ada sesuatu tak tahulah (saya tak boleh sangkaan jahat, nanti sangkaan jahat). Tak boleh dibenteng! Kenapa? Dan apabila Rafizi (YB Pandan) menyatakan ada kepinganan dalam PAC, ada buktinya, dicabar oleh daripada Barisan Nasional. Tunjukkan bukti! Tunjukkan buktinya! Akhirnya YB Rafizi ambil tanggungjawab dia bongkarkan di luar Parlimen, keluarkan satu helai salinan daripada Laporan PAC itu (laporan audit) itu dikeluarkan. Dan akhirnya mahkamah menjatuhkan hukuman 18 bulan terhadap Rafizi (YB Rafizi Ramli). Sebab apa? Dokumen yang dikeluarkan oleh YB Rafizi daripada Pandan itu adalah sah, adalah betul dalam laporan itu yang dingamkan oleh OSA ini, Tuan Speaker.

Jadi perkara ini tak perlulah pihak pembangkang daripada Barisan Nasional cuba untuk menafikan. Sudah terang lagi bersuluhlah. Perkara ini orang tahu. Satu dunia dah tahu dah. Soal sekarang, bagaimana kita nak selamatkan negara. Soal sekarang bagaimana tempias 1MDB ini tidak kena pada rakyat Selangor. Sekarang dah kena pada rakyat Selangor. Dulu, zaman Dr. Mahathir, bantahan Perdana Menteri 22 tahun ada benda yang saya tak setuju dengan dia. Tapi dalam tempoh 22 tahun yang dulu puak-puak ini cium tangan dan cium kaki, saya tak cium, saya *shake hand*. Saya tak cium. Tapi dia cium Permatangnya, Dengkilnya, Sungai Burongnya, cium tangan, cium kaki. Sekarang,

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sekinchan, Bukit Antarabangsa yang cium kaki.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sekarang mereka maki hamun Tun Dr. Mahathir. Zaman Tun Dr. Mahathir, walaupun kita banyak benda tak setuju dengan dia, tapi Tun Dr. Mahathir tidak kenakan GST terhadap rakyat. Tak potong subsidi (6% GST), Tun Dr. Mahathir selama 22 tahun tak ada GST. Negara berkembang dengan makmur. Rakyat boleh hidup dengan baik. Dan juga subsidi petrol

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Penjelasan sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Subsidi minyak tidak dipotong. Kenapa sekarang perlu GST?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Minta penjelasan sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, boleh, boleh, boleh.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalaulah katalah dulu mantan Perdana Menteri tu dikatakan tidak menggunakan GST, bolehlah. Tapi mengapa masa dia jadi Perdana Menteri dulu kata dia maha zalim, maha firaun dan sebagainya? Ha... macam-macam tuduhan buruk, tuduhan sangkaan jahat, semua termasuklah dari Bukit Antarabangsa. Hari ini diorang kata Permatang tadi dok cium pula tangan Tun Mahathir.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih YB Sungai Burong. Tadi saya dalam ucapan perbahasan saya, saya nyatakan ada benda kita tidak setuju, soal Anwar dizalimi dan sebagainya kita tak setuju. Tapi ada benda yang betul kita kena nyatakan dalam Dewan yang mulia ini. Saya sekarang bandingkan bagaimana legasi Dr. Mahathir (Tun Dr. Mahathir) dengan Najib Tun Razak. Baru 2009 dia jadi Perdana Menteri sehingga hari ini, rakyat menderita.

Hutang negara berbilion-bilion tinggi berkali ganda daripada Tun Dr. Mahathir. Apa yang kita nampak, 1MDB berapa staf? Berapa pekerja (peluang pekerjaan) yang diwujudkan oleh 1MDB? Yang saya kenal 1MDB Adu Kandar. Nasi Kandar lah yang saya kenal (dengan izin). Tapi laporan daripada Parlimen, jawapan daripada Parlimen 1MDB hanya ambil lebih kurang 16 orang staf sahaja. 16 orang peluang pekerjaan. Tapi Mahathir (Tun Dr. Mahathir) dia buat KLIA, buat PROTON (walaupun PROTON rugi tiap-tiap tahun) tapi ada 80,000 vendor dan sampingan kerja-kerja sampingan

24 JULAI 2017 (ISNIN)

pekerjaan-pekerjaan yang diwujudkan untuk rakyat Malaysia boleh bekerja untuk sara hidup anak-anak. Ini lain! Ini duit bawa pergi Amerika. Yang joli siapa? Jolo! Itu cina Jolo! Saya walaupun saya cina DAP, saya nak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak akan bersekongkol dengan cina yang sapu wang negara kita ini.

Kita mahu tangkap Jolo bawa balik ke Malaysia. Dia bukan bangsawan! Dia tak ada imuniti! Dia perlu di bawa ke Malaysia untuk disoal siasat. Bagaimana cina ini dipertahankan? Dan begitu juga dengan Rizal Aziz, begitu juga dengan Rosmah Mansor yang dikatakan ada apa karat-karat tu? berliannya. Ha roket. Bukan DAP tu. Yang dikatakan ada itu, itu pun kena siasat. Kalau Pilihan raya akan datang, kita menang di Putrajaya, kita tubuh Suruhanjaya Diraja, kita siasat satu-satu siapa yang dapat dedak pun kita siasat. Termasuk Sungai Burong yang curi duit penyangak, perompak, pencuri, kita akan bawa dia pergi duduk Sungai Burong. Ini perkara penting. Bukan saya nak tuduh. Tapi saya nak kata betul.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sangkaan jahat ni 36(6).

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tidak. Saya kata kalau. Kalau mereka ini, kalau mereka ini curi duit rakyat

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Perangai yang suka membuat tuduhan sangkaan jahat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dia kalau siapa yang makan dedak, tak makan dedak, dia tahulah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia tak ada bukti, main tuduh saja. Kata orang makan dedak, padahal Sekinchan yang banyak makan dedak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, ada dedak tak ada dedak tahulah. Sampai hari ini pun Sungai Burong masih pertahankan Putrajaya. Patut malulah. Benda ini curi. Dah tahu orang curi duit, masih pertahankan. Cina yang curi duit, tanya Jolo. Tolong Sungai Burong, esok keluarkan satu kenyataan di TV3 "bahawa saya Ahli Yang Berhormat Sungai Burong dengan ini menggesa Jolo dibawa balik ke Malaysia untuk disiasat." Macam itu lah! Tak berani pun!

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Dekat Amerika tu siasatlah!

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Siasat cina-cina ini.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kita tidak ada masalah siasat Jolo.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak ada!

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Salah urus tadbir dengan dia, di syarikat apa ni yang berkaitan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, nanti saya bagi masa untuk bahas. Dengkil pun boleh bahas. Sekinchan, teruskan poin.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tapi dia buat tuduhan 36(6) ni sangkaan jahat. Yang ini saya minta ditarik balik ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, saya tak ada sangkaan jahat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia tuduh Sungai Burong makan dedak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya tak ada. Kalau

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Buktikan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kalau yang makan dedak itu tempias.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Saya pun dengar!

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kalau tempias dedak itu terkena semua orang, saya tak tahu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dedak yang kena beritahu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Siapa yang makan cili, dia rasa pedas.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Inilah sifatnya pada saya Sekinchan yang suka bersangka jahat.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: - BAHASA JAWA –

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Suka buat fitnah kepada orang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: - BAHASA JAWA –

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Janganlah dia kata Sungai Burong ni kawan baik dia.

TUAN SPEAKER: Baiklah, Sekinchan ada tak kata Sungai Burong makan dedak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak! Tak! Saya tak kata Sungai Burong makan dedak. Saya tunjuk para pemakan dedak

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ada! Kita dengar.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Pemakan dedak. Tak ada.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: dia sebut Sungai Burong dua, tiga kali.

- **DEWAN BERTELINGKAH-**

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Mengaku dia makan dedak.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jangan nak berbohong Sekinchan.

TUAN SPEAKER: Baiklah Sekinchan, jangan spesifik kepada Ahli-ahli Dewan Negeri. Kita bahas atas dasar. Boleh? Setuju? Baiklah Sekinchan habiskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Speaker.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Sekinchan, saya nak mencelah sikit boleh?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak teruskan. Saya tak naklah sebab kita sekejap.

TUAN SPEAKER: Nanti Semenyih bahas.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sungai Semenyih kemudianlah.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Saya cuma nak

TUAN SPEAKER: Bukan Sungai Semenyih. Semenyih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Semenyih. Ya, ya, ya. Saya saja je.

TUAN SPEAKER: Semenyih bahas nanti. Sekinchan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, ya.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Sekinchan, saya Cuma nak minta satu, jangan guna perkataan 'dedak' lah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dedak ini

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Dedak itu makanan itik dengan ayam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Hey, saya nak bagi tahu kenapa dalam Dewan ini tak boleh pakai dedak? Sebab di Sekinchan, kita lepas padi ada dedak.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dedak padi.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Makanan siapa?

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Minta lalulan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Untuk tanam cendawan.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Ini makanan manusia.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Untuk tanam cendawan.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Speaker,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Untuk tanam cendawan. Tak ada *knowledge* ke?

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Haiyo!

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tanam cendawan

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Sekinchan, saya nak mencelah Sekinchan.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Sekinchan, punyalah muka merah-merah macam terbakar.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Speaker, minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bagi, bagi Kota Anggerik.

TUAN SPEKAER: Ya Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Sekinchan

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kota Anggerik dan bahas tadi dah

Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan untuk Sekinchan ada sorang Menteri mengaku bahawa dia dan kawan-kawan Menteri lain pun tapi apabila UMNO makan dedak, menteri mengaku. Apa pandangan Sekinchan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya setuju kalau ada menteri mengaku, saya setuju kalau ada menteri mengaku tapi Kota Anggerik kalau boleh.....menteri mana

(perbalahan antara ADN)

Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Menteri Pelancongan Dato' Seri Nazri. Menteri mengaku, memang ada yang makan dedak. Dedak ini saya bekas EXCO Pertanian, yang makan dedak ini ialah itik, ayam dan khinzir, kambing dan lembu tak makan dedak. Tetapi Menteri mengaku bawah mereka dan pimpinan UMNO mengaku makan dedak.

Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Kota Anggerik ni mimpi ke apa? Mimpi disiang hari ke apa.

Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya ada *statement* ini, saya simpan.

TUAN SPEKAER: Baiklah. Ini bukan kelas

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Speaker mohon perkataan dedak ini tidak boleh digunakan dalam dewan yang mulia ini.

(perbalahan antara ADN)

TUAN SPEAKER: Baiklah semua tolong tenang, duduk. Ini bukan kelas bahasa Melayu kita sedang bahas isu usul minta Kerajaan Negeri mengkaji impak 1MDB. Saya minta Sekinchan teruskan kepada perbahasan. Isi perbahasan yang relevan ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya cuma terima kasih Tuan Speaker

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya mohon mencelah Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Dengkil, Batang Kali. Benarkan atau tidak

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Benar ya. Ok dengan mengenai dengan usul yang kita bawa tadi itu. Banyak perkataan-perkataan dedak digunakan. Cuma saya nak minta tafsiran sahaja daripada Sekinchan apakah ini juga melibatkan orang-orang kampung yang menerima berbagai-bagai-bagai inisiatif daripada Kerajaan Pusat setakat ini. Semua seluruh Malaysia sekarang. Adakah ini merupakan pemakan-pemakan dedak sila?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Yang Berhormat Batang Kali, saya tidak respons pada pertanyaan tersebut, saya hanya nak

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Minta ditafsirkan

TUAN SPEAKER: Batang Kali saya dah kata ini bukan kelas bahasa Melayu, Sekinchan bukan autoriti untuk memberi definisi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dewan bahasa Sungai panjang

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Bukan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dia ahli jawatankuasa

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya merujuk kepada..

TUAN SPEAKER: Sekinchan teruskan perbahasan, saya bagi dua minit lagi pada Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Masa tak berapa cukup ya. Saya nak bagi tahu Tuan Speaker dalam dewan yang mulia ini, oleh sebab dia orang alergi dengan dedak. Di Sekinchan apabila padi ini dipotong ada jerami ada dedak dan sebagainya..

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Itu sebabnya Speaker

24 JULAI 2017 (ISNIN)

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Sekinchan

(Perbalahan antara ADN)

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kita tanam cendawan kita guna itu, cendawan....

TUAN SPEAKER: Baiklah semua, minta kita teruskan kepada isu yang lain. Saya perlukan masa yang lain untuk belajar definisi dedak. Teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Jadi oleh kerana impak komplot menipu rakyat IMDB ini cukup serius, cukup serius maka setuju dengan cadangan Yang Berhormat Sri Andalas bahawa di Negeri Selangor kita perlu kaji ya kaji ditubuhkan satu jawatankuasa khas. Jawatankuasa yang boleh kita sertai oleh pada peguam-peguam ke pada penasihat-penasihat yang hebat-hebat, tokoh-tokoh yang hebat yang mana digeruni ini di mana masyarakat mereka dapat memantau perjalanan semua kes-kes 1MDB yang melibatkan hak dan kepentingan rakyat Selangor kerana rakyat Selangor pembayar cukai dan sekarang GST ini rakyat Selangorlah yang pembayar yang banyak ya terkena tempias GST. Jadi apa yang saya katakan tadi perbandingan 22 tahun, Perdana Menteri dulu dan Perdana Menteri sekarang jauh beza, jauh beza. Jadi sekarang rakyat dalam keadaan tertekan kita mintalah Kerajaan Negeri Selangor kena buat sesuatu. Kena lakukan sesuatu kita tidak mahu kes penipuan ini ditutup dibiarkan begitu kalau tidak, tiada siapa-siapa yang nak tanggungjawab. Mereka lepas tangan saja, walaupun curi duit, walaupun jadi kreptokrasi penyangak dan sebagainya. Jadi perkara ini sangat penting untuk dewan ini rekodkan ya Kota Anggerik tentu setuju supaya kita nak kalau perkara IMDB ini aset-asetnya kita dapat balik daripada Amerika kita boleh pulangkan sebahagian kepada rakyat negeri Selangor. Sebab rakyat negeri Selangor juga punya hak untuk menuntut sebahagian hak daripada kehilangan duit seperti itu dan kepada pesalah-pesalah yang curi duit ini jangan kita bagi peluang termasuk Jo Lo, Liza Aziz dan konco-konconya. Yang ini saya nyata kan dalam dewan yang mulia ini. Oleh sebab itu saya tidak mahu panjang lagi, tapi yang pentingnya, saya menyokong penuhlah. Saya juga menyokong penuh apa yang bawa usul oleh Yang Berhormat Sri Andalas untuk kita kaji impak secara mendalam kesan IMDB komplot pencurian wang yang terbanyak dalam sejarah Malaysia ini. Sekian sahaja saya menyokong usul ini.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya bagi peluang kepada pihak pembangkang dulu sapa nak bahas. Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Terima Tuan Speaker kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskan mengenai usul ini. Tadi saya dengar banyak perbincangan hangat terutamanya macam-macam cemuhan terutamanya daripada Kota Anggerik, yang sentiasa berpegang dan berjalan dengan buku ilmu dan kehidupan manusia. Buku ini sangat mahal dan ertinya sangat mendalam kerana yang

24 JULAI 2017 (ISNIN)

menulisnya ialah seorang ulama besar Yusuf Qaradawi tetapi nampaknya, amalan beliau masih boleh saya ragui. Saya harap buku ilmu kehidupan ini dibaca dengan lebih baik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tak ada salah buku itu, bukan ilmu kehidupan, minta semak balik tajuk buku itu, salah buku itu.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ok Yusuf Qaradawi, begitu juga dengan Sekinchan

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Penulis tu betul tajuk dia salah.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ok amalan itu kena betul. Buku itu mahal. Kalau saya belajar buku tu.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Kalau nak rujuk, nak rujuk buku sebut nama tajuk buku dengan betul penulis betul. Tapi tajuk salah.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Amalan tu dia tu sebab dia berpegang pada situ dan saya tengok....

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tajuk buku salah, betul je

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Hentam tu. Jadi kena amalkan betul-betul ya.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Betulkan tajuk tu salah tu.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Begitu juga dengan Sekinchan. Sekinchan pun cemuh banyak tapi dia tak pandang belakang dia apa yang gerabak apa yang dia bawa kekotoran-kekotoran yang dia bawa apa yang berlaku dekat di Pulau Pinang dia tak sebut ya. Jangan-jangan main sebut main cakap aja. Walau bagaimanapun saya nak tekankan balik dengan usul ini. Saya melihat apa yang dikatakan mengenai kesan pentadbiran dan pelaburan saya suka melihat pada isu pelaburan dan ekonomi yang dituduh IMDB punya sebab, tetapi mereka gagal saya rasa untuk melihat beberapa fakta mengenai perkembangan ataupun pencapaian pelaburan negeri Selangor secara keseluruhan. Saya dapat lihat daripada statistik 2016, kalau saya tengok *number of investment* minta maaf, Selangor paling banyak 242 daripada negeri-negeri lain yang di belakangnya negeri Johor 165. Ini bermakna Selangor sedang membuat ataupun mendapat pelaburan atau minat daripada banyak syarikat. Malangnya apa yang saya teliti *capital investment total investment* yang dibawa daripada 242 itu berjumlah 7 bilion. Beres. Johor 165 membawa masuk 24 bilion, hatta kalau kita tengok Sarawak cuma membawa 13 *investment* sahaja sudah berjaya membawa 4 bilion apa jadi dengan 242 ini. Maknanya cara kecekapan

pemilihan dan promosi yang menggunakan duit rakyat ini berjuta-juta ringgit kita keluar negara, bawa semua *invester* datang ke sini masuk kita punya apa itu EXPO kita. Melabur dengan begitu banyak bawa 242 maknanya kecekapan memilih syarikat-syarikat premium yang bernilai tinggi itu kurang di dalam negeri Selangor. Jadi ini kena tengok kenapa jadi macam ini. Orang bawa 13 boleh dapat 4 bilion, kita bawa 242 . 7 bilion je kita dapat kenapa syarikat-syarikat kecil aja yang nak kita kenapa atau kita tidak membuat apa-apa insentif untuk menggalakkan yang premium-premium yang macam UMW yang satu-satunya itu yang dibanggakan datang ke tempat saya terima kasih. Bawa bilion *million dollar* kat situ tetapi syarikat itu cuma memerlukan beberapa kerat kerja aja. Berapa pekerjaan yang dia buat, tidak ada dia nak kan *skilled worker very high skilled workers*. Kami orang kampung tak rasa bagus inisiatif *very valuable* tetapi untuk kami orang-orang kampung nak rasa apa. Jadi cara pemilihan tak cekap, saya minta tengok balik perkara-perkara ini supaya lain kali jangan menuduh IMDB semata-mata. Nak kata 1MDB ini kalau nak ikut sejarah dia, kita tengok sikit sejarah, sebab ramai yang lupa sejarah ini. Yang ingin sekarang terutama orang-orang sekarang ini yang dalam dewan ini barangkali, barangkali ya jangan esok bawa saya ke pengadilan entah apa-apa pengadilan yang bukan-bukan punya. Apa yang diamalkan apa sejarah yang diambil apa yang minat sangat orang nak ambil sejarah lama ini. Dia orang nak ambil sekiton. Penderhaka ini yang banyak. Sekiton moden punya prinsip, yang banyak sekarang nak menjadikan ia dibuka banyak-banyak sejarah itu untuk diamalkan. Kita tak nak IMDB ini kita nak bagi tahu bahawasanya Kerajaan cuma bagi pada 2009 dulu satu juta sahaja kapital dia. Itu *pun in term of equity* dan 900 ratu ribu. tunggu kejap / cakap....

Y.B. TUAN DR. A XAVIER JAYAKUMAR: Tak, boleh *you*

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: *You* bahas

(perbalahan)

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya nak tanya soalan *simple* sahaja. *You* kata *equity* dan 1 juta saya nak tanya soalan saja bagi saya tanyalah soalan. Boleh.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tanyalah

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ya ke, duduklah, duduk, duduk, duduk. *Simple* sahaja kita debat, soalan saya tentang 1MDB bukan soalan dia pertubuhan IMDB. Kita soal di sini ialah pencurian yang telah laku di dalam 1MDB.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya faham

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Kecurian itu ialah isu yang kita bentang di dalam dewan ini.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Betul, saya faham

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Bukan pertubuhan 1MDB itu, jawab soalan yang kita bawa di sini ialah 2.6 bilion itu telah dicuri, masuk akaun Perdana Menteri. Itu betul itu fakta dia pun mengakui masuk dalam akaun dia . Kita tak soalkan integriti 1MDB kita soalkan apa dia. *Administratif...*

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Nanti saya terangkan dahulu Puan Speaker saya nak bagi tahu cuma penglibatan kerajaan 1MDB *interm of equity* dan pinjaman. *Is very small value* yang lain-lainnya... dengar sekejap.. Itu kapital yang digunakan yang dibagi peringkat awal oleh kerajaan dan selebihnya adalah syarikat yang menguruskan mana nak dapat dana dan sebagainya dan dengar dulu, belum habis lagi.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Siapa tubuhkan 1MDB?

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Memang kerajaan. Tapi kapital dia 1

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Siapa? Siapa? Siapa?

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: 1 milion.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Siapa?

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kewangan, Kementerian Kewangan. Ok, fine.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Siapa? Siapa Menteri Kewangan?

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Menteri Kewangan, ok *No. 1. What's wrong? What's wrong with it? (Tepuk meja)*

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Apa salahnya?

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: MO1, MO1

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tapi, syarikat itu diurus oleh pengurus.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak tanya soalan.

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ekuiti dia

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak tanya soalan. Sikit aje sangat.

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Eh orang ni saya

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Sikit aje soalan. Batang Kali bekas *Bank Officer*.

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya tak percaya dah. Tak percaya Yusoff Qardawi pun dimain-mainnya. Tak percaya dah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Batang Kali bekas *Bank Officer*.

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mana boleh. Yusoff Qardawi dimainkan. Dah tak payah

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Bekas *Bank Officer*, kalau kapital 1milion boleh buru..

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker, saya tidak melayan orang yang mencerca Yusoff Qardhawi. Saya punya ulama' besar saya tu.

TUAN SPEAKER: Apa maksud tu?

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Dia mencerca. Saya tak hormat dengan orang yang mencerca buku yang dipegang dan dibawa kemari.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik, Batang Kali tak benarkan.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya tak hormat. Duduk. Saya sama sekali tak hormat. Tapi saya boleh maafkan. Sebab saya tak suka mencaci. Saya tak suka. Kalau saya pegang satu buku tu, buku tu sangat mahal tuan-tuan.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Tetapi sikap tak merupakan seperti apa yang dibukukan. Jadi saya tak, tak boleh terima macam tu. Minta maaf.

Ok, kita sambung. Nak, nak katakan 1MDB salah lagi. Ok, tak payahlah baca banyak-banyak. Kalau nak boleh, boleh datang ambil kat saya ni penuh cerita-cerita 1MDB dalam ni. Rasanya semua orang dah tahu. Cuma saya cuma nak bagi tahu Sekinchan, Tan Seng Giaw you nak, nak, nak, nak lawan, nak, nak, I rasa tak lama lagi dia ni kena buang daripada DAP ni. Sebab apa ni Tan Seng Giaw inilah orang yang mengatakan bahawasanya tiada penglibatan dan salah guna kuasa oleh Perdana Menteri. Siapa Tan Seng Giaw ni? Orang yang nak dijatuhkan oleh DAP ni. Yang nak dibuang oleh DAP sekarang ni. Siapa dia Tan Seng Giaw ni? Orang yang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Batang Kali, bukan ke Tan Seng Giaw tu Naib Pengerusi DAP Kebangsaan?

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Betul. Dia orang bukan hormat. Dia orang tak hormat. Timbalan Pengerusi pun dia orang boleh tendang. Yang penting, orang yang dapat No.8 boleh jadi Setiausaha, Setiausaha Agung. Macam mana ini orang No.8 menang boleh jadi Setiausaha Agung? No.5 dalam Selangor tak jadi Pengerusi macam mana?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Batang Kali saya betulkan sikit. Yang No.8 di Selangor.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Oh Phua.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tony Phua, jadi pengerusi. Tapi No.8 dapat, kesian. Sekinchan bagi tinggi markah pada dia.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ini mana ada keadilan?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Apa nak buat dengan 1MDB ni?

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kalau orang yang tak mengamalkan keadilan

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Apa nak buat dengan 1MDB ni?

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Isu 1MDB ke isu DAP ni?

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: tidak mengamalkan prinsip sebenar

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Kalau minat dengan DAP boleh masuk DAP lah tak apa.

(Gaduh)

Y.B. TUAN MAD NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Minta maaf Puan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Peraturan Tetap 36 (1) seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja. Dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara.

TUAN SPEAKER: Rawang, Rawang, dah duduk dah Batang Kali.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Jadi saya rasa ucapan Batang Kali itu jauh terpesong.

TUAN SPEAKER: Baiklah, Ahli Dewan Negeri Pembangkang ada sesiapa lagi yang nak bahas? Sungai Burong silakan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Sekarang ni dia bagi peluang untuk mengambil perbahasan ya dalam isu usul No.4 Tahun 2017 Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Seri Andalas. Yang menggesa Kerajaan Negeri untuk meneliti kesan pelaburan ekonomi, percukaian dan impak terhadap rakyat Negeri Selangor secara keseluruhan. Rentetan tuduhan ni kes kecurian dan korupsi 1MDB seperti yang difailkan oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat, DOJ serta impak amalan *kleptorasi* yang berakar di peringkat persekutuan. *Kleptorasi*, ok. Tuan Speaker, pertama sekali kalau kita nak melihat bahawa 1MDB ini diperjelaskan. Kalaulah kajian nak dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor ya, untuk mengadakan kesannya kepada pelaburan ekonomi dan percukaian daripada MDB ni kena ada 1 *batonologi* yang khusus ya, kerangka untuk memastikan ya apakah asas-asas kepada penilaian tersebut. Kalau tidak ianya menjadi retorik politik ya. Ia akan timbul dan buat tuduhan yang dan sebagainya. 1MDB telah menyebabkan orang katanya pelaburan di Selangor jatuh, ekonomi di Negeri Selangor merudum,

24 JULAI 2017 (ISNIN)

percukaian, cukai, percukaian makin meningkat. Selangor asas percukaiannya ialah daripada tanah ya, daripada hasil-hasil kutipan daripada

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Mohon mencelah...

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: ya, dan kalau mempunyai

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Speaker..

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Sungai Burong...

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Boleh saya tanya?

TUAN SPEAKER: Pandamaran minta mencelah...

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Kejap lagi ya? Saya...

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Tak apa. Saya hanya ingin bertanya, tahukah Sungai Burong, baru-baru ini pada pagi ini Parlimen baru sahaja menolak 30 soalan yang berkenaan dengan 1MDB. Jadi kalau kita tidak bertanya di sini, di mana kita boleh bertanya? Bukan. Tak apa. Itu soalan saya nak tanya.

TUAN SPEAKER: Baiklah Pandamaran, Sungai Burong tak benarkan dulu. Sungai Burong teruskan...

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker, saya nak bagi, nak tanya boleh ya. Tapi kita kena fokus kepada isu dia. Isu dia, dia kata 1MDB memberikan kesan kepada ekonomi percukaian pelaburan Negeri Selangor. *Fair*. Saya kata kita boleh setuju. Kajian perlu dibuat. Kalau nak buat kajian cadangan...

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Puan Speaker, soalan ini sepatutnya dibangkitkan dalam Parlimen. Kita bersetuju tetapi Parlimen tidak dibenar, tidak membenarkan soalan langsung berkenaan dengan 1MDB. Kita terpaksa membangkitkan di Dewan Negeri Selangor. Itulah alasan tu. Sekiranya Barisan Nasional boleh mempengaruhi, boleh. Tak apa, tak apa. Tak beranilah dicabarnya.

TUAN SPEAKER: Pandamaran, Pandamaran...

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Saya rasa, kita boleh setuju. Ini isu Parlimen. Seharusnya ditanya di Parlimen..

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Sungai Burong, teruskan...

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ha, teruskan. Saya nak bagi laluan Tuan Speaker nak teruskan...

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Tengok sikap samseng daripada Barisan Nasional.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ok, saya boleh bagi laluan. Ok, apa nak tanya.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Sungai Burong, teruskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya dah bagi laluan dah. Tanyalah. Kat mana saya cakap tadi. Ini kerja nak mengacau ucapan saya. Itulah saya, asas landasan kepada kajian itu mestilah betul. Kalau tidak ya, kajian ini tidak ada makna sekali. Membazirkan duit Kerajaan Negeri sahaja untuk men, siapa yang dilantik untuk menjalankan kajian ini. Adakah benar-benar 1MDB akan menyusahkan Negeri Selangor. Ataupun kadang-kadang langkah ini sebenarnya tidak perlu. Sebenarnya kalau kita nak melihat ekonomi percukaian dan apa orang kata pelaburan di Negeri Selangor lebih kita menyelesaikan apakah dasar-dasar pelaksanaan perancangan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi meningkatkan kesan ekonomi ya. Sebab 1MDB mempunyai pelaburan RM40 bilion. RM40 bilion ini adalah pelaburan daripada 1 syarikat, syarikat swasta. Walaupun syarikat ini adalah syarikat yang dijamin oleh kerajaan, syarikat di bawah Kementerian Kewangan ya. Dengan pelaburan disebut bermula ekuitinya sebanyak RM1 milion ya. Mampu diuruskan dengan urus tadbir yang meragukan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Boleh celah? Saya nak tanya

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Urus tadbir yang kurang baik yang, yang perlu apa ni.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Nak tanya soalan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong benarkan? Silakan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Sungai Burong kata tadi, ekuiti dia RM1 milion saja. Betul. Saya tak kata tak betul tetapi macam mana 1

24 JULAI 2017 (ISNIN)

syarikat dengan ekuitinya RM1 million saja boleh pinjam sampai RM950 million? Itu urusan baik ke? Itu urusan baik?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ok, ok. Itu soalnya ya? Itu soalnya ya? Saya ingat apa ni sebab Seri Andalas macam Sungai Burong. Dia bukan ahli korporat. Dia tak tahu. Saya bagi contoh syarikat penerbangan ya. Air Asia ya. Dia modalnya cuma beribu ringgit sahaja lepas tu dia ditubuhkan tetapi dapat jaminan sampai beratus juta. Tak ada masalah. Ini urusan syarikat ya. Jadi kalau ada orang menjamin. Soalnya sekarang ni

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Kejap, kejap. *You* bandingkan dengan Air Asia dengan 1MDB?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tak, saya bagi contoh

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tak, tak, tak. Tadi you kata you bandingkan Air Asia dengan 1MDB? Air Asia ini 1 syarikat yang telah didaftar di dalam Bursa Malaysia.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker, Tuan Speaker. Saya nak bagi contoh mana pelaburan ya. Duduk, duduk. Saya tak, saya ikut peraturan. Tapi tak, dia tak duduk.

TUAN SPEAKER: Baiklah, Sungai Burong silakan, teruskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Dah bagi contohkan? Ada, bukannya tak ada, jadi tak ada masalah perkara itu., cuma saya nak kata ini adalah merupakan pelaburan daripada syarikat swasta yang urus tadbirnya boleh kita persoalkan ya. Dari segi orang kata tindakan pelaburan ini adalah mempunyai 2 objektif. Pertama untuk membuat pelaburan di luar negara ya. Yang kedua, untuk membantu pembangunan ekonomi. Dan kalau kita lihat walaupun dalam keadaan kekangan kewangan tadi ya yang RM42 bilion tadi dia telah rugi tetapi sekarang telah dapat balik modal pinjaman yang dipinjam tu. Dan dapat dibayar balik oleh 1MDB

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, minta, minta laluan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: sebagai sebuah syarikat. Saya nak bagi contoh ya. Kalau syarikat lain seperti MAS yang mengalami kerugian besar

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Minta laluan, minta laluan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong benarkan atau tidak?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tak payahlah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Minta laluan, minta laluan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya nak ulas tu dia punya ulasan tadi ya.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Bolehlah ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Boleh lah sekejap je.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Syarikat ini mendapat pinjaman tetapi kenapa Menteri Kewangan Ke-2 tak tahu dan tiba-tiba Perdana Menteri tak tahu tak dibincangkan dalam kabinet. Macam ada komplot yang sedang nak menipu kerajaan. Sebab Menteri yang bertanggungjawab tak tahu dan kabinet tak tahu. Dan bila kabinet persoalkan, kena pecat.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ya, ini GLC syarikat, dia ada Lembaga Pengarah. Dia bertanggungjawab. Dia *will be accountable*. Akan ada audit *report* ya. Akan diaudit dan ada *report* akan dibentangkan. Jadi syarikat

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Penjaminnya kerajaan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ialah, syarikat

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Penjaminnya kerajaan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Jika ada isu dan masalah saja sebagai yang telah berlaku dalam 1MDB tetapi ada isu dan masalahnya, maka itu perlu dilaporkan kepada kerajaan dan akhirnya dibawa kepada PAC.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tak, kerajaan yang menjadi penjamin. Kerajaan menjadi penjamin kepada 1MDB.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker, siapa yang bercakap ni? Saya berbahas ke dia berbahas?

24 JULAI 2017 (ISNIN)

TUAN SPEAKER: Sungai Burong kalau tak benarkan minta dia duduk

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Bawa kepada PAC, PAC telah buat keputusan. Ini PAC tak bagi pun. PAC tak lepaskan juga. Siasatan tu.

TUAN SPEAKER: Mereka suka Sungai Burong. Sungai Burong nak teruskan ke tidak?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya nak teruskan tapi diganggu.

TUAN SPEAKER: Baiklah, jangan ganggu Sungai Burong. Sungai Burong teruskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Itulah tadi kat mana saya bercakap, dah hilang ya. Teruklah korang. Sampai mana tadi. Itu tadi kan. Isunya isu. Dah, sudahlah, dah lepas dah. Air Asia dah lepas. Ini isu tentang urus tadbir dalam apa ni 1MDB ni. Saya nak nyatakan 1MDB yang berhutang, sebuah syarikat yang berhutang telah berjaya memulangkan hutang-hutang dia. Berlebih lagi, itu dia. Apa yang Sekinchan nak gelak kalau Sekinchan berhutang ya, dia berhutang ya. Kemudian tu dia cagarkan ke, kemudian tu dapat pulangkan balik hutangnya dengan syarikat. Apa masalahnya? Isunya yang mungkin timbul daripada sini ialah ada

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Boleh, boleh, boleh perjelaskan sikit?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Pelaburan negara usaha sama antara 1MDB dengan syarikat antarabangsa di luar negara. Ini isunya. Kalau ini silakanlah buat auditan, SPRM pun datang buat siasatan ya. Kemudian sekarang ini kalau ada jabatan apa ni *department of justice* dengan izin daripada Amerika menimbulkan kesangsian dan keraguan oleh kenapa aduan-aduan daripada orang daripada Malaysia yang berkomplot untuk menjatuhkan Perdana Menteri dan Barisan Nasional

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Oooooohhh.
Komplot dari Negara USA nak jatuhkan Malaysia

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: saya ada bagi tahu mengapa ada komplot.

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: You jangan bodohkan diri sendiri.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Contohnya Perdana Menteri.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta, minta. Sungai Burong, saya minta 1 soalan. Tanya 1 soalan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong benarkan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: 1 soalan. Oklah. Memandangkan Yang Berhormat Sungai Burong, dia kata ini komplot nak jatuhkan Perdana Menteri, tak apalah. Saya nak cadangkan ya beranikah Perdana Menteri kita, Najib Tun Razak menyahut cabaran mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir untuk bersemuka bahas *nothing to hide 2.0* supaya betul ke betul, jatuh ke tak jatuh dapat kita tengok, saksi. Saya pun pergi, saya akan pergi dengan Sungai Burong, dua-dua kita pergi. Bersama-sama kita pergi. Dengar, betul ke Najib jatuhkan dia ataupun ada asas. Saya nak dengar.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Pelik, pelik juga ya? Pelik tapi benar. Dulu zaman Tun Mahathir tak ada pula nak suruh cabaran debat-debat. Banyak isu-isu yang berbangkit hari ini. Yang telah terbongkar. Tak adapun nak debat-debat. Hari ini pula, ada cadangan supaya debat. Dulu debat dengan Menteri sekarang debat dengan Perdana Menteri, sempat lagi nanti. Kenapa dulu tak debat dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri. Masa dia pecat Timbalan Perdana Menteri. Ha.. tu dia. Ini semua politik. Kita dah tau politik ini, hari ini, saya nak bagi tau, politiknya, hari ini, bukan kebenaran, tapi kepalsuan. Ini ada satu..

TUAN SPEAKER: Sg. Burong, Sri Muda..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Satu adalah untuk menjatuhkan Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional. Kerana itu, kerana itu, Mantan Perdana Menteri sanggup bersekongkol dengan DAP dan DAP mengambil peluang ini pula, untuk dia tahu musuhnya sama...

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Sri Muda boleh mencelah.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong, Sri Muda..

24 JULAI 2017 (ISNIN)

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak mencelah boleh. Saya dapat mencelah Sg. Burong ini, saya setuju *nothing to hide* diteruskan oleh mantan Perdana Menteri, oleh Tun Mahathir. Sebab itulah pentas untuk dia menjawab soalan-soalan apa yang dah dilakukan selama 22 tahun, yang hari ini menjadi kesan kepada rakyat. Yang legasinya terpaksa dipikul oleh Perdana Menteri yang sekarang. Dia kena jelaskan. Termasuk kekayaan anak dia, termasuk skandal-skandal yang ada pada zaman dia. Memang itu masa yang baik untuk dia jawab, tapi itu bukan debat dengan Perdana Menteri yang ada. Saya ingat saya bersetuju dengan Sg. Burong.

Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, tuan speaker..

TUAN SPEAKER: Sri Andalas nak mencelah, siapa..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Okey, boleh saya teruskan.. Saya tadi,

Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tanya soalan.

TUAN SPEAKER: Tanya soalan. Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Cukuplah, cukuplah ya.. hahahaha (gelak).

Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Permatang jahat.

..... Sg. Burong bukan Menteri Besar, bukan EXCO...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak ada sangkaan jahat. (gelak). Okey, saya nak teruskan tadi. Mana tadi. Ha,,, ya, isunya tadi tentang kajian, kajian. Saya berbalik pada tadi, Usul tadi, Usul tu, supaya kajian dibuatkan. Kalau kajian ini, benar-benar kajian ini bermakna, maka kita kena ambil, dia punya, orang kata, kriteria yang tepat. Ya, adakah betul, ada kaitannya, kecurian 1MDB ini dengan kesan pelaburan, tapi kalau kita lihat pelaburan-pelaburan yang dilaporkan oleh EXCO di Negeri Selangor, daripada tahun ke tahun, pelaburannya cukup baik, bertambah, di Negeri Selangor. Sama ada itu usaha-usaha *delivered* oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juga kerajaan persekutuan. Ya, tetapi ternyata bahawa kesan positif berlaku di negeri Selangor. Daripada hasil pelaburan tersebut, ya. Dan juga dari segi kedudukan ekonomi...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Yang telah berkembang dengan kadar yang baik. Saya dah nak habis dah ni. Ini, tak apa, pendek je, saya punya hujah, saya pun nak tak mengambil masa yang panjang. Jadi

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ada kesilapan fakta di situ. Ada perbezaan fakta... Yang Berhormat..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Cadangan sayalah.. ialah andaian saya,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak apa, itu cadangan, kesilapan fakta. minta penjelasan...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: .. Kerana itu, jika mahu usul ini, saya ingin jika mahu Usul ini,

TUAN SPEAKER: Sg. Burong tak benarkan, Kg. Tunku

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya ingin menyokong Usul ini, sekiranya kena berdasarkan pada parameter, berdasarkan kepada ciri-ciri, kriteria, ya, kajian ini dengan *mythology* betul, supaya ia memberi makna, kalau tidak saya anggap kajian ini nanti hanya pembaziran dan mungkin menjadikan isu politik. Mungkin sebab nak menjelang pilihan raya yang akan datang. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kampung,,, ha... Sabak dulu.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih, Tuan Speaker serta seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat. Izinkan saya untuk memulakan kalam saya pada petang ini dengan memetik ayat yang ke11 daripada Surah Ar Raqd... (**bahasa arab**)... Yang bermaksud “ .. bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya, silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya. Yang mengawas dan menjaganya yakni dari sesuatu bahaya dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum, sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”.

Tuan Speaker, saya juga terpanggil untuk turut menyokong Usul yang telah dibawakan oleh Sri Andalas sebentar tadi tentang cadangan dan beberapa cadangan terhadap beberapa isu 1MDB dalam negara kita. Sebelum daripada itu, suka juga untuk kita melihat sejarah dari sudut penyelewengan, perbagai isu-isu yang berlaku, berlaku

penyelewengan kewangan dalam negara kita. 1MDB bukanlah isu pertama. Tetapi sebelum daripada itu, kita telah dikejutkan juga dengan berbagai-bagai penyelewengan-penyelewengan dana awam harta negara. Saya berkeyakinan penuh, sekiranya negara kita diurus dengan tadbir dan diurus dengan baik, rasa-rasanya tidak akan ada lagi isu kemiskinan, nun di hulu kampung di Sabak Bernam, tidak ada kemiskinan rakyat di Hulu Selangor. Tidak ada kemiskinan mahupun rakyat di Sabah dan di Sarawak. Sebab kehilangan harta negara, melalui penyelewengan dan sikap tidak bertanggungjawab ini, telah melalui fasa demi fasa, isu demi isu, yang bukan sedikit. Memakan harta wang rakyat dana awam negara kita ini. Isu 1MBD adalah di antara yang terakhir. Sebelum daripada itu terlalu banyak isu. Dan Dewan ini, saya percaya kita tidak cukup masa untuk kita menyenaraikan sekian banyak isu-isu penyelewengan dalam negara kita ini. Isu NFC, National Fix Lot, isu PKFZ, Pelabuhan Klang Free Zon, isu PERWAJA Steel, isu Tabung Haji, isu MARA, dan berbagai-bagai-bagai lagi isu, yang memakan jumlahnya ratusan bilion, daripada segala penyelewengan ini. Bayangkan kalau ratusan bilion ini betul-betul digunakan untuk rakyat, sebagaimana yang saya sebut, kemungkinan sukar untuk kita, untuk mencari siapakah rakyat untuk kita bayar zakat kepada mereka. Kerana tidak ada lagi ataupun hampir tidak ada soal kemiskinan dalam negara kita ini. Sebab itu saya berkeyakinan bahawa persoalan 1MBD bukan sekadar persoalan peribadi bukan, bukan, bukan *person*, dengan izin. Bukan personel, tetapi soal sistem. Bagaimana acuan begitulah hasilnya. Saya percaya pengalaman-pengalaman yang lalu, umpamanya, minta maaf menyebut Almarhum Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat, 22 tahun membuka ruang pintu pejabat untuk didatangi oleh SPRM. Untuk semakan demi semakan, kepercayaan terhadap, boleh jadi sebagai seorang pemimpin, saya nak pergi dulu, kalau dia pemimpin seorang yang Muslim umpamanya. Dia percaya bahawasanya di kiri kanan mereka akan ada yang mencatat sebagaimana ayat yang saya bawakan tadi. Persoalan yang mengejar mereka bukan sekadar, bukan sekadar soal jawatan tetapi persoalan, persoalan dosa pahala yang turut dibawa dalam urus tadbir. Saya percaya, kalau ini, boleh dijaga, dan peringatan ini kepada semua, sebab itu saya percaya, Alhamdulillah kita syukur di negeri Selangor kita juga, ber-Menteri Besar kan, ha, ini bukan nak mengampu, tapi nak menyebut tentang peringatan, siapa pun, kalau mereka percaya soal dosa pahala, mereka percaya soal halal dan haram, mereka akan dapat berjalan dalam keadaan yang penuh bertanggungjawab. Ini sistem yang mesti berlaku dalam urus tadbir. Dan saya percaya untuk mengembalikan inilah, sejarah penyelewengan wang dalam negara kita ini bukan perkara yang baru. Tetapi telah berjalan sejak sekian lama. Ringgit demi ringgit, bilion demi bilion hanya didengar oleh masyarakat. Apalah masyarakat yang tahu sangat nun di hujung di Sabak Bernam tentang 1 bilion, 2 bilion, 3 bilion,

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, mencelah. Adakah Sabak setuju, untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berulang-ulang kali ini, seluruh

rakyat Malaysia kena ikut jejak langkah rakyat Selangor. Tukar Kerajaan Barisan Nasional, ganti dengan kerajaan yang baru. Supaya telus dan pastikan tidak berulang lagi.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Ya, kita secara sama ada secara kebetulan atau secara terancang memang seluruh sistem ini berjalan sejak zaman daripada Kerajaan Barisan Nasional dulu. Dulu sebab itu ia berjalan dalam keadaan pemimpin naik, pemimpin turun, pemimpin itu naik, pemimpin itu turun atas nama sapa, pun, boleh jadi kerana sistem itu menjadikan ruang-ruang yang seperti ini. Sebab itu, persoalan menukar Kerajaan satu hal. Tetapi persoalan untuk membentuk seorang pemimpin untuk menjadi seorang yang perlu kepada keliling kelalang mereka yang sentiasa menjadi penegur. Saya percaya keinginan hasrat kita negeri Selangor. Bila kita mencadangkan satu posisi, *angle* yang sangat, yang sangat strategik, umpamanya untuk menegur kewangan negara, PAC, kita serahkan kepada Ketua Pembangkang. Ini sebagai satu usaha yang bukan sekadar yang kita nak, kita saja nak beri, tetapi mempunyai suatu motif yang terbaik supaya yang menegur itu tidak ada *bias* terhadap Kerajaan Negeri, orang luar, orang kedua, orang ketiga yang mempunyai pandangan yang sangat bebas untuk menegur Kerajaan Negeri. Saya percaya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh mendengar, sebab itu beliau sendiri mencadangkan supaya Pengerusi kepada PAC itu bukan Sekinchan, tetapi orang lain yang supaya tegurannya itu, sangat bebas dan boleh didengar. Jadi ini yang kita perlukan di keliling kelalang. Tapi kalau orang pertama dalam negeri memulakan soal ketirisan ini, saya percaya orang kedua, orang bawah kakitangan kerajaan pun akan menjadi orang yang terikut dengan soal ketirisan dengan soal penyelewengan terhadap dana awam dalam negeri ini.

Jadi sebab itu, tuan-tuan sekalian, saya menyebut tadi soal rakyat hanya mendengar sahaja isu-isu soal berbilion sejak dari dulu. Mereka yang terdidik di kawasan-kawasan bandar yang ada pengetahuan, mereka saya percaya akan ada perubahan demi perubahan. Tetapi rakyat di kampung, yang tidak tahu persoalan tentang, tentang isu 1MBD, tak berapa faham tentang isu NFC, tak berapa faham tentang isu PERWAJA Steel, yang mereka sebahagian besar mereka mendapat instrumen daripada media, *prime media*, daripada TV1, TV2, TV3, dan tak banyak alternatif yang boleh mereka dapat saluran maklumat-maklumat. Akhirnya tidak ada perubahan sangat dalam masyarakat kita untuk memahami soal ketirisan soal kehilangan wang. Saya menyebut ini bukan soal, bukan soal individu tetapi soal sistem yang mengurus ini mestilah berteraskan kepada soal kepercayaan, terhadap dosa dan pahala terhadap sistem, soal keliling kelalang yang mesti menjadi penegur yang paling ikhlas, untuk memastikan bahawa soal wang awam, soal dana rakyat dan dana awam ini, soal wang rakyat ini mesti diurus dan dikembalikan semula kepada rakyat. Saya percaya juga, kalau kita

24 JULAI 2017 (ISNIN)

memahami soal isu keberkatan dalam soal urus tadbir. Yang isu ini kadang-kadang, kita melihat sebagai *secondary* dalam kehidupan, padahal ia adalah suatu yang sangat penting. Saya waktu yang sama menyokong, kalau kita mengatakan kita perlu kepada satu penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat hingga ke akar umbi, di manakah punca penyelewengan, siapakah mereka, perlu dihadapkan, walaupun...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sabak, boleh sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat semua...

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: 20 minit esok .

TUAN SPEAKER: Jam telah menunjukkan pukul 4.30 petang, maka saya tangguhkan sesi Dewan sehingga esok, 25 Julai, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)